

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 6

Isnin

20 April 2015

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 21)

Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *YB Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah* (Halaman 22)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 20 April 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Kita mulakan dengan sesi kita pagi ini dengan sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan. Dipersilakan Dato' Lim Nget Yoon.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Lim Nget Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah diambil oleh pihak kementerian untuk menghapuskan tabiat menyedut ubat kebas di kalangan remaja.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Lim. Tuan Yang di-Pertua, ubat kebas yang dimaksudkan ialah *ethyl chloride spray* yang digunakan bagi menghilangkan kesakitan yang bersifat sementara, dan diaplikasikan secara luaran ataupun *topical* semasa pembedahan kecil ataupun melegakan kecederaan otot ketika bersukan.

Oleh sebab kegunaannya yang bersifat umum, ia tidak dikawal sebagai racun berjadual di bawah Akta Racun 1952 dan boleh diperolehi sebagai produk *over-the-counter* ataupun OTC. Apabila digunakan sebagai ubat *topical*, dengan cara yang betul dan mengikut indikasinya ia tidak akan mendatangkan sebarang kesan ketagihan kepada pengguna.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan pendidikan kepada orang ramai tentang cara-cara menggunakan ubat-ubatan dengan betul supaya penyalahgunaan ubat-ubatan seperti ini dapat diatasi. Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi bahayanya ialah bila anak muda ini dia *spray* ubat itu ke atas kain tuala, kemudian dihisap, dihidu. Ini yang membahayakan kerana dalam lima minit ia akan mendatangkan kesan *hallucination*, halusinasi terutama *visual hallucination*. Ini amat berbahaya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Nget Yoon: Seperti yang kita telah dimaklumkan, dadah ini memang wujud dan orang muda kita ialah masa depan negara kita. Jadi, kalau masalah berkaitan ini berterusan bermakna orang muda kita akan rosak. Jadi, ke manakah pergi negara kita tanpa orang muda yang berguna? Di sini kita

lihat kemungkinan langkah-langkah atau tindakan diambil oleh Kementerian tidak begitu berkesan. Jadi, apa langkah-langkah yang lagi teliti, lebih berkesan untuk mencegah masalah tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ubat *ethyl chloride spray* ini sebenarnya dahulu lagi sudah ada semasa saya *practice* dahulu, sudah 30 tahun. Saya ingat, saya pernah gunakan untuk *local anesthesia*. Bermakna kalau hendak potong bisul yang kecil ini, pakai *spray*, dia hilang sakit dalam satu minit kita boleh potong. Ia tidak sakit. Akan tetapi, untuk sukan ini memang digunakan untuk hendak hilang kalau main bola kena tendang, sakit otot, dia *spray*, ia hilang sekejaplah. Akan tetapi memang dahulu anak-anak muda tidak pandai, sekarang sudah makin pandai. Macam-macam dia cuba termasuk yang hidu *ethyl spray* ini.

Memang kesan kepada badan kalau sedikit-sedikit biasa, kalau tidak *abuse*, kalau tidak salah guna dia selamat tetapi bila dihidu ini kesan dia seperti yang saya sebutkan tadi, dia akan mendapat *hallucination* dan boleh jadi *respiratory depression*, boleh dapat *transient hypertension* dan sebagainya. Ini kesan yang tidak baik. Jadi, dalam hal ini kajian belum ada lagi tentang sama ada *abuse* ini menyeluruh, orang ramai yang terlibat ataupun segelintir sahaja. Belum ada kajian tetapi saya difahamkan bahawa Kementerian Dalam Negeri telah menggubal satu undang-undang yang disebut sebagai, 'Akta Bahan Mengkhayalkan'. Saya difahamkan juga undang-undang ini drafnya sudah ada tetapi belum ada *engagement* dengan *public* lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau dahulu kita lihat pada tahun 70-an bahawasanya satu *trend* membunuh diri dengan meminum racun rumpai di mana setelah itu kerajaan telah pun mengarahkan supaya kilang-kilang racun rumpai ini memasukkan agen pemual iaitu *vomiting agent* ke dalam produk mereka. Boleh atau pun tidak kerajaan memastikan syarikat pembuat ini mewajibkan memasukkan ejen pemual supaya produk *spray* ini anti kebas ini tidak disalah gunakan? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Telah Yang di-Pertua, tadi saya sebut bahawa pihak KDN sedang menggubal satu 'Undang-undang Bahan Mengkhayalkan' dan di peringkat sudah didrafkan. Kita akan minta supaya KDN juga memasukkan bahan ini, *ethyl chloride* ini dalam senarai bahan-bahan yang mengkhayalkan itu Tuan Yang di-Pertua.

2. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah memberi pemahaman mendalam terhadap ibu bapa berkaitan Akta Kanak-Kanak 2001 termasuk risiko yang bakal dihadapi jika ibu bapa dan penjaga melanggar peraturan dan garis panduan dalam akta itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad pada 20 April 2015, bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul pada 28 April 2015 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bertanggungjawab terhadap semua aspek kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak. Selaras dengan tanggungjawab ini, Akta Kanak-Kanak 2001 telah digubal bagi menjamin perkembangan pembangunan kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak yang mengambil kira elemen dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Ibu bapa melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga menyebabkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual boleh disabitkan di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-kanak 2001. Apabila disabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memberi pemahaman mendalam kepada ibu bapa atau penjaga berkaitan risiko yang bakal dihadapi jika melanggar peruntukan dan peraturan serta garis panduan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 termasuk tindakan yang boleh dikenakan ke atas ibu bapa atau penjaga yang cuai dalam penjagaan kanak-kanak. Antaranya melalui pelaksanaan penyediaan perkhidmatan sokongan, program advokasi dan penggubalan dasar. Sehubungan dengan itu, antara program yang dijalankan adalah:

- (i) Pasukan Perlindungan Kanak-kanak - Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ditubuhkan di setiap daerah selaras dengan fungsi Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-Kanak. Pasukan ini dianggotai oleh seorang pelindung iaitu Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pengerusi, pegawai perubatan, pegawai kanan polis serta anggota masyarakat yang prihatin terhadap isu sosial yang melibatkan kanak-kanak.
Pada masa ini, terdapat 134 buah PPKK di seluruh negara. Fungsi utama PPKK adalah untuk menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak, jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Selain itu, PAKK juga menjalankan program pencegahan penderaan dan perlindungan kanak-kanak yang menekankan peranan ibu bapa atau penjaga sebagai penjaga kanak-kanak dan peruntukan berkaitan yang terdapat di dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Sehubungan ini, PPKK menyediakan program berbentuk seminar, kursus dan bengkel serta intervensi berbentuk motivasi, bimbingan, kaunseling dan sukan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman dalam kalangan ibu bapa dan penjaga;
- (ii) Pusat Aktiviti Kanak-kanak - Pusat Aktiviti Kanak-kanak telah ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada ibu bapa dan penjaga serta kanak-kanak berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Kini terdapat 149 PAKK di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada 20,000 orang kanak-kanak. PAKK juga menyediakan program berbentuk bengkel dan kursus serta intervensi berbentuk motivasi, bimbingan, kaunseling dan sukan;

- (iii) aktiviti media. Selain itu, usaha untuk memberi penerangan dan kesedaran juga dilaksanakan melalui media. Hebahan dan publisiti dibuat menerusi penulisan rencana, *advertorial* di media cetak dan pesanan khidmat masyarakat (*public service announcement*), dengan izin, menerusi media elektronik. Media sosial rasmi kementerian dan agensi termasuk laman web, *Facebook*, *Twitter* kementerian digunakan untuk menguar-uarkan langkah pencegahan dan tips menangani gejala ini serta fungsi dan peranan Talian NUR 15999; dan
- (iv) kerjasama antara agensi. JKM bekerjasama dengan Institut Latihan Kehakiman Malaysia bagi memberi penerangan kepada masyarakat setempat berkaitan Akta Kanak-Kanak termasuk menerangkan risiko yang bakal dihadapi jika ibu bapa dan penjaga melanggar peraturan dalam akta ini.

Sekian, terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu jelas dan panjang lebar.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian melihat berlakunya pertembungan Akta Kanak-Kanak Malaysia dan antarabangsa? Saya ambil contoh, pasangan Malaysia di Sweden yang dipenjarakan pada tahun lepas dan anak-anak mereka diletakkan di bawah penjagaan keluarga angkat di sana sebelum dihantar pulang ke Malaysia. Akan tetapi perbuatan pasangan itu jika dilakukan di Malaysia tidak dinamakan sebagai jenayah tetapi ditakrifkan sebagai mendidik. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Rahimah. Kami ambil maklum kerana kebudayaan negara adalah berbeza. Oleh itu kita memang menghadapi masalah bila berlakunya kes yang disebut tadi iaitu kalau untuk mengajar anak kita dengan merotan tetapi tidak mengakibatkan dengan fizikal cedera, itu tidak diambil sebagai satu kesalahan. Akan tetapi oleh sebab perkara atau masalah itu berlaku di negara yang asing, tidak dapatlah kita untuk mengimplementasikan akta di negara kita di negara yang berkenaan. Walau bagaimanapun, kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk memberi bantuan kepada pasangan atau ibu bapa yang berkenaan supaya anak mereka dapat perlindungan yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan video yang mana anak kecil menyanyi lagu "ABCD GST". Saya rasa ini juga satu penderaan kepada anak kecil ini oleh ibu bapanya ataupun keluarganya. Tidakkah kementerian terpenggil untuk menyiasat perkara-perkara sebegini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Memang kita faham ada segelintir ibu bapa menggunakan anak sebagai bahan atau media untuk mereka mengeluarkan perasaan sedangkan anak-anak mereka belum lagi faham apa itu GST. Ini satu keadaan yang tidak patut dilakukan dan kita akan melalui kursus-kursus yang tadi saya telah sebutkan untuk kita mempromosikan kesedaran di antara ibu bapa dan juga orang awam dan supaya kita tidak menggunakan anak-anak kita, jadikan mereka sebagai bahan untuk kita

mengeluarkan perasaan sendiri atau dengan ada apa-apa tujuan yang tidak begitu seronok. Terima kasih.

3. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah pandangan kerajaan terhadap cadangan Kesatuan Kongres Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) agar kerajaan mengkaji semula dan menambah baik kadar 231 elaun kepada penjawat awam iaitu seperti elaun perumahan, elaun sara hidup (COLA), elaun perjalanan, elaun hotel, elaun wilayah untuk mereka yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak; dan
- (b) bilakah 252 skim baharu berkaitan penjawat awam seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri pada bulan Oktober 2014 akan dilaksanakan.

■1020

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak mengalu-alukan kawan-kawan dari Perlis yang datang begitu ramai, malah yang teramai, paling ramai yang pernah hadir di Parlimen ini iaitu enam buah bas seluruh Perlis [*Tepuk*] Tahniah. Mereka meraikan Hari Perpaduan tapi dibuat di Kuala Lumpur. Kira hebatlah puak Perlis. Kita juga mengalu-alukan kawan-kawan dari *Netherland*. Tuan Yang di-Pertua akan sebut, saya tidak ada senarai. *From Holand, Netherland [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjaga kebajikan penjawat awam, kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat semakan ke atas gaji serta elaun penjawat awam supaya sejajar dengan kos sara hidup. Bagi membantu penjawat awam dalam menangani kos sara hidup, pegawai yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak termasuk mereka yang bertukar wilayah layak dipertimbangkan Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dan Bayaran Insentif Wilayah (BIW).

Bayaran perumahan wilayah yang ditetapkan mengikut lokasi dan berasaskan kadar sewa pasaran yang ditinjau oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan. Penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan dan mengikut gred 11 hingga pengurusan tertinggi di mana letaknya pegawai-pegawai. Sebagai contoh di Kota Kinabalu, kadar EPW adalah antara RM330 hingga RM2,500. Di Kuching dan Kuala Lumpur, kadar EPW antara RM500 hingga RM2,500. Di Kangar, kadar EPW antara RM250 hingga RM2,500.

Sementara itu bagi Bayaran Insentif Wilayah (BIW), kadar bayaran mengikut peratusan daripada gaji yang diterima iaitu di antara 12.5% sehingga 25%.

Berkenaan dengan pindaan terhadap 252 skim perkhidmatan, cadangan telah dibawa untuk pertimbangan kerajaan dalam bulan Mac yang lepas. Pelaksanaan terhadap pindaan tersebut akan dibuat setelah mendapat kelulusan kerajaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kajian yang dibuat adalah bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan dan memastikan sebarang kenaikan tidak menjadi beban kepada rakyat. Berdasarkan kepada pemerhatian, apabila gaji perkhidmatan awam

dinaikkan, ia juga memberi kesan kepada kenaikan harga barangan. Ini berlaku kerana Malaysia masih dihantui oleh peniaga-peniaga yang suka mengambil kesempatan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan tadi. Saya juga tidak lepas peluang untuk mengucapkan selamat datang kepada kawan-kawan dari kawasan Rukun Tetangga negeri Perlis... [*Tepuk*] yang seramai mungkin datang semasa Dewan Negara bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin cadangan dan pandangan Persatuan Kongres Pekerja-pekerja Khidmat Awam (CUEPACS) ini adalah ikhlas demi menjaga kepentingan dan kebajikan penjawat awam memandangkan kajian terhadap elaun-elaun lebih masa dan elaun-elaun lain tidak dinaikkan.

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan bagi membaiki skim perkhidmatan gred N17 dan ke bawah yang menerima gaji di bawah paras kemiskinan iaitu RM850 sebulan? Apakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan penstrukturan perjawatan baru dan kenaikan pangkat penjawat awam setiap lima tahun sekali bagi memberi peluang kepada penjawat awam meningkatkan profesion mereka? Juga, sejauh manakah kerajaan membuka peluang kepada penjawat awam bagi kumpulan sokongan yang mempunyai ijazah sarjana muda untuk diberikan kenaikan pangkat dan gaji setimpal dengan pendidikan dan kelulusan mereka?

Berhubung dengan penjawat awam ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, apakah tindakan kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa banyak soalan itu Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, berapa banyak?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Satu sahaja, habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ingatkan ada tiga empat soalan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagilah peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ia tidak mengikut peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Dua baris lagi. Dan penyelewengan salah guna Laporan Audit Negara sehingga berlaku ketirisan dalam perbelanjaan negara. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Penghabis itu apa dia? Yang ketirisan itu.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang *last* sekali terhadap penjawat awam yang melakukan kesalahan dan penyelewengan sebagaimana Laporan Audit Negara sehingga berlaku ketirisan dalam perbelanjaan negara.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, cadangan untuk perubahan gaji yang telah dicadangkan untuk 252 skim, telah saya maklumkan tadi bahawa ia akan dikaji oleh pihak kerajaan setelah mereka menghantar pada bulan Mac yang lepas.

Kemudian yang keduanya bagi mereka yang mempunyai ijazah. Setengah ini PA mereka dapat ijazah ataupun polis biasa dapat ijazah, mereka kena pohon untuk masuk skim baru setelah jawatan itu dibuka dan mereka akan bertanding sama seperti orang-orang lain. Cuma, kelebihan yang besar sebab

mereka telah pun bekerja dalam perkhidmatan berkenaan. Jadi orang kata markah lebih kepada mereka untuk mendapat pekerjaan. Kita tidak boleh buat secara automatik. Kalau kita buat secara automatik, habis semua orang dapat ijazah dan minta naik pangkat secara automatik. Ia akan merupakan sesuatu yang cukup berat kepada kerajaan. Kita tahu bahawa sekarang kita ada 1.6 juta orang anggota perkhidmatan awam dan kita mengambil kira pelbagai perkara sebelum sesuatu dilaksanakan.

Kemudian bagi mereka yang melakukan kesalahan, saya sudah maklumkan baru-baru ini bahawa semua laporan audit yang telah diperakukan oleh PAC dan dibawa di Parlimen, semua pegawai telah diambil tindakan berdasarkan apa yang telah saya umumkan. Angka itu agak panjang. Kalau Yang Berhormat perlu, saya akan bagi secara bertulis. Saya sudah umumkan di Dewan Rakyat berhubung dengan kedudukan pegawai yang telah diambil tindakan sama ada amaran, dibuang kerja, turun gaji dan sebagainya.

Kenaikan pangkat, Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan pangkat kita akan berdasarkan prestasi perakuan ketua jabatan dan juga kekosongan. Saya sedar bahawa di bawah sana mengatakan bahawa tiap-tiap kali berlaku kenaikan pangkat, yang perakuan ketua jabatan ini yang sering dipertikaikan. Kata mereka kalau baik dengan bos, tentu mudah naik pangkat. Jadi perkara ini telah diperkatakan dengan begitu rupa tetapi kita kena ingat bahawa kita kena ada sesuatu yang harus kita pegang sebagai landasan untuk tujuan kenaikan pangkat. Kalau sekiranya kita ambil orang lain pun, perkataan itu akan keluar. Contohnya kita ambil orang yang tidak pernah kenal bos tiba-tiba naik pangkat, orang lain pula yang kata.

Tidak ada pernah benda tersebut tidak diperkatakan sebab kita sedar bagi orang Islam bahawa Allah sediakan syurga dan neraka. Jadi benda yang tidak betul kita cakap, ke situlah perginya nanti. Jadi tentang cakap itu kita tidak boleh ambil kira. Akan tetapi sebab sekarang cakap begini sudah menjadi persepsi, maka kita kena tangani isu ini supaya kenaikan pangkat biar lebih telus. Kalaupun perakuan yang dibuat oleh ketua jabatan itu merupakan salah satu faktor menyebabkan dia naik pangkat, kita akan buat secara telus. Kita hendak pastikan supaya semua pihak berpuas hati bahawa kenaikan pangkat ini berlaku bukan kerana bodek bos dan sebagainya.

Berhubung dengan kebajikan pegawai awam, saya telah sebutkan tadi bahawa di mana pun mereka berada beberapa perkara kita beri perhatian termasuklah elaun perumahan dan elaun insentif. Elaun insentif ini berdasarkan kepada peratus gaji. Jadi penjawat awam saya ingat kebajikan mereka dijaga di tahap yang terbaik di negara ini. Akan tetapi apa pun kita hendak buat, perubahan gaji dan lain-lain, kita hendak pastikan supaya ia tidak menjejaskan rakyat sebab pegawai kerajaan ini diadakan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Kita tidak mahu kehadiran mereka boleh membebankan rakyat. Sebaliknya kehadiran anggota kerajaan membantu rakyat untuk kesejahteraan hidup di masa sekarang dan juga masa akan datang.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan dipersilakan Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya membaca bahawa terdapat lebih kurang 60,000 orang pekerja kontrak dalam perkhidmatan awam. Apakah rancangan kerajaan untuk memperbaiki kebajikan mereka dengan menjadikan mereka pekerja tetap kerana ada separuh daripada mereka ini sudah berkhidmat dalam kontrak lebih daripada 10 tahun. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Perkara ini telah pun dibincangkan dengan panjang lebar di Dewan Rakyat terutamanya bagi mereka yang berkhidmat dengan KEMAS, Penerangan, Perpaduan yang mana kontraknya daripada muda sehingga mereka dapat cucu masih lagi berada dalam skim kontrak. Kita tidak berdiam diri tentang perkara ini, kita sedang beri perhatian yang sewajarnya agar mereka ini juga tidak pergi begitu sahaja setelah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pihak kerajaan.

Kemudian, bagi pekerja-pekerja kontrak yang sekarang ini kebanyakannya ada mereka yang berkelulusan ijazah yang bekerja kontrak juga sudah melangkaui beberapa tahun. Mereka ini telah kita maklumkan bahawa pengambilan pelbagai perkhidmatan yang diumumkan oleh kerajaan sebenarnya merupakan *advantage* kepada mereka kerana mereka sudah berada dalam skim berkenaan dan sudah pasti kalau kita tanya soalan mereka boleh jawab dengan baik dibandingkan orang yang baru masuk untuk temu duga.

Akan tetapi, kalau setelah lima tahun berkhidmat dengan kerajaan sebagai kontrak, tanya soalan berhubung yang mudah-mudah pun tidak tahu itu sukarlah untuk bekerja. Sesetengahnya tanya, siapakah Timbalan Menteri tak kenal itu, siapakah Menteri pun tidak ada yang tidak kenal. Jadi susahlah hendak dapat kerja kalau begitu. Akan tetapi bila kita bekerja, bekerja dengan sepenuh hati sudah pasti saya ingat jarang sangat orang yang bekerja yang komited dalam pekerjaan kontrak yang mempunyai *degree* yang tidak mendapat pekerjaan di akhirnya. Bagi kontrak yang seperti KEMAS, Penerangan, Perpaduan saya tidak pasti mungkin ada lagi yang lain dan juga beberapa buah agensi yang lain kerajaan sedang memberi perhatian yang serius mengenainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya telah menerima surat daripada Yang Berhormat Dato Seri Haji Abdul Halim, oleh sebab beliau tidak dapat hadir pagi ini kerana sebab-sebab yang tertentu beliau telah pun mengarahkan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah untuk membukakan soalan nombor 4. Silakan, Yang Berhormat.

4. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, satu lagi projek yang telah diumumkan ialah Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dengan harga jualan RM300,000 dan ke bawah. Sejumlah 80,000 unit rumah mampu milik akan dibina di Wilayah Persekutuan menjelang tahun 2020. Apa perkembangan terkini berkaitan pembangunan kediaman di bawah dasar ini. Bagaimana sambutan golongan sasar.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat berhubung dengan isu perumahan terutamanya di Wilayah Persekutuan. Kementerian

Wilayah Persekutuan telah menyediakan program Rumah Mampu Milik kepada golongan berpendapatan rendah melalui penjualan rumah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTEN) dan Perumahan Awam DBKL (PADBKL) yang dikenal pasti dengan harga yang ditetapkan antara RM21,500 hingga RM35,000.

Selain itu, kementerian turut memberi tumpuan kepada golongan berpendapatan sederhana yang memerlukan rumah iaitu di bawah program yang dinamakan sebagai Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) yang terbuka kepada semua orang yang berkelayakan dan juga Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) untuk penjawat awam. Rumah jenis ini disasarkan mereka yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM10,000 sebulan.

Kerajaan telah merancang untuk membina sebanyak 80,000 unit rumah wilayah persekutuan iaitu daripada pecahan sebanyak 50,000 unit di Kuala Lumpur, 20,000 unit di Putrajaya dan baki 10,000 unit di Labuan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, harga RUMAWIP yang telah ditetapkan oleh kementerian ini tidak melebihi RM300,000 setiap unit. Keluasan minimum yang ditetapkan pula adalah tidak kurang daripada 800 kaki persegi dengan tujuan untuk memastikan keselesaan kepada penghuni rumah kelak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, melalui kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dengan agensi-agensinya di bawahnya seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Perbadanan Labuan (PL) sebanyak 9,309 buah unit rumah RUMAWIP sedang di peringkat pembinaan dan sebanyak 4,483 unit lagi telah diberi kelulusan perintah pembangunan. Manakala sebanyak 15,259 unit lagi sedang dalam perancangan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan RUMAWIP iaitu sebanyak 29,051 unit atau 36% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit. Bilangan ini tidak termasuk bilangan rumah PPA1M dan juga dikategorikan sebagai rumah mampu milik yang sedang dalam proses pembinaan iaitu sebanyak 8,208 unit dan dalam perancangan pula sebanyak 17,130 unit.

Sambutan daripada golongan sasaran ke atas projek ini sangat menggalakkan. Sebagai contoh projek PPA1M Bukit Jalil yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini di mana kementerian telah menerima sebanyak 7,000 permohonan berbanding dengan 1,530 unit rumah yang ditawarkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan dipersilakan Yang Berhormat Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, kita diperjelaskan tadi bahawa keluasan satu-satu rumah itu tidak kurang daripada 800 kaki persegi yang saya hendak tahu ialah bagaimana pula keadaan bilik. Berapa bilik? Ini kerana salah satu tujuan kita mewujudkan perumahan untuk masyarakat ialah bagi mengelak masalah sosial dan juga keselesaan anak-anak lelaki dan perempuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Adam. Mengikut kriteria yang ditetapkan rumah-rumah ini tidak kurang daripada

800 kaki persegi mempunyai tiga buah bilik tidur dan dua buah bilik air. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya dalam ucapan Menteri tadi permohonan jauh lebih banyak daripada unit yang akan dibina. Jadi itukah maksud belum cukup skim tersebut rumah yang tersebut itu akan dibina jauh lebih sedikit berbanding kepada permohonan. Jadi, apakah DBKL akan membina lebih rumah tersebut untuk selaraskan dengan permohonan tersebut?

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Lim. Kalau Yang Berhormat Dato' Lim teliti ucapan saya tadi, saya telah menyatakan bahawa keseluruhan unit yang kita sedang membina telah memberi kelulusan dan sedang dalam rancangan adalah lebih kurang 36% iaitu lebih dari dekat-dekat lebih kurang 29,051 unit.

Manakala permohonan yang kita terima setakat ini 7,000. Kita cukup. Kita cukup, lebih dari cukup tetapi hanya memerlukan masa. Yang Dato' Lim ambil saya salah faham saya rasa saya telah menyebut bahawa baru-baru ini satu projek atau satu skim PPA1M yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana kita terima 7,000 permohonan tetapi kita memberi tawaran kepada 1,536 unit. Akan tetapi yang tidak dapat unit ini akan diberi pada unit-unit lain yang akan diusahakan dari semasa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

5. **Dr. Ariffin bin S. M. Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, tentang rundingan Kes Ambalat antara Indonesia dan Malaysia, dan apakah yang telah dipersetujui antara kedua-dua negara ini sejak rundingan bermula.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S. M. Omar atas pertanyaan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Malaysia tidak menggunakan istilah Ambalat bagi merujuk kawasan yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Kawasan yang dipertikaikan ini, Malaysia menggunakan istilah kawasan ini sebagai Laut Sulawesi. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, masih terdapat kawasan maritim di antara Malaysia dan Indonesia yang belum dimuktamadkan persempadannya. Ini termasuklah di kawasan Laut Sulawesi, kawasan paling selatan di Selat Melaka dan Selat Singapura.

Rundingan pembatasan sempadan telah dilaksanakan semenjak tahun 2005 di bawah mekanisme Mesyuarat Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim Malaysia-Indonesia. Sehingga kini, terdapat sebanyak 27 mesyuarat teknikal telah diadakan. Seperti mana-mana rundingan pembatasan sempadan maritim antara negara, rundingan mengambil masa yang panjang kerana banyak faktor yang perlu diperhalusi termasuklah aspek perundangan, geografi, teknikal dan sebagainya.

Oleh yang demikian, memang rundingan akan memakan masa dan kesabaran kedua-dua pihak adalah amat perlu bagi memastikan penyelesaian yang tercapai merupakan penyelesaian yang saksama dan boleh diterima oleh kerajaan dan rakyat kedua-dua negara. Berhubung dengan perkara ini, kedua-dua negara adalah komited kepada perundingan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya di sini ialah soal Laut Sulawesi itu bukan hanya soal sempadan tetapi soal minyak juga. Itu yang jadi isu pertikaian. Maka yang saya hendak tanya di sini ialah adakah kerajaan mempunyai satu rancangan untuk rujuk kes ini ke Mahkamah Antarabangsa jika rundingan-rundingan yang diteruskan itu tidak dapat mencapai suatu persetujuan. Sekian.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, bila kita cakap daripada segi sempadan ini, ia juga merangkumi laut. Maka sebab itu apa-apa pun yang kita buat, ia memerlukan masa seperti yang saya katakan tadi. Maka kesabaran itu amat diperlukan. *Insyaa-Allah* kita akan bersetuju sama-sama sebelum kita membawa isu ini ke mahkamah antarabangsa. Kalaulah akhirnya tidak ada kata sepakat untuk menyelesaikan masalah ini, itu perkara yang terakhir, agenda yang terakhir untuk kita bawa ke Mahkamah Antarabangsa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kenapa saya bangun semua ketawa? Soalan tambahan saya, semasa lawatan rasmi Presiden Republik Indonesia ke Malaysia baru-baru ini, adakah isu pembatasan sempadan dibangkitkan dalam perbincangan antara kedua-dua pemimpin tersebut. Apakah tindakan susulan yang akan diambil oleh Malaysia dan Indonesia untuk menangani isu tersebut?

Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya satu hal. Bila-bila *you* mari jawab saya punya soalan, *you* cakap tidak ada faham tetapi *you* jawab banyak baik. Saya punya sahabat semua mereka tahu. Yang Berhormat Menteri selalu cakap macam ini tetapi kali ini tidak tahulah fahamkah atau tidak faham. Jawab. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nalla ini, yang tiba-tiba pagi-pagi ini hendak marah dan naik angin ini kenapa, Tuan Yang di-Pertua? Hari ini saya hendak beritahu. Soalan dia saya faham dan soalnya amat baik sekali kerana dia merupakan satu soalan di mana dia hendak melihat sama ada kedua-dua pemimpin ini mengambil ini sebagai satu perkara atau satu agenda yang mustahak ataupun tidak.

Saya hendak jelaskan memang ada perbincangan kerana mereka memikirkan bahawa ini merupakan satu masalah yang perlu diambil kira oleh kedua-dua kepimpinan negara dan ketika lawatan Presiden Joko Widodo pada 5 Februari hingga 7 Februari 2015, baru-baru ini, perbincangan ini telah pun dibawa dan kita bersetuju untuk mewujudkan satu mekanisme yang baru di mana kita akan melantik wakil dari kedua-dua negara untuk membuat *exploratory talks* di antara kedua-dua negara tersebut melalui wakil-wakil kita. Selepas itu kita akan naikan ke dalam satu perbincangan yang sedia ada seperti yang telah pun saya sampaikan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

6. Dato' Chai Kim Sen minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah langkah strategik yang disarankan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan tahap persaingan industri dan pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya bagi golongan usahawan kecil dan sederhana (SME).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengutamakan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai satu agenda nasional yang penting kerana PKS merangkumi 97.3% daripada jumlah pertubuhan perniagaan. Pada tahun 2013, PKS telah menyumbang sebanyak 33% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), 57% kepada guna tenaga dan 17% kepada eksport.

Sebagai langkah strategik bagi meningkatkan daya saing PKS di dalam negara serta di peringkat global, pelan induk PKS telah diperkenalkan pada Julai 2012 bagi merencanakan hala tuju dasar PKS sehingga tahun 2020. Pelan induk PKS ini merupakan sebuah pelan yang menyeluruh bagi PKS dan memberi tumpuan ke arah mewujudkan ekosistem yang menyokong mempercepatkan pertumbuhan PKS dan membawa PKS ke peringkat yang lebih tinggi melalui produktiviti dan inovasi. Pelan induk PKS secara keseluruhannya menyarankan 32 inisiatif yang bertujuan untuk mengurangkan halangan dan kekangan dalam enam bidang tumpuan yang telah dikenal pasti iaitu penerapan inovasi dan teknologi, pembangunan modal insan, akses kepada pembiayaan, akses kepada pasaran, persekitaran perundangan dan kawal selia dan infrastruktur.

Inisiatif-inisiatif yang dirangka termasuk enam program berimpak tinggi atau *high impact program* (HIP) yang akan membuahkan hasil yang ketara ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan di bawah pelan induk. Program tersebut adalah integrasi pendaftaran dan pelesenan perniagaan, platform pengkomersialan teknologi, *SME Investment Partner*, program *going export*, program pemangkin, program inklusif inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, pelan induk PKS akan menjadi *game changer*, dengan izin, yang akan melonjakkan penubuhan PKS dan membolehkan Malaysia menghasilkan jualan di peringkat nasional, serantau dan global bagi memaju pertumbuhan ekonomi negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih.

■1050

Dato' Chai Kim Sen: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita tahu, banjir besar di Pantai Timur pada hujung tahun lepas telah menjejaskan sebilangan besar usahawan di mana kebanyakan terdiri daripada PKS atau SME. Saya difahamkan terdapat usahawan PKS yang telah memohon tanah kecemasan PKS yang diuruskan oleh SME Corp. dan MIDF. Mohon nyatakan, apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan kesemua usahawan PKS yang dikenal pasti terjejas akibat banjir memohon dan mendapatkan bantuan daripada tanah tersebut? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, antara usaha-usaha yang dilakukan oleh MITI dan agensi bagi memastikan usahawan yang terjejas akibat banjir mendapat bantuan daripada tanah-tanah yang disediakan oleh MITI atau agensi. Antaranya ialah:

- (i) SME Corp. menganjurkan sesi taklimat mengenai proses permohonan bagi mendapatkan bantuan kewangan di bawah tanah kecemasan PKS, SME-EF kepada PKS yang terjejas;
- (ii) melawat kawasan dikenali pasti terjejas akibat banjir;
- (iii) menawarkan bantuan kewangan di bawah SME-EF. Usaha ini telah dijalankan dengan kerjasama persatuan perdagangan dan juga pegawai-pegawai daerah di kawasan-kawasan yang terlibat; dan
- (iv) membuat hebahan media mengenai tanah ini bagi memastikan liputan yang lebih luas disampaikan kepada PKS yang terlibat.

SME Bank melakukan tinjauan di kalangan pelanggannya di kawasan yang terjejas akibat banjir dan menawarkan penangguhan bayaran ansuran bulanan sehingga enam bulan kepada 156 orang pelanggan yang menjadi mangsa banjir. MIDF juga membuat hebahan melalui media massa mengenai dana SME-EF yang boleh dipohon oleh PKS yang terjejas akibat banjir dan pembiayaan sebanyak RM60.2 juta yang melibatkan 48 buah syarikat di bawah skim-skim pinjaman MIDF telah disusun semula untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat tersebut untuk kembali memulihkan perniagaan. Terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan saya masih lagi terdapat industri kecil dan sederhana yang masih bergantung pada bantuan seperti MARA, TEKUN dan lain-lain lagi. Soalan saya, adakah kementerian berhasrat menubuhkan badan bantuan kewangan industri kecil dan sederhana di luar bandar atau di pinggir bandar? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian melalui agensi-agensi MITI menyediakan sebagai insentif atau bantuan kepada semua PKS atau industri, banyak. Jadi kalau Yang Berhormat Senator hendak maklumat yang lebih lengkap, boleh datang jumpa. Terima kasih.

7. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, sejauh manakah Akta Pemuliharaan Tanah 1960 masih relevan dalam menangani masalah hakisan tanah terutama di kawasan tanah tinggi dan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kementerian bagi memastikan kerajaan negeri mematuhi akta ini.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan Parti PBB dari kawasan Parlimen Mambong [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian Abdullah, Akta Pemuliharaan Tanah 1960 hanya terpakai dan dikuatkuasakan di negeri-negeri di mana akta ini diterima pakai dalam perundangan negeri-negeri tersebut. Di bawah

Perlembagaan Malaysia, Artikel 76(3), akta ini adalah selaras dengan undang-undang di dalam negeri yang menerima pakainya jika badan perundangan negeri itu menerima akta ini sebagai akta sendiri. Oleh itu, akta ini tiada tindihannya dan ia sememangnya diguna pakai di mana-mana sahaja negeri yang sudah pun menerimanya. Akta ini diterima pakai di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja.

Apabila badan perundangan negeri sudah pun menerima akta ini, maka ia juga boleh dipinda dan juga boleh dihapuskan jika diperlukan. Setakat ini sememangnya tidak lagi, ia diguna pakai di mana-mana sahaja negeri di Semenanjung Malaysia. Bagi mewartakan tanah tinggi di negeri-negeri, badan perundangan negeri dan pihak berkuasa negeri perlu membuat keputusan untuk mewartakan tanah tinggi sebab tanah tinggi seperti mana yang kita tahu, kalau dibangunkan sememangnya dengan tiada *control* pembangunan di tanah tinggi, maka hakisan pun berlaku. Oleh itu, akta ini masih lagi relevan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tetapi bukan di Sabah dan Sarawak. Sekian.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan satu ucapan yang cukup lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum banyak kejadian banjir luar biasa yang berlaku di negara ini disebabkan oleh hakisan dan juga penggondolan bukit-bukit melampau yang disebabkan oleh pembalakan, pembangunan tanah untuk pertanian, perindustrian, perumahan dan sebagainya. Akta pemuliharaan ini diterima oleh kebanyakan negeri di Semenanjung.

Jika dilihat, banyak peruntukan yang terdapat dalam akta ini, jika diteliti boleh menghalang atau mengurangi masalah awal daripada berlakunya hakisan tanah terutamanya di kawasan tanah tinggi. Jadi soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa integriti secara khusus bagi menangani masalah integriti pentadbiran tanah di semua kerajaan negeri dan adakah kerajaan bercadang untuk membuat semakan sama ada akta ini boleh ditingkatkan lagi daripada segi kadar denda yang agak kecil berbanding dengan kesalahan yang dilakukan terhadap alam sekitar. Terima kasih.

■1100

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Olian atas soalan tambahan. Saya dengar tadi ada tiga soalan tambahan yang berkaitan dengan akta ini. Pertamanya, sememangnya bukit digondol disebabkan pembangunan yang tidak terkawal. Walaupun ia terkawal disebabkan bukit bukau ini, kita mesti tahu apakah batu-batuan yang ada di bukit ini sama ada ia *conglomerate sandstone* ataupun *loose shell* sebab jika digondol bukit seperti ini semestinya hakisan akan berlaku jika ada hujan lebat.

Oleh itu sebuah badan integriti seharusnya juga ditubuhkan seperti di Cameron Highlands sudah ada sebuah badan integriti ini yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Besar Pahang. Jadi di Cameron Highlands setakat ini sememangnya penguatkuasaan bersama dijalankan di mana agensi-agensi daripada persekutuan dan kerajaan negeri bersama-sama menjalankan penguatkuasaan. Oleh itu penguatkuasaan di Cameron Highlands, ia sememangnya agak cekap yang dinamakan *Central Enforcement Team* (CET). Jadi ini berterusan di Cameron Highlands.

Saya juga ingin mencadangkan di negeri-negeri lain untuk membuat satu badan ataupun jawatankuasa integriti yang diperlukan kerana kita tidak mahu negara kita semakin lama semakin kena hakisan tanah dan banjir lumpur. Ini memang tidak baik untuk rakyat di negara kita.

Berkaitan dengan kompaun ataupun *fine* yang terlalu rendah. Kalau kita lihat akta ini, ia dibuat dalam tahun 60-an sebelum pembentukan Malaysia lagi. Oleh itu saya juga teringin jika akta ini dipinda untuk mengambil perkara yang berlaku sekarang di negara kita. Ini amat diperlukan disebabkan hujan lebat sentiasa berlaku sekarang dan banjir besar berlaku, maka ia perlu untuk dipinda akta ini sebab perubahan iklim semakin tahun semakin teruk. Hujan semakin tahun semakin lebat dan berpanjangan. Inilah yang menyebabkan banjir besar seperti tahun lepas di Timur Utara Malaysia di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ini kita tidak mahu. Oleh itu kementerian saya di dalam Rancangan Tepatan Banjir memang meneruskan tugas yang amat diperlukan supaya rakyat tidak dalam kesusahan, terima kasih.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita maklum pada tahun lepas dan awal tahun ini kita digegarkan dengan suasana masalah banjir di seluruh negara. Soalan saya pada kementerian dan Menteri apakah kajian lembangan sungai dan tepatan banjir yang telah diusahakan oleh kementerian setakat ini. sekian terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas pertanyaan ini. Kementerian telah pun membuat kajian berkaitan dengan lembangan sungai. Itu memang sudah dipastikan dan sedia ada. Di kementerian, kita sudah buat garis panduan yang berkaitan dengan pengurusan lembangan sungai bersepadu iaitu *integrated river basin management*.

Dalam pengurusan ini, garis panduan yang terpenting adalah untuk pembangunan tanah dan juga untuk fizikal *property* sungai itu, morfologi sungai dan sebagainya supaya jika perancangan untuk tebatan banjir di sesuatu lembangan sungai dilakukan, ia berkaitan dengan pembangunan yang telah dan akan dilakukan di lembangan sungai tersebut.

Pada kebiasaannya rancangan tepatan banjir sememangnya memerlukan maklumat dan data-data daripada kajian, jika perancangan dibuat seperti lencongan, kolam takungan dan pam dan juga ban di tebing sungai bagi mengelakkan air mengalir dari tebing sungai dan limpahan inilah yang menjadi banjir di tempat-tempat di mana kita sebagai rakyat tinggal di situ kerana ia memberikan kerosakan kepada harta benda kita, tetapi kepada prasarana rakyat ataupun prasarana awam, jalan raya, jambatan dan sebagainya. Oleh itu rancangan pengurusan lembangan sungai berterusan amatlah penting kepada kita untuk pengusahaan dan rancangan, terima kasih.

8. Datuk Yahaya bin Mat Ghani [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, setakat manakah kejayaan program TUKAR sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2011.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi*

wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad yang telah membuat soalan kepada kementerian dan diwakili oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, program transformasi kedai runcit atau TUKAR yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui MKEA pendorongan dan peruncitan dilaksanakan bagi membangun dan mentransformasikan kedai-kedai runcit tradisional kepada bentuk peniaga runcit yang lebih moden dan berteknologi baru.

■1110

Melalui program ini, kerajaan dengan bantuan pihak konsultan yang mempunyai kepakaran di dalam bidang peruncitan akan memberi khidmat nasihat kepada peruncit tempatan untuk meningkatkan tahap penyampaian peruncitan mereka kepada pelanggan melalui peningkatan kecekapan pengurusan inventori ataupun dan juga pelabelan serta pengurusan kewangan dan susun atur kedai yang lebih efisien. Sehingga 27 Mac 2015, sebanyak 1,947 buah kedai runcit telah pun menyertai program ini di seluruh negara dan kajian impak program TUKAR yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2013 telah menunjukkan bahawa sebanyak 476 daripada 616 iaitu 77% buah kedai yang dikaji mengalami peningkatan jualan walaupun selepas setahun menyertai program TUKAR.

Daripada jumlah itu, sebanyak 99 orang peserta iaitu 16% mengalami peningkatan jualan sehingga 20%. Seramai 99 orang peserta dan juga 16% daripada jumlah yang kita buat kajian mengalami peningkatan jualan sehingga 40%. Seramai 80 orang peserta iaitu 13% mengalami peningkatan jualan sehingga 60%. Seramai 50 orang peserta mengalami peningkatan jualan meningkat sehingga 80% dan 37 orang peserta mengalami peningkatan jualan sehingga 100% daripada sebelum menyertai TUKAR dan 111 orang peserta iaitu 18% daripada jumlah yang kita buat kajian mengalami peningkatan jualan melebihi daripada 100%.

Ini menunjukkan kejayaan program TUKAR ini telah pun berubah dan peningkatan yang cukup baik. Hasil penemuan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kemudahan serta peluang yang disediakan melalui pelaksanaan program TUKAR telah berjaya membantu peningkatan nilai jualan peruncit dan usaha ini akan diteruskan sehingga dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu kita hendak memodenkan lebih kurang 5 ribu buah kedai runcit menjelang tahun 2020. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, berapa banyakkah kedai program TUKAR ini telah dilaksanakan di kawasan kampung? Bagaimana kedai program TUKAR ini dapat mengimbangi dengan kenaikan harga barang ekoran dari GST ini kerana program TUKAR ini *direct* daripada pendorong kepada peruncit. Jadi, kalau ikutkan dia punya carta itu,

sepertimana KPDNKK cadangkan dulu tidak berlaku kenaikan barang. Jadi, di kampung ini memang berlaku kenaikan barang. Adakah program TUKAR ini dapat menyelamatkan ataupun dapat mengawal daripada segi harga barang pekedai-pekedai yang lain yang tidak program TUKAR terutamanya menjurus kepada kawasan luar bandar.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Dato' Haji Mohd Salim atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah peserta TUKAR sepanjang kita jalankan program TUKAR ini jumlahnya 1,947 tetapi bagi segi jumlah yang ada di luar bandar dan juga di bandar tidak ada. Cuma yang saya boleh sebut keseluruhan jumlah peserta TUKAR di seluruh negara ini, tiap-tiap negeri kita ada mempunyai bermula daripada 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 519 buah kedai TUKAR ini telah kita wujudkan. Pada tahun 2012, 568 buah. Tahun 2013 sebanyak 522 buah. Tahun 2014 sebanyak 305 buah dan tahun 2015 ini sebanyak 33 buah. Jadi jumlah keseluruhan, ini termasuklah yang di bandar dan juga di luar bandar dan saya boleh bagi sedikit dia punya jumlah mengenai kaum. Melayu, daripada 1,947 ini Yang Berhormat, ialah 1,502 orang. Cina sebanyak 120 orang. India sebanyak 181 orang dan lain-lain sebanyak 144 orang. Ini bagi segi kaum yang terlibat dengan program TUKAR.

Mengenai dengan soalan berkenaan dengan bila terlaksananya GST pada 1 April. Memang pada awalnya kita adakan program TUKAR ini melalui program NKEA ini, kita hendak supaya penambahan dalam bentuk ekonomi peniaga-peniaga kecil yang ada di luar bandar ataupun di bandar yang mempunyai kedai-kedai runcit yang boleh dikatakan agak begitu lama wujud tetapi bagi segi untuk bersaing dengan peniaga-peniaga lain sekarang ini, mereka sudah tertinggal ke belakang. Jadi sebab itu kita wujudkan program TUKAR ini untuk membantu mereka. Strategi kita pertama ialah untuk memodenkan premis runcit tradisional yang sedia ada ini, kedai-kedai tradisional yang ada terutama di luar bandar dan kita dalam program ini juga untuk menaik premis peruncit tradisional ini yang sedia ada, menggalakkan penyertaan koperasi dan sebagainya.

Jadi, yang penting sekali ialah kita memodenkan supaya mereka boleh sekurang-kurangnya bersaing dengan pengusaha-pengusaha yang ada di sekitar kedai-kedai yang agak tradisinya yang wujudkan di taman-taman ataupun di pedalaman di luar bandar. Jadi, itu konsep yang pertama. Akan tetapi apabila GST, makna kata bila ada kedai TUKAR ini membantu pelanggan-pelanggan ataupun masyarakat setempat untuk mendapat bekalan barang-barang harian. Apabila bermulanya GST seperti Yang Berhormat sebut tadi, memang pada awalnya kita merasai bahawa kedai-kedai TUKAR ini boleh membantu menampung keperluan pengguna di luar bandar ataupun di tempat-tempat persekitaran tetapi apabila GST dikenakan 6%, kedai-kedai TUKAR ini kalau dia berdaftar dengan pihak Jabatan Kastam, dia berhak untuk mengenakan cukai GST ini kepada jenis-jenis barang yang boleh dikenakan GST.

Jadi, kalau kedai TUKAR ini tidak sampai ke tahap yang membolehkan mereka berdaftar dengan pihak Kastam, jualan mereka RM500 ribu ke atas, mereka tidak boleh mengenakan GST kepada pelanggan-

pelanggan tidak kira di mana. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, ada kedai-kedai TUKAR ini yang berdaftar. Bermakna jualan mereka melebihi RM500 ribu setahun. Jadi peningkatan dari situ dan mereka telah berdaftar dengan pihak Jabatan Kastam dan mereka berhak untuk mengenakan cukai-cukai GST ini kepada barang-barang yang dikenakan GST. Kalau *zero rated* ini, mereka tidak boleh dikenakan GST pada barang-barang tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun. Silakan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 yang dibentangkan baru-baru ini, 26% Yang Berhormat Menteri dari kedai yang di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang disediakan KPDNKK mengalami kemerosotan nilai jualan. Manakala 14% lagi gulung tikar berpunca daripada kesukaran mendapat stok dan kekurangan modal.

■1120

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan khususnya KPDNKK berhubung dengan kesukaran bekalan stok dan kekurangan modal ini? Adakah KPDNKK menyediakan program khusus daripada segi pembangunan usahawan bersama dengan agensi yang lain seperti MARA dan sebagainya serta apakah sasaran kerajaan bagi mewujudkan lebih banyak kedai TUKAR terutamanya di luar bandar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun atas soalan tambahan. Memang kita akui, daripada jumlah yang saya sebutkan tadi, ada juga kedai-kedai TUKAR ini yang mengalami kerugian. Kita buat kajian dari semasa ke semasa dan dalam kajian bersama-sama dengan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan iaitu PEMANDU, kita dapati bahawa daripada jumlah tersebut ada 117 orang peserta daripada jumlah itu telah menghentikan operasi, dia menghentikan operasi ini bermacam-macam, pelbagai.

Daripada hasil kajian itu, ada sesetengah pengusaha awal itu telah pun menjual ataupun ditukar *ownemya* pada orang lain dan kadang-kadang ada juga penjualan kepada entiti lain serta mengalami penurunan jualan akibat persaingan. Ya, bila kita sudah urus, orang lain pun buka juga di sebelah, mungkin di kawasan yang sama berlaku persaingan dengan peruncit-peruncit di kawasan setempat. Jadi, berlakulah penutupan ataupun kerugian dan mereka telah tukar daripada program TUKAR itu kepada perniagaan-perniagaan yang lain.

Jadi daripada segi bantuan ataupun lain-lain, kita sentiasa mengadakan lawatan-lawatan untuk berbincang, memberi khidmat nasihat selepas daripada program TUKAR ini dilaksanakan, supaya mungkin ada sesuatu yang boleh diperlukan oleh peniaga-peniaga program TUKAR ini untuk mendapat bantuan dan lain-lain khidmat nasihat, kita sentiasa turun ke bawah untuk membuat penelitian dan juga perbincangan. Jadi bila kita adakan program TUKAR ini, kita tidak tinggal begitu sahaja tetapi boleh dikatakan pada tiap-tiap bulan ada pegawai-pegawai daripada bahagian ini akan membuat lawatan, bertanya khabar mengenai dengan apa yang diperlukan dan mungkin juga bantuan-bantuan pinjaman

tambahan dan sebagainya. Sekiranya diperlukan, mungkin boleh khidmat nasihat ataupun bentuk-bentuk cara pinjaman dari bank-bank yang terlibat dari Bank Rakyat dan sebagainya. Akan tetapi dalam bukan bentuk pinjaman awal yang kita bagi semasa program TUKAR itu dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapa sering kali berlaku kes penahanan pegawai penguat kuasa oleh pihak SPRM berkaitan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang dikhuatiri boleh mengikis keyakinan rakyat terhadap integriti pihak penguat kuasa; dan
- (b) apakah cadangan mengatasi kes-kes seumpama ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, SPRM akan menyiasat setiap maklumat atau aduan yang mempunyai asas kesalahan rasuah tanpa mengira latar belakang, jawatan, organisasi atau seumpamanya termasuklah agensi-agensi penguat kuasa sekiranya ada asas kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Malahan, SPRM sentiasa memberi penekanan serius dan akan mengambil tindakan secara punitif dan preventif bagi memastikan perlakuan rasuah dibasmi terhadap agensi-agensi penguat kuasa.

Ini kerana sekiranya jenayah rasuah tidak dibendung, ia boleh menyebabkan implikasi yang buruk kepada masyarakat dan negara sama ada daripada segi kehilangan hasil atau keruntuhan nilai moral yang seterusnya akan menjejaskan ekonomi dan keselamatan negara. Namun begitu, tiada kajian khusus dan tepat dapat menjelaskan faktor-faktor mengapa seseorang pesalah rasuah terlibat dalam jenayah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan usaha menangani gejala rasuah melalui strategi penguatkuasaan, pendidikan dan pencegahan. Usaha-usaha penguatkuasaan ini seiring dengan usaha pencegahan dan pendidikan bagi menambah baik sistem dan prosedur. Diharapkan agar ia dapat menutup ruang dan peluang kepada rasuah dan seterusnya membentuk nilai integriti yang tinggi dalam kalangan pegawai penguat kuasa. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ialah:

- (i) penambahbaikan sistem dan prosedur kerja;
- (ii) penubuhan unit integriti di semua agensi persekutuan dan negeri;
- (iii) *engagement* yang berterusan di antara SPRM dan agensi-agensi penguat kuasa;
- (iv) penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus;
- (v) pengisytiharan harta oleh penjawat awam;
- (vi) penubuhan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan;
- (vii) tapisan keutuhan untuk kenaikan pangkat;
- (viii) pendidikan anti rasuah; dan
- (ix) *hot job rotation*, dengan izin, yang mana di bawah NKRA rasuah, *hot job rotation* telah dilaksanakan ke atas beberapa buah agensi penguat kuasa kerajaan.

Langkah ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti kakitangan atau jawatan yang berisiko yang boleh menyumbang kepada perbuatan rasuah. Seterusnya pegawai-pegawai yang ditempatkan di tempat-tempat berisiko ini akan melaksanakan penggiliran kerja setiap tiga tahun.

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Tadi Yang Berhormat ada menyebut berkenaan *hot job rotation*. Saya ingin menyentuh berkenaan perkara tersebut. Adakah cadangan menghadkan tempoh perkhidmatan di satu-satu tempat dan ditukar selepas tempoh tertentu mampu mengekang isu ini? Ini adalah kerana saya tahu jabatan kerajaan sudah melaksanakan langkah-langkah ini, tetapi nampaknya jaringan rangkaian antara pegawai penguat kuasa dan dalang-dalang masih berleluasa. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Sebenarnya, tidak ada jaminan terhadap satu-satu perkara selain daripada kita berpegang kepada nilai, budaya dan amalan yang baik dalam perkhidmatan. Apa juga perkara yang cuba dilaksanakan, pelaku kepada kesalahan akan mencari ruang dan peluang yang baru. Dalam apa juga perkara pelanggaran undang-undang, ini ialah cabaran yang terpaksa kita hadapi. Namun begitu, dengan perpindahan daripada satu jawatan ke satu jawatan dalam tempoh masa yang pendek, dapat memberikan kita satu keyakinan dalam mengurangkan terutama apabila berurusan dengan orang ramai dan juga pegawai yang terlalu tahu terhadap kerja mereka kerana duduk terlalu lama. Namun begitu saya percaya, sedikit sebanyak perkara yang dinyatakan ini telah dapat menutup ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dalam kalangan penjawat awam ataupun dalam kalangan agensi penguat kuasa.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan hal tadi. Selain daripada pegawai, kita juga tidak boleh lari yang terlibat dengan rasuah ini, orang awam. Jadi saya ingin tahulah, apa langkah-langkah selain daripada undang-undang, apa langkah-langkah kerajaan untuk membendung orang-orang awam, bukan kerajaan - tadi sudah pegawai kerajaan, orang awam dari terlibat dengan perkara ini? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari. Sebenarnya, kita mengadakan beberapa siri pendidikan termasuklah di peringkat sekolah, yang mana ada *syllabus* yang kita bina bagi kita menimbulkan rasa benci kepada perlakuan rasuah dalam kalangan pelajar. Begitu juga kita ada satu unit di peringkat IPTA, yang mana para pelajar yang bakal masuk ke dalam alam pekerjaan juga akan kita dedahkan.

Perkara-perkara pendidikan daripada segi pencegahan ini amat mustahak dan ada satu unit di dalam SPRM yang kita pertanggungjawabkan untuk turun ke bawah bagi mendidik rakyat dan masyarakat termasuk iklan-iklan yang dikeluarkan sama ada di dalam media perdana, media cetak dan juga media baru. Ini semua perlu dilaksanakan kerana saya bersetuju *we need two to tango*, dengan izin,

tidak akan berlaku kesalahan rasuah jika hanya dibuat oleh satu pihak. Kedua-dua pihak sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang besar untuk kita menjayakan usaha kerajaan bagi mengurangkan ataupun menghapuskan rasuah di dalam negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan banyak kementerian yang perlu menjawab segala soalan yang telah dikemukakan semasa perbahasan Titah Diraja minggu lepas, maka setakat itu dululah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

■1130

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.30 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 21 April 2015.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketiga Belas.” *[16 April 2015]*

Timbalan Yang di-Pertua: Seperti telah saya katakan tadi, mengikut jadual yang ada pada saya sekarang, ada seramai 24 buah kementerian yang akan menjawab segala soalan dan pertanyaan-pertanyaan yang telah Yang Berhormat kemukakan semasa membahaskan Titah Diraja minggu lepas. Jadi saya harap pihak kementerian boleh menjawab, kalau boleh dengan ringkas tetapi tepat dan padat segala jawapan ataupun pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan.

Dengan itu tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk menjawab.

11.32 pg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan isu-isu Kementerian Luar Negeri dalam perbahasan Titah Diraja 2015 dalam Dewan ini.

Mereka yang terdiri daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki; serta Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, beri saya ruang sekejap untuk menjemput seseorang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara kita pada hari ini [*Tepuk*]

[*Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman mempengerusikan Mesyuarat*]

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tahniah Tuan Yang di-Pertua. Belum duduk lagi sudah suruh saya teruskan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ini untuk hari ini sahaja. [*Ketawa*]

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat atas ucapan tahniah, sokongan dan penghargaan yang diberikan ke atas kepengerusian Malaysia ke ASEAN pada tahun ini.

Sesungguhnya tahun 2015 bakal menyaksikan ASEAN melakar sejarah dengan tertubuhnya Komuniti ASEAN pada penghujung tahun ini. Ia juga merupakan satu pengiktirafan dan keyakinan rantau ini terhadap kepimpinan Malaysia dalam mengemudi ASEAN pada tahun genting ini dan memacu ASEAN menjangkau tahun 2015. Negara Malaysia bertuah kerana Kuala Lumpur bakal menjadi tumpuan dunia semasa penubuhan secara rasmi Komuniti ASEAN tersebut. Penubuhan Komuniti ASEAN simbol kepada kesepakatan dan kesepaduan ASEAN dalam memastikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran yang lebih utuh di rantau ini.

Pada tahun ini, Malaysia juga merupakan Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi penggal 2015 hingga 2016. Peranan Malaysia dalam PBB dan ASEAN ini menjadi pengukur keberkesanan kepimpinan Malaysia sebagai sebuah negara yang mampu memberikan impak melalui keteguhan pendiriannya terhadap isu politik dan keselamatan rantau dan juga antarabangsa.

Selain itu, sejajar dengan fokus Malaysia untuk mengetengahkan agenda *wasatiyyah* atau kesederhanaan, sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN akan terus menggalakkan kesederhanaan sebagai salah satu nilai teras dalam menangani konflik dan mencari penyelesaian kepada isu-isu berkaitan keamanan dan keselamatan serantau. Ini telah dijadikan sebagai salah satu daripada isu keutamaan kepengerusian Malaysia pada tahun ini. Dalam hal ini, pada Sidang Kemuncak Ke-26 yang akan berlangsung pada 26 dan 27 April tahun ini, para pemimpin ASEAN juga dijangka akan memperakui Deklarasi Langkawi mengenai pergerakan kesederhanaan global.

Berhubung peningkatan ancaman radikal dan keganasan melampau di seluruh dunia, para Menteri Luar Negeri telah mengeluarkan satu kenyataan yang mengutuk keganasan dan kekejaman yang telah dilakukan oleh pihak yang mendakwa sebagai Negara Islam ketika permukiman Menteri Luar ASEAN pada penghujung Januari lalu. Di samping itu, satu mesyuarat khas Menteri-Menteri ASEAN

mengenai kebangkitan radikalisme dan keganasan melampau telah dijadualkan untuk diadakan pada awal Oktober 2015.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara-perkara yang ditimbulkan mengenai kedudukan menduduki kerusi Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kementerian Luar Negeri ingin mengucapkan terima kasih juga kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat atas ucapan tahniah terhadap kejayaan Malaysia dipilih untuk menduduki Kerusi Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tahun 2015 dan 2016.

Malaysia telah memperoleh 187 undian semasa proses pemilihan yang diadakan di Ibu Pejabat PBB pada tahun lepas, jauh melebihi majoriti dua per tiga yang diperlukan. Kejayaan Malaysia dalam memperoleh jumlah undi yang tinggi jelas memperlihatkan pengiktirafan dan kepercayaan masyarakat antarabangsa terhadap kewibawaan serta keupayaan Malaysia dalam memainkan peranan aktif untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia menyenaraikan lima keutamaan yang akan diketengahkan sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015 dan 2016. Keutamaan-keutamaan tersebut adalah:

- (i) usaha penyelesaian pertikaian secara damai melalui pendekatan kesederhanaan atau *moderation*;
- (ii) pengantaraan atau *mediation* sebagai pendekatan ke arah kedamaian;
- (iii) pengukuhan operasi dan pelaksanaan misi pengaman PBB;
- (iv) pembinaan keamanan atau *peace building* bagi negara-negara pasca konflik; dan
- (v) menggalakkan usaha berterusan ke arah pembaharuan Majlis Keselamatan PBB yang lebih komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Keselamatan PBB merupakan badan antarabangsa utama yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara keamanan dan keselamatan sejagat. Sebagai Ahli Majlis Keselamatan PBB, Malaysia mempunyai hak mengundi yang mana akan membolehkan Malaysia memainkan peranan secara langsung dalam usaha memelihara keamanan dan keselamatan sejagat. Ini peluang baik bagi Malaysia untuk terus menengahkan dasar negara dalam menggalakkan keamanan dan keselamatan sejagat. Ini juga akan membuka peluang untuk Malaysia mengadakan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan negara-negara berkenaan dan seterusnya menyumbang kepada keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara.

■1140

Isu terakhir yang telah dibangkitkan mengenai dengan *Islamic State*. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum Malaysia menentang dan mengutuk sekeras-kerasnya sebarang tindakan keganasan oleh mana-mana pihak termasuklah dengan izin, *Islamic State (IS)*. Malaysia sama sekali tidak mengiktiraf IS malah telah mengisytiharkan ia sebagai sebuah pertubuhan pengganas atau dengan izin, *terrorist organization* pada 27 September 2014. Kerajaan telah, sedang, dan akan terus berusaha untuk mengekang penularan pengaruh IS di Malaysia.

Dewan Rakyat pada baru-baru ini telah meluluskan dua rang undang-undang dan empat pindaan rang undang-undang bagi meningkatkan keupayaan agensi-agensi pusat dalam menangani gejala penglibatan warganegara Malaysia dengan IS. Langkah-langkah kerajaan berhubung dengan hal ini adalah tindakan lanjutan yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kertas Putih bertajuk, “*Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*” yang dibentangkan di Dewan ini pada 26 November 2014 yang lalu.

Daripada segi dasar luar, Malaysia akan terus menyokong sebarang inisiatif oleh masyarakat antarabangsa khususnya melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menentang keganasan. Inisiatif-inisiatif tersebut juga perlulah konsisten dengan undang-undang antarabangsa. Malaysia selaku negara anggota PBB dan Majlis Keselamatannya menyokong penuh resolusi-resolusi Majlis Keselamatan PBB mengenai keganasan dan penentangan terhadap IS iaitu Resolusi 2170, 2178 dan 2199.

Secara ringkasnya, resolusi-resolusi berkenaan menuntut negara-negara anggota PBB:

- (i) tidak memberi dan menyekat sebarang bentuk sokongan atau bantuan termasuk dari segi kewangan kepada kumpulan IS; dan
- (ii) berusaha memerangi keganasan khususnya golongan militan asing dengan izin *foreign terrorist fighters* termasuk menyekat warganegara masing-masing daripada menyertai kumpulan IS.

Di peringkat rantau Asia Tenggara, negara-negara anggota ASEAN bersepakat untuk bekerjasama dalam memerangi IS menerusi pelbagai pendekatan, begitu juga dengan Pertubuhan Kerjasama Islam atau *Organization of Islamic Corporation* (OIC) yang mempunyai pendirian yang serupa. Malaysia akan terus mempromosikan pendekatan kesederhanaan menerusi Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai suatu pendekatan yang wajar dipertimbangkan oleh masyarakat antarabangsa dalam menangani keganasan...

Tan Sri Dato’ Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat?

Dato’ Hamzah bin Zainudin: Silakan.

Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pelbagai persoalan yang ditimbulkan. Saya ingin timbulkan dalam perbahasan saya baru-baru ini saya sebutkan bahawa Malaysia sebagai pengerusi ASEAN di mana pada tahun ini kita harus mengambil kesempatan untuk mempromosikan pendekatan *wasatiyyah* terutamanya dalam kerangka masyarakat Islam di Asia Tenggara merupakan masyarakat Islam yang teramai di dunia.

Jadi saya ingin bertanya secara lebih khusus, apakah pendekatan dan mekanisme yang difikirkan oleh pihak kementerian luar terutamanya dalam menjadikan hab Nusantara ini sebagai hab Islam contoh kepada masyarakat dunia kerana kita mempunyai 257 juta masyarakat Islam yang mewakili yang teramai di dunia hari ini. Terima kasih.

Dato’ Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato’ Dr. Asyraf Wajdi yang telah membangkitkan masyarakat Islam yang

begitu ramai di kawasan kita terutama ASEAN ini. Itu satu perkara fakta yang sepatutnya diterima pakai oleh seluruh dunia, maka ia memberi satu makna yang begitu jelas sekiranya Malaysia dapat menggunakan pendekatan yang kita bawa selama ini melalui GMM dan diterima pakai oleh ASEAN, ia akan memberikan satu impak yang lebih besar. Ini kerana bukan hanya untuk orang Islam tetapi juga seluruh rakyat atau masyarakat ASEAN di Nusantara ini.

Manakala apa Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf inginkan ialah penekanan melalui *wasatiyyah* itu sendiri kalau boleh dimasukkan dalam pendekatan GMM itu ia mungkin memberikan impak yang lebih baik untuk dunia melihat bahawa pendekatan *wasatiyyah* dan GMM yang selama ini dibawa oleh Malaysia adalah merupakan satu pendekatan yang boleh diterima pakai oleh seluruh manusia di dunia hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang begitu padat, ada mencelah Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi. Sila.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua asyik pandang di sebelah kiri sahaja. Dalam perbahasan berhubung dengan IS Yang Berhormat Menteri, ada rakan-rakan menyatakan bahawa *the word Islamic State*, itu dengan izin, sendiri *misleading*, dengan izin. Menunjukkan bahawa *Islamic State* ini satu *state* yang berdasarkan kepada *terrorist* atau pengganas. Kalau kita katakan Kelantan itu *Islamic State* pandangan kita berbeza dengan Serambi Mekah nya dan sebagainya.

Ada rakan-rakan mencadangkan supaya Malaysia mencadangkan supaya penggunaan nama *Islamic State* ini ditukarkan. Apakah kementerian mengambil inisiatif ini untuk kita namakan *Islamic Terrorist* ataupun pengganas komunis daripada memanggil *Islamic State*? Sebab bila ada rakan-rakan yang bukan Islam bersembang dengan kita, bercakap dengan kita berhubung dengan *Islamic State*, kita terasa Yang Berhormat Menteri. Kita selaku orang Islam amat terasa. Ini kah model *Islamic State* yang kita maksudkan yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Jadi, apakah Malaysia akan membentangkan supaya penggunaan nama ini sama ada kepada badan dunia ataupun di masa kita mempengerusikan *ASEAN Summit* nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi yang membangkitkan tentang nama yang dipakai pada waktu ini kepada pertubuhan yang kita anggap sebagai pertubuhan pengganas militan dalam negara kita. Saya hendak mengingatkan kembali, ia bermula pada 30 Jun 2014. *Islamic State* atau *Iraq and Levant* atau *ISIL* atau turut dikenali sebagai *ISIS* pada asalnya telah mengisytiharkan penubuhan mereka itu sebagai pentadbiran khalifah dan menukar namanya kepada "*Islamic State*" yang dipimpin oleh ketika itu Abu Bakr Al-Baghdadi.

Ia menjadi sebuah wilayah di Iraq. Maka bermula daripada situlah kegunaan untuk menentukan kumpulan ini sebagai satu kumpulan pengganas itu masih menggunakan istilah *Islamic State*. Akan tetapi ini bukan bermakna *Islamic State* yang kita faham kalau di Malaysia ini *Islamic State* yang kita faham

merupakan sebuah negara atau negeri yang mempunyai perundangan mengikut istilah Islam itu sendiri. Manakala mereka hanya mengisytiharkan kumpulan mereka sebagai kumpulan *Islamic State*. Ini adalah semata-mata untuk kita melihat kalau ada pun resolusi-resolusi di peringkat antarabangsa untuk mengenal pasti kumpulan ini itulah kumpulan asalnya.

■1150

Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini, nama-nama ini sudah kurang digunakan kerana kita faham dunia faham bahawa kalau kita masih menggunakannya ia mungkin memberikan satu tanggapan yang negatif terhadap *Islamic State* itu sendiri. Jadi kita gunakan bahawa kumpulan Daesh ataupun kumpulan yang sebenarnya asal ditubuhkan di Iraq itu sendiri. Maka kalau kita perhatikan, walaupun digunakan dalam pertubuhan antarabangsa, tetapi dalam bertutur, cara yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin antarabangsa sudah mula kurang daripada segi penggunaan istilah *Islamic State*.

Jadi kalau di peringkat Malaysia pun, *insya-Allah* akhir-akhir ini akan kita cari satu istilah untuk kumpulan itu. Walau bagaimanapun kita telah pun mengisytiharkan kumpulan ini merupakan kumpulan yang diharamkan dan kita namakan sebagai satu kumpulan militan dan pengganas.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tan Sri pemangku Yang di-Pertua kita pada pagi ini.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Bukan pemangku, hanya ambil alih sementara sahaja.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya fikir, saya pernah menyentuh tentang IS dan saya perlulah penjelasan daripada kementerian. Adakah warganegara kita ditahan oleh menyertai IS militan itu ditahan, masa di Malaysia di negara kita, adakah kumpulan itu bahaya? Adakah kumpulan itu akan berkembang? Adakah kumpulan itu akan membuat kekacauan di negara kita? Adakah mereka akan jadi *lone wolf*? *Lone wolf*? Yang kita sedia maklum berlaku di negara lain-lain. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Saya hendak terangkan bahawa banyak perkara yang telah pun kita buat dalam negara kita sama ada untuk mengekang dan menyekat daripada kumpulan ini diberi bantuan-bantuan sama ada daripada segi kewangan ataupun bantuan moral yang diberikan dalam negara kita sendiri.

Seperti yang saya sebutkan tadi, Kertas Putih pun telah kita bawa dalam Dewan rakyat dan juga Dewan Negara ini. Ini melambangkan dan menunjukkan bahawa kita komited untuk memperjuangkan supaya dapat menghapuskan kumpulan ini dalam negara kita.

Pertamanya kerana kita takut ia akan menjadi satu kumpulan yang seperti kanser yang makin lama makin merebak. Kita tidak mahu perkara ini berlaku dalam negara kita. Keduanya, kita juga tidak mahu kumpulan ini membuat kacau bilau sehinggakan tidak ada lagi keamanan dalam negara kita. Maka sebab itu, undang-undang baru-baru yang kita buat ini, seperti yang saya sebutkan tadi, adalah semata-mata untuk menangani masalah isu IS yang kita rasa mungkin sudah ada putik-putik, ada kumpulan yang cuba untuk mempertingkatkan ideologi perjuangan mereka dalam negara ini.

Walau bagaimanapun saya hendak umumkan bahawa kita di Kementerian Luar akan melihat apabila mereka menjalankan aktiviti mereka di luar sana, kita juga cuba kerjasama dengan seluruh negara PBB dan juga ASEAN untuk memastikan kalau ia datang daripada negara kita akan kita ambil isu ini sebagai satu isu yang besar supaya dapat kita kembali kalau kita bawa balik mereka pun, kita akan tentukan mereka ini akan terus dilihat sebagai satu kumpulan pengganas yang akan kita tangani dan akan kita berikan peluang mengikut perundangan dalam negara kita sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setelah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi daripada soalan Dato' Suhaimi berhubung dengan istilah yang telah digunakan oleh kumpulan IS ini. Saya hendak tunggu lah daripada kementerian untuk cari istilah lain supaya kita tidak disamakan dengan istilah yang cantik tapi nampaknya diguna untuk tidak kena.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumat di sini daripada Yang Berhormat Menteri kita. Apa yang menyebabkan ada ramai saya difahamkan dalam sidang ini disebut dari negara kita ini ada yang hendak pergi ke sana dan telah ditahan beberapa orang. Namun, dari negara-negara Eropah dan juga negara-negara lain, ramai yang menyertainya. Kalau mengikut pengamatan Kementerian Luar kita, apa yang mendorong mereka datang ke sana itu, yang mendorong mereka suka pergi ke Iraq dan Syam itu, menyertai negara tersebut dengan terutamanya orang-orang muda. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tentang istilah tadi telah pun saya jelaskan. Kita dalam negara kita pun kita sudah namakan kumpulan ini pengganas, cuma istilah ya belum kita cari untuk boleh diterima pakai oleh dunia, bukan hanya kita.

Keduanya tentang mengapa ramai sangat anak-anak muda, bukan hanya dalam negara tetapi juga di luar negara kita, di seluruh dunia yang telah pun ingin bersama dengan kumpulan pengganas IS ini. Ini menjadi satu fenomena yang akhir-akhir ini merebak di seluruh dunia. Ia bukan hanya datang dulu mungkin mereka mengatakan disebabkan oleh masalah ekonomi di negara-negara ketiga menyebabkan ramai yang mempunyai ideologi yang seperti ini. Akan tetapi akhir-akhir ini, fenomena yang begini datangnya juga dari negara-negara maju. Maka sudah tentu ada ideologi-ideologi yang telah pun memesongkan perasaan mereka.

Jadi daripada kajian kita di Kementerian Luar bersama dengan rakan-rakan di seluruh dunia, kita merasakan daripada segi definisi jihad itu sendiri mungkin telah menyebabkan ramai anak muda yang tidak faham tentang kedudukan Islam yang sebenarnya, berjihad yang sebenarnya. Akhirnya telah terpesong dan terikut-ikut dengan cara kumpulan pengganas ini memperjuangkan isu mereka. Maka sebab itu, kita hendak mencari akar kepada ideologi yang telah pun merebak ini supaya dapat kita musnahkan sama sekali, tidak kira sama ada ia di Malaysia, di ASEAN atau di seluruh dunia. Itulah yang ingin kita buat selama ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak ucapkan syabas dan tahniah pada Wisma Putra kerana memainkan peranan yang aktif untuk membawa dan menaikkan nama negara kita di pentas antarabangsa.

Di sini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kerana Menteri yang selalu menjalankan tugas di pentas antarabangsa. Di kaca mata dunia, negara kita ini merupakan sebuah negara yang macam mana? Adakah negara kita ini merupakan sebuah negara yang *moderate*, sederhana, liberal? Bagi rakan-rakan sejawatan menteri di pentas antarabangsa, adakah kepelbagaian kaum, agama, bahasa, merupakan kekuatan ataupun dengan izin, *selling point*, Wisma Putra sewaktu menjalankan tugas mereka di pentas antarabangsa. Itu soalan saya. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Senator Koh Chih Han. Saya hendak jelaskan. Seperti juga kita, apabila kita melihat sesebuah negara di luar sana, pertamanya kita melihat daripada segi kepimpinan mereka.

■1200

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya hendak jelaskan, kepimpinan kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak diterima sebagai seorang pemimpin yang baik di peringkat antarabangsa dalam mesyuarat-mesyuarat antarabangsa. Selalunya apa sahaja yang disampaikan, apa sahaja yang diperkatakan, yang diluahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan perkara-perkara bagi kepentingan bersama seluruh dunia. Ia bukan hanya untuk Malaysia, tetapi juga di peringkat dunia. Ini memberikan satu pendekatan yang berbeza daripada segi pandangan orang luar terhadap keyakinan negara kita sendiri.

Saya hendak beritahu satu contoh, tahun lepas di APEC di Beijing sebagai contoh. Bila ada *retreat* di kalangan pemimpin besar daripada China, Amerika, Australia, APEC iaitu *Asia Pacific Economic Conference* itu, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu hendak menyampaikan *statement* yang dibuat ketika itu dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian selepas itu sahaja, beberapa orang pemimpin yang besar termasuk dari Australia, Amerika mengucapkan tahniah dan syabas atas pandangan Malaysia tentang *moderation* itu sendiri. Ini kerana Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa Malaysia sebuah negara yang *moderate* tetapi progresif daripada segi pembangunan negara, pembangunan insan dan kita hendak supaya ia *balance* sama ada dunia dan akhirat.

Ini yang kita bawakan dan kita tidak mahu melihat bahawa dunia berpecah belah kerana tidak faham tentang kedudukan *moderate* yang selama ini kita buat, progresif daripada segi pembangunan yang kita bawa daripada segi ekonomi dan sebagainya. Ia melambangkan bahawa apa yang kita buat ini boleh menjadi contoh kepada dunia luar. Maka sebab itu, apabila kita bertanding di mana-mana peringkat sekalipun, selalunya Malaysia dapat diberikan sokongan kerana mereka faham, mereka sedar bahawa Malaysia sebuah negara yang boleh diterima sebagai pemimpin, bukan hanya di peringkat Malaysia, Asian tetapi juga di peringkat dunia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setakat itu sahajalah untuk Kementerian Luar Negeri sebab kita banyak lagi kementerian yang hendak

menjawab. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Menteri.

12.02 tgh.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator kerana telah membahaskan pelbagai aspek berkaitan pendidikan sepanjang tempoh empat hari perbahasan iaitu dari 13 hingga 16 April 2015. Semua pandangan, teguran serta cadangan daripada 26 Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini, demi menambah baik sistem pendidikan negara amatlah dihargai dan dialu-alukan.

Saya telah meneliti kesemua isu yang telah dibangkitkan dan untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kebanyakan perkara yang disentuh telah pun dijelaskan dalam kedua-dua pelan pembangunan Malaysia. Saya mohon maaf. Kedua-dua pelan pembangunan pendidikan Malaysia iaitu Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 ataupun Pelan Pendidikan Malaysia PT yang baru dilancarkan pada 7 April 2015 dan Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Prasekolah hingga Lepas Menengah).

Sehubungan itu, pada kesempatan ini saya amat mengharapkan sokongan padu semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk bersama-sama menjayakan pelan pendidikan yang direncanakan ini. Ini kerana kejayaan sistem pendidikan negara tanggungjawab semua pihak bagi memastikan pembangunan modal insan yang dirancang dapat dilaksanakan dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, institusi pendidikan tinggi merupakan pusat pembangunan modal insan negara dan mesti relevan dengan kehendak dan keperluan semasa negara. Walaupun kedudukan ranking universiti tempatan dengan kalangan universiti dunia sedikit sebanyak boleh mengubah landskap pendidikan negara, di mana persepsi umum sering menyatakan kedudukan ranking yang baik mencerminkan tahap pencapaian dan kecemerlangan bagi institusi berkenaan. Namun begitu ingin saya tegaskan di sini, ranking bukanlah segala-galanya dalam menentukan kecemerlangan sesebuah universiti itu. Akan tetapi, kesesuaian dan keperluan pembangunan negara modal insan masih kini yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara adalah lebih penting. Justeru, satu pendekatan yang lebih komprehensif dan kondusif wajar dilakukan demi memastikan pembangunan modal insan itu mampu memberi impak kepada keperluan pembangunan secara keseluruhannya.

Secara umumnya, universiti-universiti di negara ini telah banyak menempah sejarahnya sendiri dan mencipta kejayaan dalam melahirkan modal insan yang mampu menyumbang kepada pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang di dalam Dewan yang mulia ini juga kebanyakan pengeluar universiti tempatan yang lebih berjaya menunjukkan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan serta memastikan kestabilan dan keamanan negara terjamin.

Menyentuh ranking universiti seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan Senator Dr. Syed Husin Ali. Walaupun universiti kita belum berada pada kedudukan 100 terbaik dunia, namun kebanyakan universiti di negara ini sentiasa menunjukkan peningkatan yang berterusan ataupun, dengan izin, *soaring upwards*. Sebagai contohnya, berdasarkan QS *ranking*, Universiti Malaya telah berjaya berada pada kedudukan 151 terbaik pada tahun 2014 berbanding kedudukan 167 pada tahun 2013.

Universiti Kebangsaan Malaysia pula telah melonjak daripada kedudukan 269 pada 2013 kepada 259 pada tahun 2014. Manakala Universiti Teknologi Malaysia berjaya berada di kedudukan 294 pada tahun 2014 berbanding kedudukan 355 pada tahun sebelumnya. Kita sepatutnya bangga dengan pencapaian ini kerana sebagai perbandingan, Universiti Malaya pada kedudukan 151 telah berjaya mengatasi ranking universiti terkemuka seperti *University of Exeter* yang tersenarai di kedudukan 161; *Hong Kong Polytechnic* – 162; *Michigan State University* – 198; *Tel Aviv University* – 196; *Indian Institute of Technology Mumbai* – 222; *George Washington University* – 300; *RMIT University* – 304; dan *Curtin University* 331.

Berdasarkan ranking mengikut program pengajian dan fakulti pula, 11 buah fakulti daripada awam kita mempunyai kedudukan dalam 100 terbaik dunia. Sebagai contoh berdasarkan pada QS *ranking*, Universiti Sains Malaysia berada pada kedudukan 28 dunia untuk program Sains Alam Sekitar. Manakala berdasarkan *Global University Rankings*, Universiti Putra Malaysia berada di kedudukan keempat terbaik dunia bagi program sains pertanian, ketujuh dan terbaik di Asia negara. Bukan itu sahaja Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia juga berada di barisan hadapan untuk pembangunan perbankan Islam di Malaysia dengan jumlah sebanyak 48 penerbitan dan lebih 10% daripada 422 penerbitan di dunia dalam perbankan Islam antara tahun 2009 hingga 2014. Ini satu pencapaian yang amat membanggakan. Saya yakin dengan komitmen dan kerja keras semua pihak sasaran untuk meletakkan kedua universiti utama di kedudukan 100 terbaik dalam senarai ranking antarabangsa, khususnya dalam *QS World University Rankings* menjelang tahun 2020 dapat direalisasikan.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya memberikan tumpuan terhadap bidang penyelidikan bagi memperkasa fungsi universiti di Malaysia serta bagi membolehkan universiti meningkatkan pencapaian dalam rangking dunia. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, ketika ini kementerian telah mempunyai beberapa buah dana pendidikan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Penyelidikan Trans Disiplinari (TRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) bagi pensyarah dan penyelidik di IPT serta lain-lain institusi penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan terutamanya penyelidikan berimpak tinggi dan mempunyai nilai komersial yang telah memberi manfaat kepada pembangunan negara.

Untuk maklumat Ahli-ahli Dewan yang mulia, pada tahun 2014 sahaja pemberian geran penyelidikan bawah Dana Penyelidikan Fundamental Kementerian Pendidikan Malaysia kepada institusi pendidikan tinggi awam adalah berjumlah sebanyak RM222 juta meliputi 3,414 projek. Institusi pendidikan swasta sebanyak RM32 juta bagi 322 projek. Manakala lain-lain institusi sebanyak lebih RM100 juta yang melibatkan 15 projek.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mentransformasikan pendidikan vokasional merupakan satu langkah yang tepat dan kena pada masanya bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran perdana. Seperti hasrat Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran M. Sanasee, Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan untuk makluman Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin serta Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman, program TVET telah di arus perdana dan direkayasa bagi membangunkan modal insan berkemahiran tinggi.

Selain itu pendidikan asas vokasional juga telah diperkenalkan di peringkat menengah rendah dan dikembangkan ke peringkat menengah atas melalui kolej vokasional. Seterusnya bagi menyediakan laluan kemajuan kerjaya kepada pelajar-pelajar yang memilih laluan kemahiran ini lonjakan keempat pelan pembangunan pendidikan Malaysia pengajian tinggi telah menyediakan platform untuk mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui latihan serta pendidikan berkualiti dan berimpak tinggi di 91 buah kolej komuniti, 33 buah politeknik dan empat buah Universiti Teknikal Malaysia ataupun diperkenalkan sebagai MTUN.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sila Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih pemangku Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di kawasan saya mempunyai dua buah sekolah yang saya telah menghantar surat sokongan kepada Kementerian Pelajaran sendiri iaitu ia melibatkan sebuah makmal yang hampir runtuh melibatkan nyawa dan keselamatan pelajar. Dua buah sekolah ini salah satunya, Sekolah Menengah Ibrahim dan Sekolah Menengah Che Tom. Apa yang saya bimbang, takkan kita hendak tunggu sampai bumbung-bumbung ini runtuh melibatkan nyawa pelajar baru kita hendak mengambil tindakan. Jadi saya mohon pendapat, pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Memandangkan isu ini isu spesifik Yang Berhormat, kita ambil maklum dan kita akan mengambil tindakan sewajarnya dalam masa terdekat ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri, saya balik kepada penggulungan saya. Penekanan khusus juga telah diberikan kepada program keusahawanan termasuk dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional. Ini adalah untuk memastikan modal insan yang dibangunkan mampu berdikari khususnya pelajar lepasan sekolah. Melalui kerangka kerja ini institusi TVET akan melahirkan graduan yang bukan lagi pencari pekerja ataupun *job seekers* tetapi penjana pekerjaan, *job creators*. Graduan TVET pada masa hadapan tidak

lagi bergantung kepada pekerjaan di sektor kerajaan tetapi berupaya mencipta pekerjaan kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan graduan berkualiti tinggi dapat dihasilkan dan memenuhi keperluan industri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, kolej komuniti telah merangka beberapa kerjasama strategik dengan rakan-rakan industri. Bermula tahun 2013 sehingga kini beberapa strategi telah dilaksanakan melalui perwujudan perkongsian pintar bersama-sama pihak industri melalui kerjasama *public private partnership* dan menyediakan graduan ataupun lulusan kolej komuniti sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih ataupun dengan izin *k workers* bagi lima buah koridor pembangunan ekonomi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, pemerkasaan politeknik telah pun dimulakan sejak tahun 2010 melalui program Hala Tuju Transformasi Politeknik yang telah dilancarkan bagi memastikan penghasilan modal insan yang berkemahiran tinggi dapat direalisasikan. Usaha ini juga telah menampakkan pencapaian yang membanggakan apabila tujuh program diploma kejuruteraan politeknik telah mendapat akreditasi program peringkat antarabangsa iaitu dengan *Canadian Technology Accreditation Board* dan tiga buah politeknik primer mencapai tahap emas dalam akreditasi institusi oleh *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* iaitu sebuah badan TVET yang membuat penarafan di peringkat antarabangsa dalam rantau Asia Pasifik.

Pencapaian usaha-usaha ini dijangka dapat menarik lebih ramai lepasan sekolah menengah untuk menceburi bidang TVET sebagai saluran penyambung pengajian mereka dan membina kerjaya mereka seterusnya. Dalam masa yang sama kementerian akan terus membangunkan rangka usahawan membantu untuk menggalakkan lebih ramai graduan menjadi usahawan. Rangka kerja ini akan memberikan tumpuan kepada tiga fasa penting iaitu yang pertama menggalakkan dan membudayakan nilai keusahawanan merentas kurikulum. Kedua, membuka peluang pembelajaran keusahawanan yang lebih meluas kepada pelajar. Manakala yang ketiga, membantu pelajar menghasilkan dan mengembangkan perniagaan sehingga mampu menjadi usahawan inovasi dan kreatif.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, terdapat dua pendekatan yang dilaksanakan bagi meningkatkan bayaran balik di kalangan peminjam iaitu mesra pelanggan dan juga penguatkuasaan. Pendekatan mesra pelanggan termasuklah kempen-kempen melalui media, taklimat di institusi kerajaan dan juga swasta termasuk taklimat perbelanjaan berhemah dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) kepada pelajar di IPT pada tahun akhir.

Manakala tindakan penguatkuasaan dilaksanakan mulai dengan penghantaran notis-notis peringatan sehinggalah penyenaian hitam daripada meninggalkan negara melalui Jabatan Imigresen Malaysia, tindakan saman di mahkamah dan terkini menyenaraikan peminjam tegar dalam sistem maklumat rujukan kredit berpusat ataupun, dengan izin, *Central Credit Reference Information System* (CCRIS).

PTPTN sentiasa merancang kaedah-kaedah baru bagi meningkatkan prestasi pengurusan PTPTN dan mendekatkan lagi PTPTN dengan pelanggan. Mulai tahun 2012 sehingga kini, PTPTN telah menubuhkan 14 buah pejabat PTPTN negeri di setiap negeri diketuai oleh seorang pengurus besar negeri yang berperanan mengawal selia semua aktiviti pengoperasian PTPTN serta 24 buah pejabat PTPTN cawangan tujuh buah kios di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara. Selain itu juga mulai 1 November 2014, hampir 500 orang eksekutif pemasaran telah dilantik dan ditempatkan di semua cawangan bagi memudahkan peminjam mengadakan rundingan atau penangguhan bayaran balik dan juga pemasaran produk simpanan pendidikan.

■1220

Pemberian insentif diskaun 20% kepada peminjam yang membuat penyelesaian secara sekali gus atau *lump sum* mulai 10 Oktober 2014 telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan peminjam. Dalam tempoh 10 Oktober 2014 sehingga 31 Mac 2015 seramai 35,809 orang peminjam telah mendapat diskaun 20% kerana telah membuat penyelesaian pinjaman secara sekali gus. Jumlah yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM353.5 juta dengan pemberian diskaun kepada penerima biaya berjumlah RM88.4 juta.

Daripada jumlah tersebut, seramai 27,585 orang peminjam ataupun 76.9% adalah daripada IPTA dan seramai 8,274 orang atau 23.1% daripada IPTS. Daripada segi pendapatan keluarga peminjam semasa membuat permohonan pembiayaan, 84.3% orang peminjam terdiri daripada keluarga berpendapatan RM40,000 dan ke bawah dan 15.7% orang peminjam terdiri daripada keluarga berpendapatan RM40,000 dan ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan modal insan negara dan meletakkan pendidikan negara bertaraf dunia...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada yang mencelah? Silakan.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Boleh saya tanya Yang Berhormat, adakah rekod mereka yang sudah habis belajar tetapi belum lagi dapat kerja? Apakah mereka ini diwajibkan membayar ataupun tunggu sehingga mereka dapat kerja? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri, prihatin kepada mereka yang belum mendapat kerja tetapi telah mengambil pinjaman. Mudah, di PTPTN kita boleh menerima sepucuk surat daripada pemohon yang telah membuat pinjaman tetapi belum mendapat kerja, boleh mohon kepada PTPTN, maklumkan kepada PTPTN bahawa mereka belum mendapat kerja lagi. PTPTN boleh berurusan dengan peminjam dan membuat satu kaedah pembayaran yang begitu mudah sekali. Kita beri ruang ini tetapi ada masanya pelajar-pelajar ini tidak maklumkan langsung kepada PTPTN.

So, apabila kita ada pendekatan seumpama ini, bukan hasrat kita untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pelajar-pelajar ini tetapi sekiranya ada permohonan dibuat oleh pelajar, kita boleh runding dengan pelajar, mengemas kini cara pembayaran balik. Kita sedia membuat perundingan

ini dan kita sedang melaksanakan proses ini, ramai pelajar membuat permohonan. Apabila permohonan dibuat, rundingan akan dilakukan secara serta merta kerana kita tidak mahu membebankan pelajar-pelajar yang belum lagi mendapat pekerjaan ini Tan Sri. Terima kasih Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sila Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dengar Yang Berhormat Menteri memberi penerangan tadi peminjam-peminjam yang habis kursus yang perlu membayar balik. Apa komen Yang Berhormat Menteri berhubung dengan peminjam-peminjam, pelajar-pelajar kita yang meminjam dan mengikuti kursus di *Allianze University College of Medical Sciences* (AUCMS) yang mana di Dewan yang mulia ini, suka saya maklumkan bahawa banyak keluarga yang merasa begitu sedih dan juga mereka ini terperangkap di antara kolej ini yang telah dinaiktarafkan menjadi universiti yang telah ditutup akibat hasil daripada, boleh saya katakan, dengan izin, *mismanagement*.

Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mengambil pendekatan menyelamatkan pelajar-pelajar ini. Subjeknya banyak yang *medical-based*, dengan izin. Ada mereka ini dihantar ke Sumatera untuk meneruskan pelajaran tetapi mungkin menjadi masalah kepada mereka kerana kurikulum di *Allianze University* ini berbeza dengan yang ada di Sumatera. Jadi bila mereka sampai di sana, adaptasi mereka untuk kurikulum itu berbeza. Jadi, ada yang tersangkut dan ada yang tidak dapat menyambung pelajaran mereka. Ada juga di antara mereka yang mendapat sijil, saya dimaklumkan bahawa konvokesyen mereka ini hanya diadakan di kantin sekolah kerana tidak mempunyai kewangan untuk menampung kolej ini dan konon ceritanya bahawa tuan punya universiti ini sekarang ini berada di England.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan kementerian? Apakah tidak boleh dibawa balik tuan punya universiti ini untuk menyelesaikan masalah ini? Soalan saya juga, pelajar-pelajar ini juga ditaja bukan sahaja oleh kementerian malah ditaja MARA, PTPTN, JPA dan yayasan-yayasan negeri. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, oeh sebab universiti ini di bawah Kementerian Pendidikan, apakah tindakan kementerian berhubung dengan *Allianze University* ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama Yang Berhormat Dato', perkara ini tidak dibangkitkan semasa ucapan perbahasan. Walau bagaimanapun, kita sedar dan kita di kementerian sedang dan telah pun mengambil beberapa pendekatan untuk menyelamatkan pelajar-pelajar. Apa yang paling penting bagi kita ialah masa depan pelajar-pelajar ini tidak harus tergugat dan kita masih dalam proses untuk mencari penyelesaian. Kita tidak mencuci tangan. Kita sedar kita telah menyelamatkan beberapa orang pelajar, telah pun menghantar mereka ke beberapa buah universiti. Ada pelajar-pelajar yang masih belum kita mencari penyelesaian tetapi kaedah ini akan diteruskan.

Bagi pertanyaan soalan mengenai apa tindakan yang akan dilakukan terhadap pemilik. Kita dalam proses untuk menilai dan saya pasti kita tidak menggalakkan tuan punya institusi seumpama ini

melaksanakan tanggung jawab memberi pendidikan. AUCMS ini merupakan sebuah institusi swasta yang pada awalnya memenuhi keperluan, syarat-syarat untuk memberi peluang untuk pendidikan. Akan tetapi apabila perkara ini berlaku, bagi kami Kementerian Pendidikan Malaysia yang paling penting ialah masa depan pelajar-pelajar dan ibu bapa. Kita sedar dan kita pasti akan mencari apa jua penyelesaian yang dapat membantu mereka. Itu pokok perjuangan ini. Maklumat tepat tentang tindakan buat masa ini tidak ada pada tangan saya. Akan tetapi bila ada maklumat, kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat dan kepada orang awam. Buat masa ini, itu jawapan saya kepada Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya, Yang Berhormat Tan Sri Ali.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi soalan saya yang belum dapat jawapan iaitu apabila pelajar pinjam PTPTN ataupun tabung-tabung yang lain seperti MARA, dia minta penjamin, saya jadi peminjam kepada beberapa orang peminjam. Kemudian apabila pelajar tidak membayar, saya pula yang hendak dibawa ke mahkamah untuk menjelaskan bayaran. Saya fikir yang ini tak betul, saya cadangkan pelajar itu mesti dibawa ke mahkamah dahulu, sampai dia bankrap, kalau dia sudah bankrap, saya sanggup ambil tanggung jawab. Saya harap yang ini mesti didahulukan, bukan bankrapkan penjamin [*Ketawa*]

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Sekali.

■1230

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan AUCMS ini memandangkan anak saya juga belajar di AUCMS dan sekarang ini telah ditukarkan ke MAHSA Kuala Lumpur. *Alhamdulillah*, anak kita tidak ada masalah tetapi saya rasa sedih apabila beliau memaklumkan sahabat-sahabat beliau yang berada di negeri Pulau Pinang, dalam keadaan keluarga yang daif, sudah ada dua orang atau tiga orang yang hendak berhenti melanjutkan pelajaran.

Jadi, saya sangat prihatin dengan AUCMS ini memandangkan- kadang-kadang praktikal ini Tuan Yang di-Pertua, dihantar ke negeri-negeri yang agak jauh. Sudahlah miskin dan susah, tetapi praktikal kadang-kadang dihantar ke Kuching, Sarawak, ke Kelantan, ke Johor. Jadi, apa yang saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri ini supaya bagi saya, pendapat, pandangan saya, tidakkah kerajaan berhasrat untuk *take over*, dengan izin, ambil alih AUCMS ini memandangkan AUCMS ini memang ada potensi untuk melahirkan graduan-graduan yang sangat berjaya? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Sebelum saya memberi jawapan kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim, Tuan Yang di-Pertua, saya pun dalam situasi yang sama. Saya pun penjamin, saya pun terima surat juga daripada peguam.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Termasuk saya sendiri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Hasrat kita hendak membantu, Tuan Yang di-Pertua. Apakah daya orang tidak menyedari masalah kita juga. Kadang-kadang kalau tidak terjawab soalan itu tidak dapat bertanding pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham, kita pun faham. Kita akan cuba mencari satu kaedah bagaimana kita boleh keluarkan nama kita daripada penjamin-penjamin.

Saya sendiri pun mencari-mencari juga kaedahnya tetapi kaedah ini sudah ada sebelum kita. So, kita ikut sahaja kaedah ini. Akan tetapi saya sedar, saya faham apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator kerana saya sendiri mengalami situasi tersebut. Kita akan mencari satu penyelesaian. Saya sendiri akan bincang dengan PTPTN bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Macam mana cadangan Yang Berhormat? Tadi mengatakan dia kena *take action*, dengan izin orang yang meminjam itu dahulu. Selepas itu baru kita pergi kepada penjamin.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Biasanya, itu caranya Tuan Yang di-Pertua. Kita akan mencari siapa peminjam tetapi apabila peminjam ini *missing in action*, tidak dapat di lokasi mana-mana, tidak tahu di mana mereka berada, maka mereka cari kita lah. Kita pula tidak lari ke mana-mana, kita di sini sahaja.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Peminjam ini senang dicari. Dia ada di Malaysia. Kita boleh gunakan JKK mencari ataupun jumpa balik saya, saya boleh tunjuk orang itu ada di situ, dia menjadi pengurus di situ. Mengapakah saman saya? Dia kata, "*Cari Dato' senang. Dato' ada duit, boleh bayar*" [Ketawa] Ini yang saya tidak setuju. Mesti *bankrupt* kan peminjam itu dahulu dan saya boleh carikan di mana dia berada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tan Sri. Saya terima cadangan itu, baik sungguh. Kita ini memang hendak bantu. Kita kalau hendak membantu lebih ramai kita suka membantu tetapi cadangan itu baik. Tan Sri boleh menghubungi kita kalau ada terima seperti saya pesan tadi, maklumkan pada kita. Kita tahu mana peminjam ini, beri kerjasama kita akan cuba bantu.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya buat ini bukan untuk saya sahaja. Ia mesti ada satu dasar yang jelas.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Semua. Ya, saya faham.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Orang yang meminjam mesti bertanggungjawab dahulu. Dia kena dibawa ke mahkamah dan bankrapkan dia dahulu. Kalau dia sudah bankrap, saya sanggup ambil tanggungjawab untuk menyelesaikan jaminan saya. Bukanlah semua, sebahagianlah.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih. Ya, tidak boleh semua, bukan? Nanti semua cari Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ikhtiarlah Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya Tuan Yang di-Pertua?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ikhtiarlah.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Ya. Yang Berhormat Senator Puan Shahanim, untuk mendapat satu lokasi universiti yang dekat dengan kediaman atau tempat tinggal kita agak sukar kerana kekosongan tempat yang bersesuaian dengan pelajar itu kadang-kadang hendak buat macam mana, jauh juga. Dia kata kalau hendak belajar, kita seharusnya berani untuk merentasi sempadan dan lautan untuk menimba ilmu. Itu cara kita mendekati pembelajaran kita.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, status hak milik AUCMS kini berada di bawah *receiver* dan *manager* dan tertakluk kepada Akta Syarikat 1965. Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada isu kebajikan pelajar bagi memastikan penerusan pengajian mereka. Pemindahan pelajar ke IPTS lain adalah bergantung dan tertakluk kepada pilihan pelajar sendiri. Kesemua pihak penaja terlibat dalam sesi perbincangan sebelum keputusan memindahkan pelajar itu dibuat. Kita mengadakan *engagement* dengan semua yang terlibat dalam pemindahan ini.

PTPTN juga mengambil tindakan dengan menyambung tentang pinjaman PTPTN tadi, menyambung pembiayaan ini di IPT baharu yang telah ditempatkan sehingga pelajar-pelajar itu tamat belajar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tan Sri Ali, untuk makluman, pada masa sekarang PTPTN tidak memerlukan lagi penjamin bagi pelajar-pelajar membuat pinjaman yang mana pelajar sendiri bertanggungjawab terhadap pinjamannya. Kita ini sebelum ini. So, selepas ini tidak ada lah. Saya faham *existing problem* itu kita kena cari penyelesaian.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh saya tambah sedikit. Kalau hendak cari pelajar ini, kalau dia sudah bekerja Tuan Yang di-Pertua, kita boleh *refer* pada SOCSO. Jadi, di SOCSO bagi nombor IC, boleh tahu "*Oh! Dia ini sudah bekerja*". Kedua, kepada EPF. Di situ juga kita boleh cari maklumat pelajar, kalau kita tidak dapat kesan misalnya penjamin itu sudah pindah jauhkah ataupun meninggal dan sebagainya. Kita boleh cari mekanisme untuk mencari di mana mereka ini berada di samping gunakan pemimpin tempatan.

Terima kasih kerana PTPTN sekarang sudah tidak perlukan lagi penjamin. Yang saya jamin dahulu dengan MARA dan juga tabung-tabung yang lain. Akan tetapi bila saya tunjukkan pegawai itu, sekarang MARA sudah pergi cari dia, sudah jumpa pun. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tan Sri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berbalik kepada penggulangan. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan modal insan negara dan meletakkan pendidikan negara bertaraf dunia...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Topik yang tadi.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya fikir ini pencelahan yang terakhirlah untuk Kementerian Pendidikan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil sekali lagi sebab keluarga AUCMS ini agaknya mendengar dan SMS kepada saya. Katanya ada 200 orang pelajar kita yang telah tamat di Sumatera tetapi tidak dapat ijazah kerana kita tidak buat pembayaran dengan Universiti Sumatera tersebut. Jadi, 'depa' *hold*, dengan izin, ijazah tersebut. Ini satu penganiayaan kepada anak-anak kita. Kalau berlaku kepada anak saya pun tetap saya akan mengambil tindakan. Jadi, bagaimanakah kementerian hendak membantu dalam hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi. Memandangkan maklumat ini saya baru terima, saya akan minta pegawai berkenaan untuk memberi laporan dan sekiranya saya mendapat laporan sebelum saya menghabiskan hujah saya, saya akan berkongsi bersama dengan Dato'. Kalau tidak, saya akan maklumkan pada Dato' apa yang telah berlaku dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Akan tetapi hendak mencelah kemudian pun *no problem*. Jangan *last* sekali tadi. Okey.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan modal insan dan meletakkan pendidikan negara bertaraf dunia, kementerian mengucapkan terima kasih atas pandangan dan cadangan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memberi tumpuan kepada pembelajaran dan keberhasilan murid dengan menyasarkan pembangunan murid yang memiliki enam ciri iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika kerohanian dan identiti nasional untuk membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

Ciri-ciri ini sangat penting dalam memastikan kemenjadian murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengambil kira pelbagai aspek dalam penggubalan kurikulum persekolahan termasuklah kompetensi global. Pada masa yang sama, untuk meningkatkan keupayaan untuk berkomunikasi sehingga ke peringkat antarabangsa oleh murid seperti yang dicadangkan, pelbagai aktiviti berkomunikasi telah dilaksanakan sama ada di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran atau semasa aktiviti kokurikulum dan sukan termasuk juga program khusus seperti program pertukaran pelajar dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, kementerian sentiasa mengambil berat terhadap pembangunan mahasiswa ke arah yang lebih seimbang bagi menyediakan modal insan yang akan mempunyai kompeten tinggi.

■1240

Kementerian telah mengenal pasti lapan buah teras aktiviti kokurikulum yang telah dilaksanakan iaitu inovasi, khidmat komuniti, kesukarelawanan, pengucapan awam, kepimpinan, kebudayaan, keusahawanan dan kesukanan bagi membangunkan mahasiswa supaya mereka mampu menangani pelbagai isu dalaman atau luaran.

Kesemua lapan buah teras ini dirangkum menjadi mekanisme dalam pelan pembangunan mahasiswa holistik atau, dengan izin, *holistic student development* yang bertujuan untuk melahirkan mahasiswa IPT yang menguasai tujuh kemahiran insaniah iaitu komunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat keusahawanan, kepimpinan dan moral serta etika profesional.

Bagi pelajar kelainan upaya pula, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan, di bawah Pelan Tindakan Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar OKU di institusi pengajian tinggi, pihak kementerian juga telah menubuhkan Unit OKU di bawah kementerian dan Unit Pelajar OKU di bawah Seksyen Kaunseling, Kerjaya dan OKU atau di Bahagian Hal Ehwal Pelajar

masing-masing di IPTA. Penubuhan ini bertujuan mengurus dan menyelaraskan hal ehwal pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan pelajar OKU.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak program yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui IPT yang memberi peluang kepada semua lapisan mahasiswa IPT untuk mengembangkan potensi diri secara holistik. Mesyuarat Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) dan Parlimen Mahasiswa contohnya telah berjaya menyediakan platform untuk mahasiswa mengutarakan pandangan dan cadangan yang sekaligus menjadikan mahasiswa berani bersuara.

Selain itu, melalui aktiviti kesukarelawanan melibatkan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), UCE, IM4U serta penglibatan mahasiswa dalam aktiviti pasukan beruniform seperti *Kor Sukarelawan Siswa Polis* (SUKSIS) dan *Pasukan Latihan Pegawai Simpanan* (PALAPES) akan meningkatkan lagi kerjasama berpasukan dan memupuk semangat jati diri kebangsaan yang tinggi.

Di samping itu juga Kementerian telah menjadikan subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) sebagai subjek wajib diambil oleh semua pelajar sarjana muda IPTA/IPTS di Malaysia. Ia memberi tumpuan utama terhadap ilmu ketamadunan dan pengetahuan tentang tamadun-tamadun besar di dunia. Oleh yang demikian, hubungan ketamadunan yang terjalin dalam sejarah diharapkan boleh menimbulkan kesedaran dan rasa penghargaan yang tinggi terhadap kekayaan warisan budaya kemasyarakatan hari ini.

Penonjolan-penonjolan nilai masyarakat juga dapat diketengahkan. Sehubungan itu, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, kursus TITAS ini mampu menyumbang kepada keharmonian agama dan kaum dengan menerapkan kesedaran mendalam dalam diri pelajar terhadap kepentingan nilai-nilai bersama sebagai faktor penyatuan masyarakat dan kepentingan perbezaan serta kepelbagaian sebagai punca kekuatan masyarakat. Penekanan dalam aspek ini juga mampu menangani isu fahaman ekstremis dalam kalangan pelajar seperti juga kebimbangan Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada lagi...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan merujuk kepada TITAS ini, saya tidak menafikan prinsip-prinsip ataupun kebaikan TITAS ini dalam konteks memberikan kesefahaman di kalangan pelbagai kaum. Akan tetapi isu yang saya bangkitkan, di peringkat pengajian tinggi, di mana proses pematangan pelajar-pelajar kita terhadap isu-isu agama sudah pun sampai ke tahap yang perlu kita dedahkan kepada ancaman-ancaman akidah yang hari ini menjadi satu ancaman besar kepada keselamatan negara.

Kita berhadapan dengan IS yang merupakan bertitik tolak daripada kefahaman soal jihad, soal Islam yang diselewengkan daripada segi pandangannya. Apabila pendidikan Islam itu sudah ditiadakan, digantikan dengan TITAS, maka aspek-aspek yang memberikan perincian terhadap pemikiran agama yang benar ini tidak diberikan penekanan. Ini kebimbangan yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya baru-baru ini. Saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi. Kita sedar dan ambil maklum maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat. Pihak kementerian secara spesifik Sektor Pengajian Tinggi bekerjasama rapat dengan JAKIM untuk mengawasi dan juga menyelia keadaan-keadaan semasa di universiti dan kita sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya. Kita ambil maklum kepada segala nasihat yang telah diberi oleh Yang Berhormat dan kita juga akan sentiasa mengadakan diskusi dengan pihak-pihak berkenaan untuk memastikan ajaran-ajaran IS ini tidak masuk ke minda para graduan yang berada di universiti kita buat masa ini.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah sebentar tadi saya berjanji untuk memberi maklumat terkini tentang isu pelajar Universiti Sumatera Utara (USU).

Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil maklum isu pembayaran wang tertunggak ini. Kita sedar pihak *receiver* dan *manager* juga sedang mengambil tindakan bagi memastikan isu ini diberi keutamaan. Untuk memastikan pelajar ini menerima ijazah dari Universiti Sumatera Utara dengan syarat mereka telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. So kita sedang dan telah dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya Yang Berhormat Dato' Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada penggulungan. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan pada peringkat awal pelaksanaan akan ada banyak cabaran. Ini selaras dengan dapatan kajian penyelidikan mengenai budaya perubahan ataupun dengan izin, *culture of changes* dari Institute Ontario Kanada pada tahun 2002 bahawa akan berlaku satu fasa yang dinamakan *implementation dip* iaitu penurunan dalam pelaksanaan sebelum terhasilnya satu lonjakan kejayaan.

Inilah juga yang sedang berlaku dalam proses transformasi pendidikan yang sedang kita laksanakan. Menyentuh tentang Pentaksiran Tingkatan 3 iaitu lebih dikenali sebagai PT3. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim Kader, pelaksanaan PT3 bukan langkah tergesa-gesa yang merupakan sebahagian daripada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang diperkenalkan sejak tahun 2011 bagi murid sekolah rendah dan tahun 2012 bagi murid sekolah menengah. Ingin saya tegaskan di sini bahawa PBS merupakan dasar yang melibatkan pentaksiran secara menyeluruh, holistik terhadap pencapaian murid yang terangkum menerusi empat komponen pentaksiran iaitu pentaksiran sekolah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum, pentaksiran psikometri dan pentaksiran pusat.

Kementerian menyedari bahawa pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap pembelajaran murid. Sehubungan dengan itu, kebolehpercayaan terhadap pentaksiran yang dijalankan oleh guru ditingkatkan melalui penjaminan kualiti yang dilaksanakan melalui pementoran, penyelarasan, pengesahan dan pemantauan. Setelah tamat Tingkatan 3, murid akan menerima pelaporan yang komprehensif iaitu:

- (i) Pelaporan Pentaksiran Sekolah (PS);
- (ii) *Pentaksiran Psikometrik* (PPsi) Malaysia - merupakan satu-satu negara di dunia yang menggunakan pelaporan psikometri untuk mengukur kecenderungan murid;

- (iii) Pelaporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, sukan dan kokurikulum ataupun dikenali PAJSK; dan
- (iv) Pelaporan PT3.

Seperti saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee sememangnya keempat-empat pelaporan ini akan digunakan sebagai asas untuk menentukan kemasukan ke tingkatan empat sama ada di sekolah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama, maktab rendah sains MARA, sekolah menengah teknik, kolej vokasional dan penentuan aliran murid tingkatan empat di sekolah harian. Memandangkan PT3 mula diperkenalkan pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus menjalankan pengesanan untuk mempertingkatkan pengendaliannya.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang keupayaan murid dalam bahasa Inggeris, dasar wajib lulus bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2016. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit dan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris ataupun MBMMBI. Melipatgandakan program peningkatan penguasaan bahasa Inggeris termasuklah pelaksanaan Program Linus 2.0, Literasi Bahasa Inggeris, pelantikan FasiLINUS yang berperanan sebagai mentor dan pembimbing kepada guru bahasa Inggeris Tahap 1, pelaksanaan komponen sastera kontemporari kanak-kanak kepada murid-murid Tahap 2, pelaksanaan sistem SET di Tingkatan 1 dan pelaksanaan komponen sastera bahasa Inggeris (KOMSAS) di sekolah menengah serta membekalkan bahan bacaan tambahan ke pusat sumber sekolah di bawah program MBMMBI.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Program Pemantapan Tahap Pengajaran Bahasa Inggeris, dengan izin, *Professional Up-skilling of English Language Teachers (ProELT)* telah dilaksanakan dengan melibatkan 5,010 orang guru kumpulan pertama pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut sebanyak 76.4% telah berjaya meningkatkan tahap profisiensi mereka sekurang-kurangnya 1 Band. Pada masa ini seramai 9,002 orang guru sedang menjalani kursus berkenaan yang dijangka menamatkan latihan pada April 2015. Manakala 10,000 orang guru lagi akan dilatih secara berperingkat-peringkat sehingga April 2016.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga melaksanakan *Program English Teaching Assistant (ETA)* yang melibatkan 225 orang *full bright scholars* di 100 buah sekolah, manakala seramai 360 orang penutur jati, dengan izin, *native speakers* telah ditempatkan di 1,800 buah sekolah bagi membantu 5,000 guru bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui *Program Teach for Malaysia* pula seramai 240 orang felo dari universiti terkemuka dunia seperti Universiti Oxford, Cambridge, Harvard dan sebagainya mengajar di sekolah-sekolah kementerian di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melaksanakan intervensi seperti Peningkatan Penguasaan Bahasa Inggeris SPM (PPPBI-SPM) yang dilaksanakan bagi menyokong dasar wajib lulus mata pelajaran

bahasa Inggeris dalam SPM mulai 2016. Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 3 hingga 5 di 1,191 buah sekolah *hot spot* di mana peratus gagal dalam peperiksaan bahasa Inggeris adalah 23% ke atas. Program ini dilaksanakan merangkumi dua buah komponen iaitu komponen dalam kelas dengan izin, *differentiated teaching and learning* dan komponen luar kelas dengan izin, *Ops English 2.0*.

Komponen dalam kelas membolehkan guru mengaplikasi metodologi dan pedagogi pembelajaran dengan membezakan antara murid berdasar kebolehan mereka supaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik, berkesan dan menyeronokkan murid. Untuk meningkatkan keyakinan dan kemahiran murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris *Program Oral Proficiency in English for Secondary Schools* (OPS- English) sedang dilaksanakan di 827 buah sekolah seluruh Malaysia khususnya sekolah di luar bandar yang berada dalam Band 3 hingga Band 6.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu kekurangan guru opsyen bahasa Inggeris terutamanya di sekolah rendah dan kawasan luar bandar Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan sedang melaksanakan Kursus *Intensive Course in English Language Teaching* (ICELT) di bawah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah bertujuan untuk memastikan penguasaan bahasa Inggeris terus ditingkatkan dan mencapai tahap yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati berhubung dengan pengambilan calon guru dari Sabah dan Sarawak seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Pada prinsipnya pengambilan calon guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institusi Perguruan Pendidikan Guru adalah berdasarkan unjuran keperluan guru. Ingin dijelaskan bahawa tiada perbezaan ataupun *double standard*, dengan izin, dalam syarat baru pengambilan calon guru ke IPG antara calon Semenanjung dengan calon dari Sabah dan Sarawak dan IPG juga tidak pernah berkompromi daripada segi kualiti calon guru yang dipilih untuk mengikuti latihan perguruan.

Namun seperti mana yang ditegaskan oleh kementerian dan hasrat Yang Berhormat Senator, pengambilan calon guru yang berasal dari Sabah dan Sarawak perlu diberi keutamaan bagi penempatan di negeri asal khususnya untuk memenuhi keperluan di sekolah kawasan pedalaman dan pulau-pulau kecil di seluruh Sabah dan Sarawak. Ini kerana mereka lebih memahami adat dan budaya masyarakat setempat.

Mengenai penyeragaman elaun guru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti mana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Untuk makluman kelayakan elaun seperti yang ditetapkan oleh agensi pusat dalam pekeliling perkhidmatan berkaitan adalah untuk semua penjawat awam dan bukan khusus untuk guru sahaja. Sebarang perubahan terhadap kadar elaun berkenaan adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tidak Tuan Yang di-Pertua, kalau diberi izin tidak ada yang ganggu tiga perenggan sahaja lagi.

Menyentuh tentang pembangunan fizikal seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh, Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin, Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Kementerian memang memandangkan serius isu-isu berkaitan pembangunan infrastruktur pendidikan.

Perancangan pembinaan sekolah baru serta capaian ICT di sekolah termasuk di SJKT sudah pasti Kementerian Pendidikan Malaysia akan meneliti perkara-perkara tersebut termasuk permohonan spesifik dari kawasan seperti dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perkara yang dibangkitkan ada yang telah pun dilaksanakan dan selebihnya akan ditangani secara berperingkat-peringkat bersesuaian dengan kepentingan dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi, Kementerian Pendidikan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan...

Dato' Lim Nget Yoon: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada juga yang hendak mencelah. Kita ada dua minit lagi ini Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya tidak dijawab langsung. Tidak sentuh pun. Ikut sistem pelajaran kita saya cuba memberitahu atau membangkit tentang dalam sistem pelajaran kita, kita *produce* terlalu ramai doktor dan *dentist*. Jadi kalau kejadian ini berterusan apa akan terjadi dan adakah...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Panjang sangat itu Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: *...Because the whole point is there.*

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Saya jawab. Ada tapi kerana masalah isu itu spesifik kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan. Saya jawab. Ada maklumat di sini. Seperti mana saya katakan tadi kalau ada isu-isu yang tidak dapat dijelaskan kita ambil maklum dan akan ambil tindakan. Isu tentang pelajar perubatan ramai yang menganggur itu isu yang dibangkitkan Yang Berhormat. Ada. Setiap program perubatan ditawarkan perlu melalui proses penilaian bersama dengan pihak Majlis Perubatan Malaysia dan agensi kelayakan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin ambil dua minit selesaikan semua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Gulunglah Yang Berhormat. Kena gulunglah Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Hendak gulunglah ini. Lepas perenggan ini saya akan gulung terus. Saya akan cuba pantaskan. Peluang pelajar tempatan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di IPTS adalah tertakluk kepada syarat dan kelayakan masuk yang ditetapkan. Terdapat 21 IPTS yang menawarkan 26 kursus perubatan di Malaysia bagi memastikan graduan perubatan dihasilkan adalah berkualiti. Kementerian Kesihatan kerjasama dengan Kementerian

Pendidikan kita ambil maklum kepada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi terima kasih penghargaan kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan sokongan. Terima kasih atas teguran juga. Perhatian kita ambil. Terima kasih sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah kita menjemput Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Menterinya sila menjawab. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana telah memberikan perhatian khususnya terhadap perkembangan sektor pertanian negara sepanjang perbahasan ke atas Titah Diraja pada kali ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian di dalam membahaskan pelbagai isu yang menyentuh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan. Sesungguhnya kementerian ini menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin telah membangkitkan isu monopoli pengimportan beras dan harga beras. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui perjanjian konsesi penswastan di antara kerajaan dan Padi Beras Nasional Berhad, kedua-dua pihak telah pun memeterai perjanjian pada tahun 1994 dan telah disambung pada tahun 2012 sehingga tahun 2021. BERNAS telah pun diberikan hak eksklusif pengimportan beras.

Pada tahun 2014, jumlah pengeluaran beras negara 1.7 juta tan metrik yang menampung 71% daripada keperluan beras negara dan selebihnya adalah daripada sumber yang diimport. Pada masa ini kerajaan telah menghadkan pengimportan beras oleh BERNAS sebanyak 900,000 tan metrik setahun dan setiap *consignment* pengimportan dikawal dan perlu mendapatkan permit daripada pihak kementerian.

Selain daripada itu antara obligasi sosial yang dipertanggungjawabkan ke atas BERNAS termasuklah mengurus dan mengekalkan stok pengimbal beras negara iaitu sebanyak 239,000 metrik tan

pada setiap masa, membeli harga padi yang telah pun diseragamkan sebanyak RM1,200 per tan setan di Semenanjung. Ketiga menjadi pembeli terakhir padi iaitu kalau tiada pihak yang ingin membeli padi daripada pesawah, maka BERNAS diwajibkan untuk membeli padi tersebut.

Berkenaan dengan harga beras, kerajaan mengawal dan menetapkan harga beras tempatan agar ia stabil dan memberi pulangan yang berpatutan kepada para petani. Secara dasarnya kerajaan menetapkan bahawa harga beras import tidak boleh dijual dengan lebih rendah daripada harga beras tempatan. Ketetapan ini merupakan usaha kerajaan untuk memastikan pasaran bagi bekalan beras tempatan sentiasa diutamakan. Sehubungan dengan itu, harga jualan beras tempatan telah ditetapkan seperti berikut, manakala tiada kawalan dikenakan ke atas harga jualan beras runcit import:

- (i) Super Special Tempatan (ST5) – harga maksimum RM26.00 bagi setiap beg 10 kilogram;
- (ii) Super Special Tempatan 10% (ST10) – harga maksimum RM24.00 bagi setiap beg 10 kilogram; dan
- (iii) Super Tempatan 15% (ST15) di bawah program Beras Nasional ST15 dijual pada harga di antara RM16.50 hingga RM18.00 mengikut zon bagi setiap beg 10 kilogram.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah menyentuh isu berkenaan bantuan daripada segi galakan insentif dan kemudahan kepada petani.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memberikan pelbagai bentuk dan galakan insentif kepada para petani bagi membolehkan penanaman pagi dua kali setahun dilaksanakan. Bagi tahun 2015, kerajaan masih meneruskan pemberian enam jenis subsidi dan insentif serta tambahan lagi satu subsidi iaitu subsidi padi bukit atau padi huma berjumlah keseluruhannya RM2.211 bilion bertujuan untuk membantu petani di bawah subsektor padi dalam usaha meringankan beban dan sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

Subsidi yang dikeluarkan ini adalah berbentuk input pertanian seperti benih, baja, racun dan pengapuran bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran dan penanaman padi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah. Ini perkara baru atau berkaitan dengan soalan.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Berkaitan dan saya hendak mencelah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri menyebut BERNAS sebentar tadi dan sekarang ini di kampung khususnya di Kedah kawasan saya, kawasan MADA, di setiap mesyuarat cawangan sekarang ini hebat diperkatakan bahawa potongan padi daripada BERNAS terlalu tinggi. Dahulu 17 kilogram. Hari ini sudah 25 kilogram. Orang kampung kata 25 kilogram hendak makan apa Yang Berhormat Dato' Sri. Kita tidak mahu hendak campur dengan *complaint* mereka baru-baru ini, GST dan sebagainya. Akan tetapi ini yang dibangkitkan oleh mereka dengan GST, dengan potongan yang cukup tinggi.

Mereka juga menyatakan bahawa kilang-kilang persendirian ini potong 16 dan BERNAS potong 25, dahulu 17, kilang swasta 16. Jadi mereka minta supaya kerajaan mengambil ketetapan. Mereka

meminta supaya harga siling dengan harga lantai itu diambil di tengah-tengah. Ini petani yang meminta perkara ini, Yang Berhormat Menteri. Kata mereka kalau 25 memang mereka tidak dapat langsung katanya hasil daripada padi tersebut selain daripada potong wap basah dan juga hampar yang juga mempunyai potongan masing-masing. Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah bantuan yang dapat kita berikan kepada petani-petani ini? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, mengenai potongan padi sebenarnya apabila kita menyeragamkan harga padi seluruh negara menjadi RM1,200 se tan, kalau dahulu Kedah RM1,050, Kelantan – RM980, jadi kita hendak seragamkan keseluruhannya dan kita menetapkan harga RM1,200.

■1440

Waktu kita menetapkan, potongan berdasarkan pemutuan sebenar. Waktu itu. Bermakna kalau 35% potongan, maka 35%lah potongan mengikut *actual* mutu yang sebenar. Setiap potongan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kehadiran pesawah melihat padi mereka di gredkan untuk menentukan berapa sebenarnya mutu yang ada pada padi mereka tersebut.

Walau bagaimanapun, kita faham kerana apabila kita kata pemutuan sebenar, mungkin pesawah belum *ready* untuk pemutuan sebenar tersebut. Jadi pihak kementerian telah pun meminda dasar tersebut iaitu kita kata setiap potongan walau buruk macam mana pun padi tidak boleh melebihi daripada 20%. Jadi secara keseluruhannya pemotongan 20%. Cuma, ada kedapatan apabila padinya terlampau teruk sehinggakan 35% hingga 40% yang mana tidak boleh dijadikan sebagai beras untuk dijual pun. Jadi ini biasanya akan ada perbincangan. Akan ada perbincangan antara pihak BERNAS dengan pihak pesawah itu untuk menentukan bagaimana hendak menyelesaikan kerana terlalu rendah daripada segi kualitinya.

Saya hendak jelaskan bahawa pemutuan sebenar ini akan kita laksanakan pada tahun 2016 iaitu tahun depan. Sebab itu kita minta supaya pesawah kita menukar cara penanam padi dan sebagainya. Di peringkat kementerian kita sudah ada daripada segi aturan-aturan apa yang perlu dilakukan di bawah *rice check* kita yang dikeluarkan oleh kementerian. Kita bagi kepada pesawah supaya mengikut *rice check* ataupun aturan-aturan yang dikeluarkan oleh kementerian. Kita minta supaya mereka menanam padi dengan lebih baik supaya mereka juga boleh mendapat sijil *Good Agriculture Practice* dan sebagainya. Jadi kita hendak supaya pesawah kita tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada sokongan kerajaan untuk mengeluarkan padi yang tidak baik tetapi mendapat potongan yang rendah. Ini kerana ini tidak berlaku adil kepada mereka yang benar-benar menanam padi dengan cara yang baik.

Katakan dalam kes ini, mutu padi mereka katakan 25% tetapi kerana intervensi daripada kerajaan, kita kata tidak boleh lebih daripada 20% sedangkan ada pesawah yang betul-betul menanam padi mengikut *rice check* dan sebagainya tiba-tiba mendapat 19%. Potongan padi mereka 19% *actualnya*. Yang rakan sebelahnya patut 25% tetapi kerana intervensi kerajaan, dia dapat 20%. Jadi daripada segi galakan kepada orang yang benar-benar untuk menanam padi dengan cara yang sempurna dan sebagainya, maka tidak ada galakan. Bagi dia kata, tidak apalah kita buat tidak elok pun *still* ada

intervensi kerajaan dan kita dapat 20% juga. Sebenarnya Yang Berhormat, setakat hari ini, potongan kita tidak lebih daripada 20%.

Tadi ada bantuan-bantuan saya hendak sebut. Secara *detail*, bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada pesawah adalah seperti berikut.

JENIS BANTUAN	RM/juta (Tahunan)
Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah	85
Skim Baja Padi Kerajaan	465
Insentif Pengeluaran Padi	563
Subsidi Harga Padi	480
Insentif Peningkatan Hasil	20
Subsidi Harga Beras ST15	528
Subsidi Baja dan Racun Bagi Penanaman Padi Huma (Padi Bukit)	70
JUMLAH	2.211 Bilion

Saya hendak maklumkan bahawa setiap petani di dalam negara kita mendapat insentif ataupun subsidi daripada kerajaan sejumlah RM2,540 *per person per hectare*. Begitu besar bantuan dan sumbangan yang diberikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun Mat Amin telah membangkitkan isu perancangan kementerian bagi membantu usahawan kesan daripada pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2). Soalannya apakah yang boleh dibantu usahawan-usahawan di kawasan setempat? Sebenarnya Yang Berhormat, daripada segi FAMA, kita sentiasa bekerjasama dengan pihak konsesi lebuhraya. Misalnya untuk lebuhraya PLUS ke utara, kita mempunyai agrobazaar misalnya yang kita wujudkan untuk membantu usahawan.

Begitu juga dengan kita mewujudkan gerai untuk buah-buahan segar dan sebagainya. Kita boleh lihat ini di R&R Tapah misalnya. Perkara yang sama boleh kita lakukan di Terengganu. *In shaa-Allah* kita akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kerja Raya dan pihak pemegang konsesi lebuhraya tersebut untuk kita wujudkan pusat-pusat jualan bagi usahawan di bawah FAMA ini di kawasan-kawasan R&R ataupun rehat dan rawat ini. Terima kasih. *In shaa-Allah* kita akan dapat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Boleh mencelah, Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Silakan.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati Yang Berhormat Menteri, sekarang ini laluan-laluan LPT2 itu nampaknya kesian sangatlah kepada peniaga.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini perkara barukah atau ada kaitan dengan soalan?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Sama, sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini kerana saya rasa kalau boleh, kalau Yang Berhormat mencelah, mencelahlah berkenaan dengan soalan-soalan yang telah Yang Berhormat bangkitkan semasa perbahasan. Kalau perkara baru, tidak payah. Kalau ya pun, mungkin pegawai cuma catat sahaja dan beri jawapan secara bertulis. Kalau tidak, Yang Berhormat Menteri tidak habis menjawab nanti.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak *relatekan* apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, oleh sebab saya dapati di sepanjang laluan itu, peniaga-peniaga buah-buahan dan makanan, didapati sehingga semangat untuk berniaga ada, Yang Berhormat Menteri tetapi sampai kanopi dia itu terlengkap. Itu yang saya hendak tanya kementerian. Adakah dalam perancangan terdekat untuk pihak kementerian membantu petani-petani yang bersungguh-sungguh untuk mencari sumber rezeki melalui jualan hasil pertanian. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Seperti yang saya sebutkan tadi, kita perlu bekerjasama dengan pihak konsesi lebuhraya tersebut dan juga JKR. Ini kerana daripada segi untuk mendirikan apa sekalipun, mesti mendapat kebenaran daripada mereka. Jadi *in shaa-Allah* seperti yang saya sebut, kita akan buat kerjasama tersebut seperti yang telah kita lakukan di PLUS.

Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah Tun Abang Haji Openg telah pun mengutarakan sokongan beliau kepada usaha kerajaan di dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara dan juga peruntukan subsidi padi bukit. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat atas sokongan tersebut. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kalau dulu, untuk padi bukit ini, insentif padi bukit ataupun subsidi padi bukit ini hanya *one-off* tetapi mulai dari tahun ini, ia akan berterusan dan tidak lagi *one-off*. Jadi ini berita baik untuk penanam padi bukit di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim telah membangkitkan isu pemeraksanaan sektor pertanian terutamanya di negeri Perak. Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Agromakanan Negara 2011 hingga 2020 digubal bagi memperkasakan sektor agromakanan secara keseluruhan di Malaysia. Bagi tujuan ini, Pelan Tindakan Pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara telah digubal bagi membolehkan objektif dasarnya dicapai menjelang tahun 2020. Antara inisiatif sektor tanaman, ternakan dan perikanan yang telah dilaksanakan di negeri Perak adalah seperti berikut, lima Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Perak iaitu di Slim (Batang Padang), Sungkai (Batang Padang), Gua Tempurung (Kinta), Titi Gantung (Perak Tengah) dan Lekir (Manjung) yang jumlah keluasannya adalah seluas 690 hektar.

■1450

Ini tidak termasuk dengan tambahan TKPM baru seluas 1,281.53 hektar di TKPM Bukit Sapi, Gerik. Tiga hektar TKPM Fertigasi Degong, Hilir Perak. Lima hektar TKPM Fertigasi di Lekir. Terkini, cadangan TKPM di Sungai Siput seluas 60.72 hektar yang bakal beroperasi sepenuhnya pada tahun 2015 dan tahun 2016. Kedua, pembangunan rizab haiwan di negeri Perak telah menyumbang kepada nilai pengeluaran sebanyak RM1.73 juta bagi hasil ternakan di negeri Perak.

Ketiga, tiga projek NKEA yang telah dilaksanakan di bawah inisiatif NKEA Akuakultur iaitu di bawah EPP 4, Sistem Sangkar Bersepadu (i-CAGE). Ternakan ikan talapia dalam sangkar di Tasik Temenggor dan EPP 6 iaitu Sistem Kolam Bersepadu (iZAQ), ternakan udang laut dalam kolam di dua buah lokasi iaitu di Selinsing dan Pulau Gula, Perak melibatkan kawasan seluas 581 hektar.

Sementara itu projek *cluster* ternakan ikan air tawar dalam sangkar sedang dibangunkan di Sungai Perak. Keempat, pelaksanaan penstrukturan semula zon penangkapan ikan di perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia termasuk perairan negeri Perak bagi mengoptimumkan penangkapan ikan secara mampan. Kelima, pemuliharaan penyu untuk mengimbangi ekosistem marin bagi menjamin bekalan ikan dan hasil laut yang lestari. Pada masa akan datang kementerian akan terus menggalakkan pembangunan industri, tanaman, ternakan dan perikanan di negeri Perak melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- (i) pembangunan lot tanah terbiar untuk menambah pengeluaran hasil buah-buahan dan sayur-sayuran;
- (ii) pembangunan usahawan yang terlibat dalam komoditi padi, kelapa, buah-buahan, sayur-sayuran dan pemprosesan makanan;
- (iii) mempergiat dan mengoptimumkan penggunaan rizab-rizab haiwan untuk pengeluaran ruminan;
- (iv) menggalakkan penglibatan pemilik-pemilik ladang kelapa sawit berskala besar dalam penternakan ruminan secara integrasi; dan
- (v) memperluaskan penggunaan kawasan-kawasan bekas lombong untuk penternakan itik daging dan itik telur serta aktiviti akuakultur.

Di antara projek yang dicadangkan di bawah RMKe-11 untuk negeri Perak adalah:

- (i) pembangunan Lenggong Agro Valley;
- (ii) projek peningkatan hasil padi IADA Seberang Perak;
- (iii) Projek Menaik Taraf Muara Sungai Labu bagi kemudahan nelayan dan petani di daerah Kerian;
- (iv) memperluas kawasan TKPM di negeri Perak; dan
- (v) Projek pembangunan ternakan ikan sangkar di Sungai Perak.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud telah membangkitkan isu didikan awal terhadap cara penangkapan ikan yang salah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita setuju bahawa memang banyak kes yang melibatkan tangkapan ikan cara haram ini iaitu melalui bom, racun, tuba, menggunakan arus elektrik dan sebagainya dan kita menjalankan tangkapan. Pada tahun 2014 sebanyak 18 tangkapan telah pun kita lakukan. Walau bagaimanapun kita bersetuju bahawa yang lebih penting pendidikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia sememangnya memberikan perhatian serius terhadap elemen-elemen perusahaan sumber perikanan sungai bagi memastikan ia dapat memberi manfaat berpanjangan kepada generasi yang akan datang. Antara langkah yang telah diambil adalah dengan mengadakan program pendidikan dan kesedaran

awam yang melibatkan pelbagai pihak terutamanya pelajar-pelajar sekolah berhubung kepentingan memelihara sumber perikanan sungai.

Pada tahun 2014, Jabatan Perikanan telah melaksanakan program ini di beberapa buah negeri seperti Perak, Pahang, Johor dan juga Kedah. Program ini dilaksanakan dengan mengadakan ceramah ataupun taklimat kepada komuniti dan pelajar sekolah, melaksanakan pameran, edaran bahan cetakan seperti pamflet dalam melaksanakan program pelepasan benih ikan ke perairan umum bersama komuniti. Maklumat berkenaan aktiviti penangkapan ikan menggunakan kaedah yang dilarang juga turut didedahkan semasa program ini dilaksanakan. Di samping itu kementerian melalui Jabatan Perikanan turut mengadakan program pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan di sepanjang perairan sungai.

Yang Berhormat Datuk Roslin binti Haji Abdul Rahman telah- ada Datuk Roslin? Ada. Kalau tidak ada boleh saya beri jawapan secara bertulis?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa boleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingin mengingatkan kepada Ahli Dewan ya, sebaik mungkin beradalah di dalam Dewan. Oleh sebab kalau Yang Berhormat Menteri menjawab itu, Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan macam mana hendak tahu jawapan Yang Berhormat Menteri. Jadi sebaik mungkin berada di dalam Dewan. Dia ada dekat luar kah?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Dia ada atau dia datang ataupun keluar?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Roslin, mana dia?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Kalau ada saya baca jawapan dia. Dia datang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Dia datang tadi?

Timbalan Yang di-Pertua: Dia memang ada dekat Dewan. Mungkin dia keluar. Jawablah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya bacalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya baca ya. Kalau dia datang, saya baca. Yang Berhormat Senator Datuk Roslin binti Haji Abdul Rahman telah membangkitkan beberapa isu di bawah bidang kuasa kementerian seperti status bantuan banjir di Pahang, pinjaman Agrobank kepada mangsa banjir dan juga pinjaman TEKUN.

Untuk makluman Yang Berhormat, banjir yang melanda beberapa buah negeri pada penghujung tahun 2014 dan awal tahun 2015 telah mengakibatkan kemusnahan banyak harta benda termasuklah kemusnahan hasil pertanian. Sehubungan dengan itu kementerian telah menyediakan bantuan ihsan di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan dan proses pembayaran sedang dilaksanakan.

Di negeri Pahang seramai 908 orang pengusaha akuakultur yang terlibat dengan nilai bantuan sebanyak RM1.02 juta. Pada masa yang sama, kementerian juga melalui Jabatan Perikanan telah

menyampaikan bantuan input seperti benih dan makanan ikan kepada pengusaha akuakultur yang terjejas. Kementerian amat prihatin dengan mangsa banjir yang terlibat dan Agrobank merupakan antara agensi terawal menyediakan beberapa bantuan kepada mangsa banjir tersebut. Antara bantuan yang disediakan adalah:

- (i) memberi penangguhan pembayaran balik pembiayaan selama enam bulan kepada pelanggan-pelanggan yang terlibat;
- (ii) penjadualan dan penstrukturan semula pembiayaan; dan
- (iii) Pembiayaan tambahan di bawah program *Agrobank Flood Relief Scheme* yang menggunakan dana Agrobank dan *Special Relief Facilities* menggunakan Dana Bank Negara Malaysia yang ditimbang berdasarkan permohonan.

Di bawah penjadualan dan penstrukturan semula pembiayaan ataupun R&R, jumlah bayaran balik akan disesuaikan dengan kemampuan pelanggan. Manakala bagi pembiayaan tambahan, tempoh bayaran yang diberikan adalah sehingga lima tahun. Bagi melancarkan urusan ini, Agrobank telah mewujudkan petugas khas di setiap negeri yang terlibat iaitu Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perak.

Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2015 kesemua 1,962 akaun pelanggan yang terjejas dengan banjir bernilai RM84.928 juta telah diluluskan bagi moratorium. Dalam tempoh yang sama juga sebanyak empat permohonan R&R bernilai 127 ribu telah diterima dan diluluskan.

Di samping itu Agrobank juga telah meluluskan sebanyak 30 permohonan pembiayaan AFRS berjumlah RM890 ribu dan 38 pembiayaan SRF bernilai RM1.19 juta. Sehingga kini Agrobank masih menerima permohonan R&R dan juga permohonan pembiayaan tambahan. Kesemua permohonan ini akan dikaji dan diberi pertimbangan sewajarnya dengan kadar segera.

Isu pinjaman TEKUN, untuk makluman Yang Berhormat TEKUN Nasional merupakan agensi di bawah kementerian yang telah ditubuhkan sejak tahun 1998 sebagai institusi pembiayaan makro. Golongan sasar peniaga kecil bumiputera yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dalam skala kecil. Sehingga 31 Mac 2015, TEKUN Nasional telah menyalurkan sejumlah 399,769 orang peminjam yang berjumlah RM3.34 bilion dalam pelbagai bidang perniagaan.

■1500

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM254.498,727 pembiayaan telah disalurkan kepada 23,744 orang usahawan dalam bidang penanaman, ternakan dan perikanan. Walaupun penyaluran pembiayaan dalam ketiga-tiga bidang ini masih rendah iaitu sekitar 8% daripada keseluruhan penyaluran pembiayaan TEKUN, namun ia semakin meningkat dari setahun ke setahun bagi menyokong perkembangan sektor pertanian negara.

Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus telah menyentuh isu harga bahan makanan yang mahal seperti ikan dan sayur-sayuran di Labuan. Untuk makluman Yang Berhormat serta Ahli Dewan, isu kawalan harga tidak terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ia terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Walaupun kita tidak mengawal harga tetapi pihak kementerian membantu untuk mengawal harga di

beberapa buah kawasan di beberapa buah premis di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sebagai contohnya di bawah pasar tani.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak memberi penerangan yang cukup jelas. Yang Berhormat baru mengatakan bahawa harga bahan-bahan makanan terutama ikan dan sayur-sayuran bertambah naik. Ini membebankan rakyat. Kita perhatikan pada hari ini terutama di kawasan-kawasan *urban* dan kawasan perumahan tanah di hadapan rumah mereka dipenuhi dengan landskap, ditanam pokok-pokok bunga memang cantik. Akan tetapi dalam keadaan suasana ekonomi pada hari ini, tidakkah boleh kementerian Yang Berhormat memikirkan langkah-langkah strategik mahupun galakan untuk menggalak rakyat menanam pokok-pokok seperti cili dan lain-lain. Kita tahu cili pun cukup mahal harganya dan juga menggalakkan mereka membela ikan-ikan seperti tilapia, keli dan lain-lain.

Kalau ini dapat dilakukan, saya rasa, ia dapat mengurangkan beban rakyat. Walaupun saya tahu kementerian Yang Berhormat telah membuat banyak langkah tertentu dan membantu tetapi kita perhatikan terutama di kawasan-kawasan *urban*, rumah-rumah cantik itu memang dipenuhi dengan landskap yang cantik tetapi tidak adapun pokok-pokok. Jarang kita lihat pokok-pokok *vegetables* dan lain-lain ditanam dan membela ikan-ikan yang saya rasa cukup mudah kalau kita buat. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat dengan soalan tersebut. Suka saya maklumkan bahawa memang pihak kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai program untuk rakyat terlibat sendiri di dalam bidang pertanian, bukan sahaja untuk komersial tetapi juga untuk kegunaan sendiri. Misalnya di kawasan luar bandar, kita ada program yang kita namakan sebagai Program Jom Bertani yang telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Besut Terengganu pada bulan Jun tahun 2014. Untuk membantu mereka yang berminat untuk bertani di kawasan bandar, kita juga mempunyai program yang kita namakan seperti pertanian bandar ataupun *urban farming*. *Urban farming* ini telah pun saya lancarkan pada bulan Mei 2014 di Johor Bahru.

Ini semua bertujuan untuk yang pertamanya, kita hendak wujudkan balik budaya bertani di kalangan masyarakat. Kalau kita lihat budaya bertani sudah semakin hilang di kalangan masyarakat kita. Sedangkan kalau dahulu semua rumah di kawasan luar bandar misalnya mempunyai tanaman sendiri. Akan tetapi pada hari ini, di luar bandar sekali pun, untuk pengetahuan Yang Berhormat, serai pun beli di pasar, bukan setakat serai daun pandan pun beli di pasar. Kalau dahulu di belakang rumah semua ada pokok-pokok tersebut. Jadi kita hendak kembalikan budaya bertani di kalangan rakyat kita dengan kita memperkenalkan *urban farming* dan Program Jom Bertani.

Pihak kerajaan menyediakan insentif memberikan secara percuma misalnya untuk yang terlibat dengan pertanian, memberikan secara percuma benih-benih, pokok, baja dan juga peralatan untuk pertanian. Begitu juga dengan ternakan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Di kampung, di bandar mungkin tidak boleh bela ayam. Akan tetapi di kampung, kita akan memberi anak ayam kampung. Kita akan beri makanan ayam, kita akan bantu daripada segi reban ayam. Begitu juga dengan

perikanan, kita akan beri benih ikan, kita akan beri *canvas* untuk pemeliharaan ikan dan sebagainya. Untuk *urban farming* ini kita bukan setakat beri daripada segi benih dan sebagainya tetapi juga peralatan untuk *urban farming*.

Sebenarnya *urban farming* ini sangat popular di luar negara. Cuma rakyat kita, apabila saya membangkitkan isu *urban farming* dan juga jom bertani, ramai yang hentam saya. Mereka kata “Wah! Ini kerana GST lah hendak suruh orang bertani”. Sebenarnya tidak betul. Kita sudah lama, tahun 2014 kita sudah pun memperkenalkan program ini dan kita beri insentif-insentif yang disebut. Kalau di bandar misalnya, rumah-rumah *flat* dan sebagainya, kita beri alat yang sesuai dengan rumah *flat* tersebut. Dengan alat tersebut tidak payah kita bekerja lebih teruk daripada biasa kerana semuanya menggunakan auto untuk penyiraman dan sebagainya. Ini semua kita hendak membantu rakyat supaya dapat mengurangkan perbelanjaan dan dalam masa yang sama mewujudkan budaya bertani.

Saya hendak maklumkan kepada Dewan, sedikit sahaja, di Tokyo walaupun bandarnya maju di dunia, *urban farming* merupakan satu aktiviti yang paling popular. Seinggakan di seluruh Tokyo, *urban farming* ini menyumbangkan 15% daripada *supply* kepada seluruh Tokyo ini. Akan tetapi sekarang dalam proses untuk meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat kita. Jadi, terima kasih Yang Berhormat.

Tadi apa yang saya sebut tentang apa yang kita bantu untuk kita mengurangkan perbelanjaan itu, misalnya di pasar tani kita ada Program Jualan Turun Harga di pasar tani di mana 73% jenis barang ini dapat kita jual dengan harga yang lebih murah, 5%-20% lebih murah daripada pasar-pasar lain dan sebagainya. Begitu juga di kawasan-kawasan pejabat misalnya. Kita ada program yang kita sediakan, program di pejabat-pejabat misalnya *My Best Buy*. Ini merupakan program untuk kita bantu pekerja-pekerja pejabat misalnya. Kita wujudkan pasar tani mini. Misalnya untuk Labuan kita ada di Kompleks Ujana Kewangan yang telah dimulakan pada bulan Mac 2015.

Program turun harga tadi di pasar tani persekutuan di Labuan Walk setiap Sabtu dan Ahad. Seterusnya ialah kita memastikan supaya petani-petani yang mempunyai ladang mengadakan ladang kontrak dengan FAMA supaya kita dapat membekalkan barangan dengan harga yang lebih rendah. Ini adalah perkara yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk membantu mengurangkan bebanan pengguna. Walau bagaimanapun, seperti yang saya jelaskan tadi kalau ada pengguna yang naikkan harga dan sebagainya, kita bukan merupakan tanggungjawab ataupun kita tidak mampu untuk mengambil undang-undang kepada mereka kerana ia diletakkan di bawah kementerian lain. Kita cuma membantu.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah telah membangkitkan isu pemberian bantuan baik pulih rumah nelayan. Cadangan Yang Berhormat kenapa duit RM10,000 untuk *repair* atau baik pulih rumah itu tidak diberikan secara *direct*, terus sahaja kepada tuan rumah. Yang Berhormat, yang pertamanya kita hendak pastikan rumah itu siap di *repair*. Kalau kita berikan *direct* kepada tangan yang pertamanya, kita mungkin tidak berkeyakinan rumah itu dapat disiapkan kerana mungkin *priority* nya duit itu digunakan untuk perkara lain. Itu yang pertama. Akan tetapi yang lebih pentingnya, yang kita tidak boleh hendak kompromi, yang kita tidak boleh hendak gunakan kuasa kita seperti yang dimohon oleh

Yang Berhormat, kerana kita tertakluk kepada peraturan ataupun prosedur kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan iaitu wang daripada kerajaan tidak boleh kita beri *direct* kepada tuan punya rumah. Jadi kita terpaksa masuk melalui LKIM dan kita melantik kontraktor untuk membaik pulih rumah tersebut. Setakat ini Kementerian Kewangan tidak benarkan. Oleh sebab itu kita tidak boleh buat selain daripada yang tadi.

■1510

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon. Ada? Tidak ada? Tidak ada dari pagi? Kalau tidak ada dari pagi, saya kira saya akan beri jawapan secara bertulis.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah persoalan-persoalan yang ditimbulkan terhadap kementerian. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Fasal rumah?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Ya fasal rumah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Okey, okey.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya timbulkan perkara 10,000 buah rumah nelayan sebab semasa kita menjalankan rumah tersebut- saya ambil dalam ucapan saya itu contoh di Sala, perkampungan Burma. Jadi orang Burma ini rajin. Kita bagi, bila diluluskan- saya pun tidak tahu macam mana boleh lulus, bagi terus 10,000 kepada mereka. Kita *monitor*, kita mengenal pasti mereka ini menjalankan dan mereka buat rumah mereka Yang Berhormat Menteri sampai boleh jadi sebuah banglo. Sedangkan rumah yang kita lantik kontraktor-kontraktor ini seperti mana yang saya kata dalam ucapan saya, hanya 2,000 sahaja yang mereka buat rumah, yang 8,000 lagi itu, maklumlah disub, disub dan disub, sampai ada empat sub, kadang-kadang. Jadi itu yang saya memohon supaya kita kenal pasti cara mana yang boleh membantu mereka ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah, ada yang elok itu, buat rumah eloklah. Ada yang gunakan duit untuk lain itu, gunakan untuk lain. Jadi, kita takut mungkin contoh Yang Berhormat ini mungkin lebih kurang 10% atau 20% sahaja. Walau bagaimanapun, masih lagi kita seperti saya beritahu tadi, masih tertakluk kepada prosedur Kementerian Kewangan. Akan tetapi kalau kita hendak maklumkan kepada Kementerian Kewangan, kita hendak cadangkan, mungkin kita boleh lakukan tetapi akhirnya keputusan terletak kepada Kementerian Kewangan.

Jadi terima kasih sekali lagi Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. *In shaa-Allah*, Kementerian Pertanian akan mengambil secara serius segala pandangan yang diberikan tadi dan kita akan terus memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan Kementerian Pertanian kepada golongan sasaran kita iaitu petani, nelayan dan penternak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas segala jawapan yang telah diberikan tadi. Seterusnya, kita beralih ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Silakan Menteri.

3.13 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana menyentuh tentang isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan memberi saranan dan sasaran tentang isu-isu tersebut.

Pertamanya, isu banjir di negara kita. Banjir memang sudah tentunya berlaku di negara kita, setiap tahun semakin besar lagi. Tahun lepas, sememangnya banjir besar di beberapa buah negeri di pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Oleh itu, banjir ialah satu perkara yang mana Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memberi gambaran bagaimanakah ia boleh ditebat iaitu tebatan banjir.

Pertamanya, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh yang menimbulkan masalah pembalakan haram yang ada kaitan dengan banjir, lebih-lebih lagi banjir besar. Sememangnya jika sesuatu kawasan lebih-lebih lagi kawasan tadahan air diluaskan ataupun jika hutan itu telah pun di balak secara haram, ini membuat apabila hujan lebat berlaku, air hujan mengalir dengan lebih cepat lagi ke dalam sungai. Maka, banjir juga berlaku dengan cepat. Walaupun ia sebegini, namun Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa memantau agar pembalakan yang berlaku bukannya pembalakan haram supaya pembalakan yang ada lesen boleh dipantau dan boleh diberi penguatkuasaan dengan rapi.

Kedua, yang mengaitkan tentang banjir ini ialah Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Perkara yang dibangkitkan yang berkaitan dengan kementerian ini ialah pembalakan yang tidak terkawal. Sememangnya pembalakan yang tidak terkawal adalah jika pembalakan haram berlaku. Jika lesen dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk pembalakan, maka pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan. Oleh itu, Jabatan Perhutanan Negeri sentiasa membuat penguatkuasaan agar pembalakan dijalankan mengikut cara-cara yang ditetapkan iaitu cara pengurusan hutan dengan 'kebekalan' iaitu *forest sustainable, forest management*. Jadi inilah yang dibuat jika lesen pembalakan sedia ada.

Selain daripada itu, perlombongan juga dikaitkan dengan banjir. Perlombongan juga, lesen dikeluarkan oleh kerajaan negeri di bawah Enakmen Mineral Negeri. Apabila lesen ini dikeluarkan di bawah Enakmen Mineral Negeri, maka Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia memantau aktiviti-aktiviti perlombongan supaya aktiviti-aktiviti itu berjalan mengikut enakmen yang mana lesen telah pun dikeluarkan. Oleh itu, pemantauan oleh kementerian ini memang terus dijalankan melalui agensi-agensi di bawahnya. Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator juga mencadangkan pihak bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen yang sah. Sememangnya lesen dikeluarkan di bawah enakmen, maka lesen itu ialah lesen sah.

Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon menyentuh tentang ketamakan manusia, aktiviti manusia yang menyebabkan banjir besar.

■1520

Saya setuju. Itu memang benar. Sebenarnya ketamakan manusia dalam dunia ini, bukan sahaja di negara kita. Dalam dunia ini sudah pun menyebabkan perubahan iklim. Iklim sudah pun berubah. Apabila iklim berubah, maka hujan akan lebih kuat lagi dan lebih berpanjangan. Apabila ketamakan yang seperti yang saya telah sebut tadi, pembalakan haram ini sudah menambah kepada aktiviti-aktiviti yang lain. Maka ini akan membuat keadaan lebih teruk lagi. Keadaan banjir.

Oleh itu....

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, pertanyaan? Okey.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya sejauh mana kementerian berpuas hati dengan penguatkuasaan dalam konteks pembalakan haram ini sebab kita tahu dalam perbahasan-perbahasan Yang Berhormat sebelum ini pun terlalu banyak dibangkitkan. Isu pembalakan haram ini seolah-olah tidak dapat diselesaikan kerana kakitangan dan jumlah penguat kuasa ini terlalu terhad untuk mengawal selia alam sekitar yang ada di dalam negara kita. Minta pencerahan daripada kementerian.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Masalah pengawalseliaan alam sekitar. Ini sememangnya kerap dibuat. Akan tetapi apabila kerakusan manusia ini disebabkan mahukan duit lebih banyak lagi pelbagai aktiviti yang haram dibuat. Jadi aktiviti yang haram dibuat inilah kadangkala susah kita hendak mengawal. Mereka buat apabila pegawai tidak ada di lapangan. Mereka memang tahu bila hendak buat.

Walaupun ia demikian, sekarang kerajaan sedang mengguna teknologi yang baru seperti *drone* ataupun *unmanned aerial vehicle* di mana *hyper spectral camera* diletak di UAV itu. Sekarang yang terbaru lagi teknologi LIDAR. Yang ini lebih baik lagi daripada *drone* sebab ia kalaulah imej ataupun gambar sudah pun ditangkap oleh teknologi LIDAR ini, maka walaupun ada *layer* lain, lapisan lain, lapisan hutan tetapi lapisan hutan ini boleh dipindah seketika supaya kita boleh melihat apa yang berlaku sebenarnya di bawah itu. Kita boleh melihat gambar manusia terbang pokok dan sebagainya. Jadi kerajaan menggunakan teknologi-teknologi seperti ini untuk membantu kawal selia alam sekitar, kerosakan alam sekitar...

Dato' Lim Nget Yoon: [Bangun]

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Di mana-mana pun, ini adalah apa yang kita boleh buat setakat ini selain daripada kekurangan kakitangan untuk menyelia semuanya ini untuk menguatkuasakan semua kerja yang tidak betul aktiviti-aktiviti haram dan sebagainya, Yang Berhormat. Terima kasih atas...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh, boleh celah? Boleh celah?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Ya, okey.

Dato' Lim Nget Yoon: Dalam ucapan jawapan Yang Berhormat Menteri katalah kawasan yang di semua orang cerobohi hutan simpan, itu sukar hendak *trace*. Akan tetapi, ada dalam jawapan Yang

Berhormat Menteri pun kata kita ada *device* yang paling berkesan. Jadi boleh dikenal pasti di mana kawasan yang dicerobohi.

Jadi dalam isu penguat kuasa, cukup kah untuk mengambil tindakan. Itu pun bukan masalah. Apa yang saya hendak tanya ialah adakah penguat kuasa kita ini terlibat dalam soal rasuah, *instead of* mengambil tindakan, mereka melindungi penceroboh itu supaya dapat duit lah. Itu salah satu ketamakan manusia yang saya maksud dalam perbahasan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya rasa Yang Berhormat menjawab secara ringkas, fokuskan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan semasa perbahasan ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yalah, memang saya buat macam itu, tetapi pertanyaan tambahan perlu juga dijawab kadangkala.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu lah, buat secara ringkas Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Secara ringkas lah. Yang Berhormat Senator kata itu tadi, ada pegawai yang melindungi ini mereka yang membuat aktiviti haram. Kalaulah, kita dan kementerian tahu bahawa ada pegawai seperti ini, memang tindakan diambil ke atas pegawai-pegawai tersebut.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat menyentuh tentang Laporan Punca Banjir ini bilakah ia akan dikeluarkan? Laporan ini sememangnya sudah sedia ada tetapi belum dikeluarkan lagi. Laporan banjir pada tahun lepas ia sudah dibincangkan oleh Jemaah Menteri. Akan tetapi oleh sebab kerajaan perlu mengambil langkah-langkah untuk Rancangan Tebatan Banjir, maka laporan ini belum dikeluarkan lagi sebagai *public document*.

Yang Berhormat juga menyentuh dan minta tindakan ke atas individu yang melanggar undang-undang, tindakan memang diambil ke atas individu yang melanggar apa saja undang-undang dan aktiviti-aktiviti haram jika mereka ditangkap. Memang sama ada mereka didenda mengikut, sama ada aktiviti itu besar ataupun tidak, ataupun dihadapkan ke mahkamah, diheret ke mahkamah.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Saya mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Saya ingin bertanya tentang yang telah diambil tindakan ataupun apa-apa risikan yang telah dibuat. Kalau boleh nyatakan berapakah jumlah syarikat ataupun individu-individu yang telah diambil tindakan ataupun dalam proses? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Individu atau syarikat sememangnya didenda ataupun diheret ke mahkamah untuk aktiviti-aktiviti haram mereka. Memang mereka itu kementerian ataupun jabatan di bawah kementerian mengambil tindakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah menyentuh tentang aktiviti menggondolkan bukit-bukit yang menyebabkan banjir besar. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat.

■1530

Oleh sebab kalau bukit itu sudah pun digondol, maka hari hujan lebat, hujan lebat turun tanah dan juga lumpur, air dan semuanya dibawa ke sungai, jadi banjir berlakulah. Jadi ini yang kita tidak mahu berlaku apabila menggondolkan bukit. Sebabnya kalau ada bukit itu di mana batu-batuan di situ konglomerat ataupun *sandstone* ataupun *loose conglomerate* semuanya, ia akan terhakis dan dibawa turun sampai ke sungai. Jadi inilah permasalahan dan nanti sungai sudah cetek, lain kali hari hujan lebat maka banjir juga berlaku seterusnya. Oleh itu janganlah menggondol bukit dan kementerian sentiasa juga memantau agar ia tidak berlaku, akan tetapi tidak dapat hendak mengambil tindakan sebab tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator menyentuh tentang keperluan langkah menyeluruh, pertamanya untuk langkah mitigasi; kedua, sistem iaitu sistem amaran; ketiga, kejadian prasarana berkaitan.

Pertamanya, langkah mitigasi. Kementerian sememangnya mengambil langkah mitigasi di dalam apa sahaja projek ataupun pembangunan agar ia tidak menggondolkan bukit ataupun tanah jika ia sesuatu projek yang telah pun diberi kelulusan ataupun telah diberi lesen. Ini dipantau.

Kedua, sistem amaran. Jabatan Pengairan dan Saliran memang ada sistem amaran banjir di banyak di tempat di negara kita. Ini supaya sebelum banjir berlaku semua maklumat dan data ini berada di dalam *website* Jabatan Pengairan dan Saliran, supaya orang-orang awam boleh tahu bilakah banjir ini akan berlaku. Selain daripada itu JPS juga akan mengguna pakai telefon bimbit untuk mengedarkan amaran ini. Ini akan dilaksanakan pada tahun ini supaya orang-orang awam akan cepat mengetahui amaran bilakah banjir berlaku.

Prasarana yang lain yang dibuat oleh JPS ialah di dalam Rancangan Tebatan Banjir. Rancangan Tebatan Banjir memerlukan pembinaan struktur supaya kawasan itu tidak dibanjiri semasa hujan lebat dan sebagainya. Seterusnya Rancangan Tebatan Banjir yang disentuh oleh beberapa Yang Berhormat Senator.

Pertamanya, Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya menyentuh tentang pendudukan Kampung Delima dipindahkan oleh JPS di kawasan yang lain disebabkan Rancangan Tebatan Banjir oleh JPS di kawasan itu telah pun dilaksanakan. Sebenarnya tasik yang dibuat di situ dua buah tasik, projek RTB di situ. Kolam yang di dua buah tasik itu yang dimaksudkan ialah kolam Jinjang yang terdiri daripada tiga lagi kolam iaitu kolam Nanyang, kolam Wahyu dan kolam Delima.

Kolam-kolam ini sebuah kolam untuk menakung air berlebihan dalam projek RTB Kuala Lumpur. Apabila hujan lebat di kawasan tadahan di situ maka air itu ditakung di dalam tiga buah kolam itu dan ia perlahan dikeluarkan melalui sungai supaya ia terus mengalir dan sungai ini membawa air terus ke sungai yang lebih besar dan seterusnya ke laut. Oleh itu, kolam ini adalah berfungsi untuk Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur. Projek *River of Life* juga yang baru siap telah pun yang dilaksanakan tidak terlibat dengan pemindahan penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu.

Kerja-kerja dijalankan oleh JPS juga adalah untuk mendalamkan sungai dan juga terus mendalamkan kolam supaya Kuala Lumpur tidak banjir lagi. Walaupun ia banjir, ia banjir yang tidak begitu teruk.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, beliau menyentuh tentang RTB di Sabah, di beberapa buah kawasan di Sabah. Di kawasan-kawasan tersebut, JPS telah pun menjalankan kajian ataupun penyelidikan untuk membuat pelan tindakan yang berkaitan dengan banjir-banjir di Lembangan Sungai Padas negeri Sabah pada 2011. Kajian ini telah pun siap dan ia berkaitan dengan yang pertama, untuk Rancangan Tebatan Banjir di sungai-sungai di Sabah seperti Lembangan Sungai Padas, di daerah Tenom, daerah Keningau dan daerah Tambunan.

■1540

Lain-lainnya JPS telah membuat perancangan untuk projek kestabilan tebing-tebing sungai di situ supaya tebing sungai tidak terhakis semasa banjir di kawasan-kawasan yang telah saya sebut tadi di daerah Tambunan, daerah Keningau dan daerah Tenom. Untuk tahun ini, JPS akan melaksanakan satu projek di Sungai Pedas iaitu projek kestabilan tebing sungai yang bernilai RM7 juta. Projek-projek yang lain yang saya telah sebut tadi sudah pun dipohon di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Diharapkan jika diluluskan, semua projek rancangan tambatan banjir di Sabah akan terus dilaksanakan. Daripada segi keseluruhan berjumlah RM272 juta projek-projek itu.

Seterusnya, isu yang berkaitan ialah isu *causeway* di Selat Johor dan Singapura. Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid telah membangkitkan tentang pencemaran di *causeway* tentang kesulitan air hendak keluar melalui *causeway* dan sebagainya. *Causeway* ini ditembok Johor telah berusia lebih 80 tahun. Bayangkan usia *causeway* seperti itu. Oleh itu ia memberi kesan kepada aliran air semula jadi. Jadi kalaulah ada kesan aliran air semula jadi sebegini, maka air jadi tercemar di situ. Apabila air tercemar maka bau dia juga bukannya bau wangi tetapi bau macam-macam sahaja.

Jadi kesan-kesan yang lain di situ disebabkan pembangunan di kawasan-kawasan di situ dan pembangunan ini menyebabkan kecetekan juga. Maka apabila kecetekan berlaku bukan sahaja air semula jadi tidak dapat mengalir tetapi pasir juga akan timbul dan kecetekan ini berterusan. Oleh itu, permasalahan di *causeway* memang banyak dan ia menyebabkan akuatik ekosistem ataupun ekosistem air rosak. Jika ekosistem air rosak, maka yang tumbuh di situ adalah *green algae* jika air itu terlalu tercemar. Ini memberi juga pertumbuhan atau pembiakan bakteria *coliform bacteria* lebih-lebih lagi di tebing-tebing sungai ataupun di tebing-tebing selat di situ.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud menyentuh tentang pendidikan awal di sekolah-sekolah yang berkaitan dengan alam sekitar dan juga peranan Jabatan Hutan di Parlimen ini. Di sekolah-sekolah sudah lama dulu sampai sekarang sememangnya pendidikan awal dengan penglibatan murid-murid sekolah di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah di dalam Program Khemah Alam Sekitar, dalam program Kelab Rakan Alam Sekitar dan di dalam Program Rakan Alam Sekitar. Ini sudah pun dilaksanakan. Saya melihat ini adalah berkesan untuk murid-murid sekolah dan saya amat terharu apabila melihat mereka dari awal sudah mengenali apakah yang sebaik-baiknya

untuk alam sekitar agar kualitinya terjamin supaya kita generasi sekarang dan generasi yang akan datang akan terus tahu apa yang perlu dibuat agar kualiti alam sekitar dijaga seterusnya.

Kedua daripada Yang Berhormat Senator dalam berkaitan dengan peranan Jabatan Alam Sekitar untuk mengenal pasti spesies pokok di kawasan Parlimen ini. Sememangnya Jabatan Alam Sekitar membuat tugas seperti ini di mana-mana pun apabila mereka diundang, apabila mereka dijemput di dalam kawasan Parlimen ini spesies-spesies pokok seharusnya dikenal pasti ataupun *identify*. Nama itu dicantum sama ada di batang pokok ataupun ada nama yang tertentu supaya kita sebagai Ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara boleh tahu apakah pokok-pokok itu. Ini kerana apa yang penting perlu kita tahu peranan pokok untuk kita manusia zaman sekarang dalam era kepanasan global.

Sebab pokok menyerap gas karbon dioksida daripada udara dan menghasilkan tiga buah produk. Produk pertama ialah oksigen; kedua, wap air; dan ketiga, karbohidrat ataupun gula. Oksigen dan wap air dikeluarkan jadi oksigen untuk kita bernafaslah. Ketiga, gula itu ataupun karbohidrat dibawa masuk di dalam batang pokok dan seterusnya di batang pokok baru dijanakan dibuat maka pokok itu membesar setiap bulan membesar. Semakin banyak sel, semakin cepat membesar. Seterusnya...

■1550

Timbalan Yang di-Pertua: Agak masih banyak lagikah Yang Berhormat Menteri?

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya tengok.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang hendak dijawab itu.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Satu, dua- ada tiga lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah teruskan. Buat secara ringkas Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Saya teruskan ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, sahabat saya ini dari Labuan. Saya mohon maaf kerana lama tidak datang ke Labuan. Untuk menjawab soalan dia tentang tanah di Labuan, ini adalah di bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian Labuan. Pejabat ini adalah diurus tadbir oleh Jabatan Perdana Menteri mulai daripada 1 Julai 2013.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim. Yang Berhormat Puan Norliza menyentuh tentang pemantauan penerokaan tanah di negeri-negeri, khususnya di Pulau Pinang. Pemantauan kajian tanah memang dibuat di seluruh negeri di negara ini. Apa yang perlu kita tahu lagi ialah tanah dan hutan adalah di bidang kuasa pihak berkuasa negeri. Oleh itu, pemantauan ini dibuat oleh pihak berkuasa negeri dan jika pihak berkuasa negeri perlu bantuan daripada kementerian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terus juga membantu pihak berkuasa negeri untuk membuat pemantauan rapi di negeri-negeri itu.

Kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator itu ialah pembangunan di kawasan 250 kaki tinggi dasar laut di mana sahaja, sama ada yang dibenarkan ataupun tidak dibenarkan. Ini juga bergantung kepada kerajaan negeri. Jika kerajaan negeri membenarkan, maka pembangunan itu dilakukanlah. Akan tetapi perlu saya perjelaskan di sini, yang tanah 250 kaki tinggi dasar laut ialah kawasan berbukit juga. Ini kawasan bukit. Oleh itu, pembangunan di lereng bukit sememangnya sudah ada di lereng bukit ataupun di atas bukit sekali, sudah ada garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Garis panduan ini seharusnya dipatuhi oleh kerajaan negeri dan juga dipatuhi oleh pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri tersebut.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah, sahabat saya ini, pagi tadi saya pun sudah bagi jawapan kepada dia. Dia menyentuh tentang Tasik Bera yang sudah pun dijadikan Tapak Ramsar. Ramsar satu konvensyen antarabangsa dan Tasik Bera Tapak Ramsar yang pertama diwartakan di Malaysia. Maka apabila ia sudah diwartakan sebagai tapak Ramsar, aktiviti-aktiviti Orang Asli seperti di Tasik Bera bukannya tidak boleh tetapi bukan aktiviti yang menebang pokok, aktiviti perladangan dan aktiviti-aktiviti memperluaskan kawasan. Itu memang tidak boleh. Walaupun demikian, Tapak Ramsar ini telah pun diwartakan sebagai hutan simpanan kekal pada 30 Ogos 2007. Apabila ia sudah diwartakan sebagai kawasan hutan simpanan kekal yang terlindung ataupun berlindung, maka banyak aktiviti yang memberi manfaat kepada Orang Asli di situ. Untuk pengetahuan, keluasan Tasik Bera ini ialah 31,255 hektar semuanya. Apabila ia sudah menjadi kawasan hutan simpan kekal dan sebagai hutan simpan pemeliharaan, maka sumber-sumber biodiversiti di sana ataupun sumber-sumber kepelbagaian biologi sememangnya ada manfaat kepada orang-orang Asli di sana.

Pertamanya perikanan. Kenapakah pemeliharaan ikan di situ? Orang Asli boleh menangkap ikan di dalam Tasik Bera. Kedua, produk-produk hutan yang diperlukan selain daripada kayu balak itu. Masyarakat orang Asli di situ boleh mengambilnya dari hutan. Ketiga, produk-produk untuk ekopelancongan dan rekreasi. Oleh sebab yang saya tahu, Tasik Bera sudah menjadi sebuah destinasi ekopelancongan. Oleh itu, masyarakat Orang Asli di situ boleh melibatkan diri mereka sebagai pemandu-pemandu pelancong di situ. Jadi mendapat juga wang ataupun duit. Seterusnya yang keenam, produk-produk tumbuh-tumbuhan di situ juga boleh diguna pakai untuk produk-produk ubatan herba. Maka, produk-produk ubatan herba ini adalah berasaskan kepada ilmu pengetahuan tradisi kaum Semelai. Kaum Semelaikah Orang Asli di situ? Kaum Semelaikah sahabat saya? Untuk kaum Semelai di situ, maka produk-produk herba itu...

■1600

Maka produk-produk itu herba itu, jika ada pengusaha untuk membuat produk herba, mereka mesti bayar kepada ilmu pengetahuan tradisi ini. Ini juga telah pun termaktub di dalam *Convention on Biological Diversity* (CBD) di mana dahulu saya telah terlibat dalam perbincangan selama itu. Orang-orang Semelai juga akan terus digalakkan untuk membuat kraf tangan dan dijual kepada pelancong jika mereka melawat di situ. Oleh itu manfaatnya sememangnya banyak.

Untuk mengakhiri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat Senator kerana menyentuh banyak perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya mengharapkan saranan dan cabaran yang akan diambil oleh kementerian ini yang akan dilakukan akan menjadi satu kenyataan supaya rakyat akan lebih maju lagi dan tidak terkena dengan kesulitan dan kesusahan seperti banjir besar dan juga seperti kerosakan alam sekitar. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Terima kasih.

4.02 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim; dan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin yang telah pun membangkitkan beberapa perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini sepanjang perbahasan Titah Diraja Dewan Negara pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah pun mengusulkan supaya pihak kementerian menggabungkan perayaan Vaisakhi dengan Pesta Air Songkran sebagai satu perayaan untuk disambut dan dinikmati oleh semua rakyat Malaysia yang ada memandangkan tarikh sambutan kedua-dua perayaan ini rapat antara satu sama lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan prinsip kedua, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Tuan Yang di-Pertua iaitu unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar diterima sebagai kebudayaan kebangsaan. Kerajaan amat mengalu-alukan dan sentiasa menyokong semua jenis perayaan-perayaan yang terdiri daripada perayaan-perayaan suku kaum etnik termasuklah perayaan Vaisakhi dan juga Pesta Air Songkran bagi memeriahkan kemajmukan masyarakat Malaysia yang ada.

Perayaan Songkran ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya boleh jelaskan sedikit, iaitu ia adat menyimbah air untuk memberi hormat kepada orang lain dengan menangkap air bertuah yang tersebut. Ia juga dijadikan masa untuk menziarahi- terbang pula kertas aku ini. Siapa lalu ini [*Ketawa*] Laju macam *superman* jalan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: [*Ketawa*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique Mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah sepi dekat tepi ini pun boleh terbang sampulnya.

Ia juga dijadikan masa untuk menziarahi, membalas budi orang-orang tua dan juga sanak saudara. Itu ialah Perayaan Songkran Tuan Yang di-Pertua. Perayaan Vaisakhi pula merupakan salah satu perayaan utama dalam kalendar Sikh untuk menyambut hari lahir bagi undang-undang 'Vaisakh' iaitu suci. Ternyata Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua perayaan ini ia mempunyai keunikan yang tersendiri bagi dua kaum yang berkenaan.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga baru-baru ini, untuk makluman kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, mungkin ada di luar agaknya. Kementerian baru-baru ini menyokong Dewan Perniagaan dan Perindustrian Punjabi Malaysia dalam menganjurkan acara Malaysia Vaisakhi Festival 2015, Tuan Yang di-Pertua, ataupun dinamakan *My Vaisakhi Festival 2015*. Manakala pada 10 hari bulan hingga 12 April 2015 di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Kuala Lumpur sempena dengan perayaan Vaisakhi kaum Sikh.

Kementerian juga Tuan Yang di-Pertua, menyokong Persatuan Wanita Siam Perlis yang telah pun menganjurkan pesta Air Songkran pada 11 April 2015 di Jejawi, Perlis yang telah pun mendapat sambutan yang luar biasa daripada masyarakat tempatan. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Tuan Yang di-Pertua, tiada halangan sekiranya persatuan-persatuan yang mewakili masyarakat Sikh dan Siam ini bercita-cita hendak menggabungkan perayaan Vaisakhi dengan Pesta Air Songkran bagi memeriahkan lagi sambutan kedua-dua perayaan yang disatukan ini.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh supaya dapat berbincanglah dengan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som yang mewakili kepentingan masyarakat Siam yang ada. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh mewakili kepentingan masyarakat Punjabi, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som mewakili masyarakat Siam. Bincang dua-dua Tuan Yang di-Pertua dan kalau dua-dua dapat mencapai kesepakatan yang harmoni kemudian cadangkanlah semula kepada kementerian. Kementerian tidak ada apa-apa halangan sekiranya dua kumpulan etnik ini bersetuju. Akan tetapi sebaik-baiknya dipamerkan keunikan bagi kaum dan etnik yang berkenaan dengan masing-masing menyambut hari-hari besar masing-masing. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som hendak tanya saya apa-apa?

Dato' Boon Som A/L Inong: Saya hendak mencelah.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sila.

Dato' Boon Som A/L Inong: Sebenarnya Hari Songkran Hari Tahun Baru masyarakat Siam. Jadi sambutan secara besar-besaran pada 13 April setiap tahun dan Vaisakhi pula pada 14 April. Jadi tidak sama. Akan tetapi hal gabungan ini memang saya telah buat perjumpaan dengan masyarakat Siam bahawa kekayaan ini ada identiti masing-masing. Jadi bab lain bolehlah gabung tetapi bab perayaan ini memang masyarakat Siam tidak setuju. Oleh sebab kalau Hari Songkran dia ada identitinya sendiri. Hari Vaisakhi ada identitinya sendiri. Jadi saya mintalah kementerian supaya- kalau bab kahwin mungkin bolehlah tetapi bab lain, bab perayaan ini ia ada identiti perayaan masing-masing dan mempunyai keistimewaan masing-masing. Jadi biarlah kita asingkan. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som. Saya sudah sebut tadi Yang Berhormat, kementerian tidak ada halangan. Malah kementerian mencadangkan supaya ia dikekalkanlah tradisi adat yang ada kepada kaum Siam melalui Pesta Songkran dan kepada Kaum Sikh melalui Pesta Vaisakhi ini. Kalau kahwin campur itu saya setuju. Maknanya kalau hendak digalakkan bermulalah dengan kahwin campur. Sikh dan Siam, cantik itu hasilnya.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som. Saya sudah menjawab kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Saya beralih kepada perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua. Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed yang bertanyakan kepada pihak kementerian, bagaimana agaknya kementerian mengurus, memberikan keutamaan dan juga peruntukan kewangan ke Perpustakaan Desa yang berjumlah sebanyak 1,122 buah yang ada di luar bandar.

Saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, untuk makluman Yang Berhormat, Perpustakaan Desa yang sehingga kini berjumlah 1,122 buah di seluruh negara ditadbir urus secara bersama antara pihak Kerajaan Pusat Tuan Yang di-Pertua bersama-sama dengan kerajaan negeri. Sebanyak 507 buah Perpustakaan Desa terletak di bawah pentadbiran Perpustakaan Negara Malaysia dan manakala selebihnya sebanyak 615 buah Perpustakaan Desa terletak di bawah pentadbiran Perpustakaan Awam Negeri. Sejak tahun 2006 sehingga 2015, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan sebanyak RM280 juta Yang Berhormat bagi pengurusan Perpustakaan Desa di bawah pentadbiran kementerian.

Bagi tahun 2014, kerajaan telah pun memperuntukkan Tuan Yang di-Pertua sebanyak RM46 juta yang mana RM7.3 juta iaitu 15.6% disalurkan melalui kerajaan negeri. Manakala bagi tahun 2015 sebanyak RM44 juta telah pun diperuntukkan dan RM6.8 juta iaitu 15.8% disalurkan kepada kerajaan negeri. Jadi secara purata Yang Berhormat, kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM40 ribu sehingga RM50 ribu. Itu tidak termasuk gaji dan bahan-bahan bacaan yang perlu diletakkan di perpustakaan bagi pengurusan sesebuah Perpustakaan Desa untuk setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, saya hendak maklumkan yang berkaitan dengan negeri Kelantan, di negeri Kelantan terdapat 37 buah perpustakaan desa iaitu 34 buah perpustakaan ini terletak di bawah Kerajaan Persekutuan dan tiga buah lagi kerajaan negeri.

■1610

Pada tahun 2014, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian telah pun menyalurkan sebanyak RM405,436.60 dan bagi tahun ini sebanyak RM335,240 diperuntukkan untuk pengurusan perpustakaan desa di negeri Kelantan. Sejak tahun 1992 hingga kini Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan juga telah pun menyalurkan peruntukan belanja mengurus sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada perpustakaan awam negeri sebanyak RM638 juta bagi tujuan pengurusan perpustakaan awam negara termasuklah perpustakaan-perpustakaan desa yang berada di bawah kawal selia negeri-negeri.

Bagi tahun 2014, sebanyak RM63 juta dan pada tahun 2015 sebanyak RM70 juta telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui kementerian untuk disalurkan kepada negeri-negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2015 Kerajaan Persekutuan telah pun merancang untuk membina 10 buah lagi perpustakaan desa sebenarnya melalui Perpustakaan Negara Malaysia. Walau bagaimanapun hanya lima buah perpustakaan sahaja yang dapat kita laksanakan kerana lima buah lagi disebabkan masalah tanah. Jadi, saya hendak menyarankan kepada kerajaan negeri, hendak perpustakaan, hendak segala kemudahan daripada Kerajaan Pusat tidak ada masalah kerana Kerajaan Pusat memberikan pembelaan yang sama kepada semua...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Nanti sekejap Yang Berhormat. Akan tetapi bila kita hendak memberikan kemudahan tanah itu urusan kerajaan negeri. Jadi, saya mengharapkan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya bersiap sedia, jangan minta sahaja tetapi apabila sampai kepada urusan tanah, bagi tanah yang tidak memadai. Bagi tanah yang lokasinya tidak sihat untuk kita gunakan bagi masyarakat iaitu rakyat yang ada. Jemput Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya dapat maklum balas ialah apakah usaha *rebranding* oleh pihak kerajaan kerana apa yang saya dimaklumkan, peringkat awal penubuhan perpustakaan desa ini ia begitu menarik minat anak-anak kita di luar bandar. Akan tetapi akhir-akhir ini ia nampak agak tidak bermaya, mungkin perlu kepada suatu usaha *rebranding* supaya perpustakaan desa ini dapat menarik balik minat anak-anak kita.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya belum sampai ke situ Yang Berhormat. Sekejap lagi saya masuk situ. Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, ini masuk kepada persoalan yang baru sahaja Yang Berhormat bangkitkan dan telah pun dibangkitkan dalam perbahasan. Yang Berhormat turut mengusulkan supaya kerajaan memberikan nafas baru, *rebranding* lah itu, *rejuvenating* atau nafas baru, dengan izin. Penjenamaan semula serta menaiktarafkan perpustakaan supaya memastikan ia dapat menarik minat orang ramai terutamanya masyarakat di luar bandar.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi meningkatkan lagi kualiti. Sama ada kita hendak sebut *rebranding*, *rejuvenating* atau *reengineering* dalam konteks yang sama untuk kita meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan perpustakaan di seluruh negara dan kementerian melalui Perpustakaan Negara sememangnya berusaha untuk mewujudkan suasana riadah pembelajaran. Bermakna bukan belajar dalam konteks belajar semata-mata tetapi dipanggil riadah pembelajaran dan juga bagi menarik golongan kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas supaya suka dan seronok datang ke perpustakaan yang kita sediakan. Suka dan tidak sabar hendak menunggu hari siang hendak pergi ke perpustakaan.

Usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian ini Yang Berhormat, pertama untuk kita menaiktarafkan perkhidmatan perpustakaan sedia ada kepada perpustakaan digital bukan lagi bersifat perpustakaan lama, yang ada dekat dalam buku sahaja, kadang ia tidak menarik minat kerana kita

perlu maklumat di hujung jari. Jadi maka kerana itu kementerian bercadang bermula pada tahun ini dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menaiktarafkan perkhidmatan perpustakaan sedia ada kepada perpustakaan digital yang sudah tentu akan dapat dan berupaya menarik minat ramai anak-anak muda dan juga kanak-kanak sekolah supaya minat datang ke perpustakaan selain daripada orang dewasa.

Kedua, menjenamakan semula perkhidmatan perpustakaan sebagai pusat ilmu komuniti, bukan lagi perpustakaan kerana ada di antara masyarakat kita yang tidak beberapa minat dengan perkataan perpustakaan. Apabila dengar perkataan perpustakaan maknanya tidak ada sesuatu yang memberangsangkan. Jadi oleh sebab itu, kita akan tukar bukan lagi jadi *digital library*, dengan izin, tetapi untuk kita menjenamakan semula, mungkin sebagai pusat ilmu komuniti untuk memberikan tumpuan kepada kepelbagaian aktiviti keilmuan dan juga aktiviti kemasyarakatan yang boleh disatukan dalam konsep riadah pembelajaran tadi.

Ketiga, merekayasa perpustakaan melibatkan anggota komuniti. *Empowering*, dengan izin, kerana kerajaan membina, kerajaan memberikan segala-gala kelengkapan jadi tidak sepatutnya tanggungjawab untuk memeriahkan suasana rakyat hadir ke perpustakaan, suka berada di perpustakaan diserahkan semata-mata kepada pihak kerajaan sahaja. Jadi, maka kerana itu kita mengharapkan apabila perpustakaan itu telah dibina di situ termasuklah kepada Yang Berhormat, boleh bersama-sama dengan komuniti memikirkan apa lagi agaknya cadangan-cadangan baru, idea baru yang lebih bernas yang dapat dicadangkan kepada kementerian. Ini kerana kementerian sentiasa terbuka kepada cadangan-cadangan baru yang boleh dilakukan untuk kita merangsang penglibatan rakyat kita yang ada terutamanya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim yang telah pun mengusulkan kepada kementerian supaya meningkatkan pembangunan pelancongan di negeri Perak terutamanya di sekitar kawasan Lebuh raya Utara-Selatan yang menghubungkan jalan di antara negeri Pulau Pinang dan negeri Selangor bagi membolehkan pelancong transit atau singgah sebentar, makan, solat dan sebagainya tanpa bermalam dalam perjalanan mereka menuju antara dua buah negeri yang tersebut.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah pun memperuntukkan peruntukan sebanyak RM3.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi melaksanakan sebanyak 44 buah projek pembangunan pelancongan di negeri Perak. Antara projek yang telah pun dilaksanakan Tuan Yang di-Pertua projek peningkatan kemudahan pelancongan di *Kellie's Castle*, projek pembangunan *the Sayong Riverfront*, projek naik taraf landskap di Dataran Stesen Keretapi Ipoh, projek ekopelancongan di Hutan Lipur Kuala Woh, Tapah dan sebagainya.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat juga, peningkatan diadakan dan dilaksanakan secara berterusan di kawasan R&R, di sepanjang Lebuh raya PLUS dan itu adalah di bawah tanggungjawab bidang kuasa PLUS untuk menaiktarafkan, tambah baik lagi kemudahan-kemudahan awam yang ada di

R&R sepanjang Lebuhraya PLUS. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut membantu kerajaan negeri dalam menaiktarafkan kawasan R&R di jalan-jalan kerajaan negeri yang diselenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan seperti naik taraf sistem tempat letak kereta di kawasan Rehat dan Rawat Batu 5, Teluk Intan, Perak yang bernilai RM200,000 yang telah pun dilaksanakan dalam RMKe-10.

Kementerian juga turut bekerjasama dengan pihak PLUS dan kerajaan negeri untuk pemasangan papan-papan tanda seperti projek pemasangan papan tanda *terracotta signboard*, dengan izin. Di sepanjang Lebuhraya PLUS negeri Perak Darul Ridzuan yang bernilai RM750,000 untuk ke destinasi-destinasi pelancongan seperti ke Pulau Pangkor, Gua Tempurung, *Kellie's Castle* dan juga lain-lain destinasi pelancongan yang ada.

■1620

Pelaksanaan projek-projek ini sudah tentu akan dapat membantu meningkatkan lagi kehadiran kedatangan pelancong sama ada domestik ataupun dari luar negara ke negeri Perak yang akan memberikan keselesaan kepada pelancong yang akan berkunjung ke negeri Perak.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin menyusulkan kepada pihak kementerian untuk memperuntukkan satu atau dua hari khusus untuk promosi pelancongan tempatan seperti *domestic fair* yang pernah diadakan di Bukit Jalil dahulu. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kementerian sememangnya memberikan penekanan kepada semua jenis promosi pelancongan tempatan ataupun *domestic tourism* dan ini dapat dibuktikan melalui hasil daripada kajian pelancongan domestik yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan jumlah pelancong domestik terus meningkat, Tuan Yang di-Pertua. Terus meningkat kepada 10.2% iaitu 54.4 juta orang pelancong pada tahun 2013 berbanding dengan 49.4 juta orang pelancong pada tahun 2012.

Jumlah perbelanjaan pelancong domestik juga telah meningkat Tuan Yang di-Pertua kepada RM35.6 bilion pada tahun 2013 daripada RM31.1 bilion pada tahun 2012. Ini merupakan peningkatan perbelanjaan sebanyak 14.5%. Pada tahun 2013 Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menerima sejumlah 25.7 juta orang pelancong asing dengan pendapatan sebanyak RM65.4 bilion. Maknanya, sambutan daripada pelancong tempatan itu yang menambahkan lagi sumber, bukan sahaja kepada kerajaan tetapi kepada semua, bukan sahaja kepada negeri Perak termasuklah pengusaha-pengusaha dan usahawan-usahawan kecil yang ada di mana-mana sahaja.

Kementerian melalui agensinya iaitu *Tourism Malaysia*, juga merancang pelbagai program aktiviti untuk merangsang lagi pertumbuhan sektor pelancong domestik. Ini termasuklah terus menyertai dalam 45 pameran pelancongan yang diadakan di seluruh negara termasuk anjuran yang dianjurkan oleh pemain industri serta sektor swasta, badan bukan kerajaan dan juga pihak kementerian. Antara program dan aktiviti yang dianjurkan Tuan Yang di-Pertua, pertama, menganjurkan program *Corporate Travel Bazaar* untuk sektor MITI *Incentives, Conventions and Exhibitions*, dengan izin.

Kedua, menyertai pameran *MATTA Fair* yang merupakan pameran pelancongan terbesar di Malaysia yang berjaya mencatatkan jumlah jualan pakej pelancongan tempatan yang tinggi. Pada

pameran *MATTA Fair Mac 2015* di Kuala Lumpur Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 17,043 buah pakej berjaya dijual dengan pendapatan sebanyak RM4.4 juta ringgit. Manakala *MATTA Fair* di Johor Bahru pada bulan April 2015 yang baru lepas ini, sebanyak 2,872 buah pakej berjaya dijual dengan pendapatan sebanyak RM732,000. Kerajaan negeri juga akan turun bersama dengan pihak kementerian, Tuan Yang di-Pertua.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah penerbitan risalah, '*Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages*', dengan izin, yang telah dilancarkan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia tahun lepas 2014 yang memberikan tawaran kepada banyak pakej pelancongan domestik yang menarik kepada pelancong-pelancong tempatan. Risalah ini juga Tuan Yang di-Pertua, yang telah dilancarkan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 ini telah pun memberikan banyak tawaran pelancongan domestik kepada pengguna. Risalah ini diterbitkan dengan kerjasama 297 orang pengusaha pelancongan di seluruh negara yang menawarkan pakej percutian seperti *homestay*, ekopelancongan, pakej bulan madu, pakej berbasikal dan pelbagai jenis pakej yang ada.

Penyertaan penganjuran program ini, ia akan menyediakan platform, bukan sahaja kepada pelancong untuk datang menikmati produk-produk pelancongan baru tetapi juga akan memberikan platform menambahkan sumber pendapatan, membuka ruang dan peluang kepada pengusaha-pengusaha industri pelancongan seperti *homestay*, selain daripada hotel dan pusat pelancongan taman-taman tema dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja isu-isu yang telah pun menyentuh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Jemput Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Saya cuma ingin mengetengahkan soalan saya yang belum Yang Berhormat Menteri sentuh.

Pertamanya, tentang kaedah permohonan visa untuk menggantikan kekurangan setelah tragedi MH370 dan MH17, kesan kepada pelancong negara kita iaitu memudahkan permohonan visa melalui *internet apply*. Itu satu cadangan. Ini digesa sangat oleh pengendali pelancong untuk menarik ramai pelancong untuk masuk ke negara kita. Contoh yang dikatakan seperti di negara China yang mana negara China terlalu luas untuk pergi ke pusat-pusat pendaftaran. Kalau itu mengesyorkan supaya kita buka untuk *internet apply* kepada permohonan-permohonan visa ke Malaysia.

Keduanya juga kalau itu boleh dicadangkan sama ada kita memudahkan cara permohonan visa ataupun dihapuskan sahaja terus visa ke negara kita untuk mudah menarik pelancong ramai ke negara kita.

Ketiganya, melebar luaskan penyaluran pemancar melalui telekomunikasi ke destinasi pelancongan memandangkan banyak tempat pelancongan tidak ada kemudahan laluan komunikasi seperti di Pulau Lang Tengah, Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat, urusan yang berkaitan dengan visa ini, ia bukan urusan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Ia ialah urusan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) terutama di bawah Jabatan Imigresen. Selain daripada itu, saya fikir mungkin pihak kerajaan sedang meneliti tentang cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Kedua ialah melebar luaskan laluan internet komunikasi. Ini nanti akan dijawab oleh KKM kerana Tuan Yang di-Pertua, ia gabungan kerjasama bijak. Akan tetapi dalam gabungan kerjasama bijak antara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dengan kementerian-kementerian lain, ada tugas dan tanggungjawab itu di bawah kuasanya perlu dijawab oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya ingat nanti masa perbahasan KDN dan KKM ini Yang Berhormat boleh bangkitkan lagi dua perkara yang disebutkan itu tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian. Silakan.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk bertanya iaitu pada ucapan saya yang lalu, saya telah menyatakan mengenai Royal Belum. Adakah pihak kementerian berpuas hati dengan pihak swasta yang diamanahkan untuk mempromosikan Royal Belum ini? Jika berpuas hati, setuju atau tidak kita memerlukan lebih ramai lagi pihak swasta diberi lesen untuk mengendalikan pusat tumpuan pelancong sebegini? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat, Royal Belum. Belum, belum. Okey Yang Berhormat. Saya sudah sebutkan tadi yang pihak kementerian akan bekerjasama dengan semua pihak terutama pihak kerajaan negeri, selain daripada pihak pemain industri yang ada contohnya ejen pelancongan dan sebagainya. Jadi, pakej untuk kita mempromosikan dengan lebih giat lagi produk-produk, antaranya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ia merupakan gandingan secara bersama. Kalau saya hendak *detailkan* Yang Berhormat, hendak berikan penghalusan kepada apa yang telah dilakukan oleh kementerian, mungkin ia tidak dapat mencukupi pada masa yang ada. Saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat tentang keperluan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Cukup itu sahaja yang saya jawab Yang Berhormat.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: *[Mengangguk]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Okey, senyuman itu yang tidak boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ucapkan...

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada...

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Ada lagi? Jemput, sila.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat, Royal Belum tadi ini. Bagaimana Yang Berhormat asingkan? Sama ada produk-produk pelancongan yang kita hantar kepada negara tetapi yang datangnya kerana *medical tourism* ataupun datang kerana sebab-sebab hendak buat muka cantik dan

sebagainya, dan juga *agrotourism*? Adakah ini dimasukkan dalam promosi *tourism* di luar negara? Terima kasih.

■1630

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Okey, ini semua perkara baru kepada saya.

Berkaitan dengan produk-produk kesihatan yang tadi Yang Berhormat, sebut hendak cantikkan muka dan sebagainya, itu mungkin di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Maknanya untuk mendapatkan atau mengambil apa-apa spesies yang ada kepada mana-mana hutan simpan yang di bawah kawalan bukan sahaja Kerajaan Pusat termasuk kerajaan negeri, ia perlukan kebenaran untuk mengeluarkan apa-apa spesies yang ada dalam mana-mana hutan dalam kawasan kita ini Yang Berhormat, untuk apa-apa kajian sama ada yang bersifat kesihatan ataupun tidak. Mereka tidak boleh main masuk, ambil sahaja mana-mana tumbuhan, fauna dan flora yang ada dalam kawasan perhutanan kita untuk dijadikan bahan kajian atau sebagai produk kepada hasil yang akan dihasilkan oleh mereka. Itu yang pertama.

Yang keduanya, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, kita bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri kerana kerajaan negeri pun ada Jabatan Pelancongan di peringkat negeri Tuan Yang di-Pertua dan kementerian ada di peringkat kementerian dan di samping itu, kementerian pun ada pegawainya yang berurusan dengan pihak kementerian iaitu pelancongan di peringkat negara yang juga ditempatkan di negeri. Jadi apa juga cadangan yang dikemukakan ataupun apa-apa penemuan kepada mana-mana produk yang baru untuk dijadikan produk pelancongan, ia bukan sahaja akan diilhamkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia semata-mata tetapi dengan budi bicara perbincangan tentang cadangan-cadangan produk-produk baru yang boleh dipasarkan bukan sahaja kepada pelancong domestik termasuklah kepada pelancong-pelancong di luar negara.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, apabila diadakan *MATTA Fair* dan sebagainya, produk-produk yang ada di negeri-negeri itu dipamerkan dalam *MATTA Fair*. Saya sebut tadi tentang tahap penjualan yang semakin meningkat dan sebagainya. Kita tawarkan produk-produk pelancongan di seluruh negeri yang ada di Malaysia ini.

Di samping itu, selain daripada mereka membawa produk yang ada di negeri itu untuk dipasarkan dalam *MATTA Fair*, kerajaan negeri juga akan menjual sendiri produk-produk pelancongan mereka melalui Jabatan Pelancongan yang diwujudkan di peringkat negeri. Jadi ia sama-sama sokong-menyokong, *complement* dan *supplement*, dengan izin, di antara Kerajaan Pusat di bawah peranan dan tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bersama-sama dengan Jabatan Pelancongan yang ada di negeri-negeri.

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak. Kalau Yang Berhormat rasa ada banyak lagi benda Yang Berhormat hendak tanya, tidak apa, lepas ini boleh tanya. Boleh buat surat kepada Yang Berhormat Menteri dan sebagainya, boleh tanya. Apa juga pertanyaan yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sudah tentu kementerian akan

memberi keutamaan. Saya mengucapkan terima kasih di atas segala pandangan, teguran, saranan, dan juga cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan diharapkan agar semua Ahli Yang Berhormat selepas ini balik, kita akan tamat persidangan pada 29 hari bulan, promosikan dan sokong iltizam untuk menjayakan *Malaysia Year of Festival 2015*.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya sudahi ucapan saya dengan terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique. Sungguhpun beliau Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, nampaknya jawapan untuk Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan begitu tepat dan padat. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Nampaknya kita jumpa lagi dua hari lepas ini. Terima kasih untuk kementerian Yang Berhormat sendiri.

Sekarang saya menjemput Kementerian Pertahanan untuk memberi jawapan.

4.34 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh isu-isu berkaitan Kementerian Pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbincangan ini iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid, Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, dan yang terakhir Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon.

Mana-mana jawapan yang menyentuh tentang dasar yang boleh memberikan kompromi kepada pertahanan negara, kita tidak akan jawab di sini tetapi mana-mana cadangan dan juga pandangan yang bernas, kita akan ambil untuk menambah baik organisasi Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul telah pun membangkitkan berkaitan dengan rancangan PLKN bagi tahun hadapan dan mencadangkan supaya golongan belia tidak dapat melanjutkan atau meneruskan pengajian dilibatkan dalam program PLKN ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan penangguhan PLKN pada tahun 2015 seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah-langkah bagi melaksanakan transformasi PLKN supaya ia lebih berdaya saing serta sesuai dengan kehendak generasi masa kini. Sehubungan dengan ini, Makmal Transformasi PLKN telah pun dilaksanakan bermula pada 23 Februari hingga 27 Mac 2015 yang lalu yang telah menilai semua pelaksanaan PLKN serta mendapatkan pandangan bagi penambahbaikan pada masa akan datang.

Selain daripada itu, sebagai kesinambungan makmal yang telah dilaksanakan, pihak Kementerian turut mengadakan Hari Terbuka Transformasi PLKN pada 18 hingga 19 April 2015 bertempat di IOI City Mall, Putrajaya bagi mendapatkan pandangan serta maklum balas daripada orang awam terhadap PLKN. Sebelum ini, maklum balas juga turut diterima daripada 15 orang Ahli-ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang yang telah diadakan pada 26 Mac 2015 dan penglibatan mereka sekurang-kurangnya telah memberikan sedikit kefahaman tentang Pelan Transformasi PLKN dan juga hala tuju yang ingin dilaksanakan. Manakala maklum balas ibu bapa dan alumni juga telah dibuka pada 28 Februari 2015.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bentuk program PLKN yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun-tahun hadapan ialah pihak Kementerian sedang memuktamadkannya dengan berpandukan kepada pandangan-pandangan yang telah diketengahkan dalam Makmal Transformasi PLKN serta melalui program Hari Terbuka Transformasi PLKN yang telah dijalankan. Di samping itu, PLKN juga akan diberi nilai tambah dengan memasukkan elemen-elemen pengetahuan kemahiran tanpa meninggalkan matlamat asal penubuhan PLKN.

Bagi pandangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam agar golongan belia yang tidak dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi turut dilibatkan dalam PLKN akan turut dipertimbangkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul telah membangkitkan usaha Kementerian dalam membantu pekerja-pekerja dan kontraktor PLKN yang terkesan dengan penangguhan PLKN pada tahun ini. Sebagai makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan memang prihatin dan memandang berat akan nasib yang ditanggung oleh para pekerja dan kontraktor pengusaha kem PLKN yang terkesan daripada penangguhan PLKN yang bermula pada Mac 2015 hingga Disember 2015.

Justeru itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan melibatkan pengusaha-pengusaha pihak kem PLKN dan juga Kementerian Pertahanan dan melibatkan juga Kementerian Kewangan. Hasil daripada beberapa perbincangan, pihak kerajaan telah bersetuju membayar bayaran khas sewaan iaitu sebanyak RM70,000 sebulan bagi setiap kem dan jumlah ini mengambil kira sewaan bangunan yang berkaitan seperti pejabat pentadbiran, stor, logistik, bilik rawatan, kediaman komandan, kediaman timbalan komandan dan bangunan kediaman jurulatih serta bayaran tanggungan seperti kerja-kerja penyelenggaraan, bayaran utiliti dan penyediaan pengawal keselamatan bagi perkhidmatan yang telah disediakan. Adalah diharapkan dengan pembayaran ini dapat membantu pengusaha kem dan pekerja mereka yang terjejas di sepanjang tempoh penangguhan ini berjalan.

Sebagai makluman Yang Berhormat juga, pengusaha kem PLKN yang terlibat sebanyak 81 buah kem, manakala jumlah pekerja kakitangan latihan khidmat negara yang terlibat adalah seramai 5,235 orang. Mereka terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari pelbagai gred dan skim perkhidmatan.

■1640

Yang Berhormat sahabat Saya Dato' Adam bin Abdul Hamid telah meminta Kementerian Pertahanan untuk menyatakan tindakan penambahbaikan yang diambil khususnya bagi pembelian alat-

alat ganti yang dikatakan terlampau tinggi khususnya bagi Tentera Laut Diraja Malaysia dan beliau meminta supaya siasatan terperinci dijalankan dan tindakan tegas diambil.

Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya kerajaan tidak memandang ringan terhadap kes-kes sebegini. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa siasatan telah pun berjalan terhadap mereka yang telah dikenal pasti dan kita masih lagi menunggu hasil siasatan tersebut dan belum ada lagi tindakan-tindakan pendakwaan yang dibuat oleh *Attorney General* dan Kementerian Pertahanan akan memberikan kerjasama sepenuhnya sekiranya terdapat kes-kes yang dianggap sebagai tidak mematuhi peraturan dan juga tatacara kewangan di dalam perolehan-perolehan yang telah dilaksanakan di bawah Tentera Laut Diraja Malaysia.

Yang Berhormat juga, bagi isu yang dibangkitkan sememangnya Kementerian Pertahanan ingin memastikan bahawa setiap perolehan oleh kerajaan adalah mendapat pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan ataupun *value for money* dan bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, memang kementerian mengambil langkah-langkah preventif bagi mengelakkan salah laku ataupun salah guna kuasa dan ketirisan wang kerajaan. Antara langkah-langkah preventif yang dilakukan adalah:

- (i) seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk mengujudkan Jawatankuasa Integriti dan Keutuhan bagi setiap kementerian dan tidak terkecuali Kementerian Pertahanan yang berperanan sebagai platform pelaporan dan pengendalian sebarang isu berkaitan integriti dalam pengurusan perolehan aset dan juga alat-alat ganti dan juga kontrak-kontrak yang dikendalikan di bawah Angkatan Tentera Malaysia dan juga Kementerian Pertahanan;
- (ii) bagi memaksimumkan fungsi Jabatan Integriti Kementerian Pertahanan ini yang diketuai oleh seorang pegawai kanan SPRM yang bebas dalam melaksanakan tugasnya adalah sebagai badan pemantau sebarang salah laku dan penyelewengan;
- (iii) pada peringkat Tentera Laut khususnya audit tidak terancang telah pun dilaksanakan dengan maklumat yang diterima tanpa sebarang notis dan tidak terikat dengan tempoh yang spesifik;
- (iv) langkah selanjutnya ialah bagi membendung aktiviti penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan setiap warga Tentera Laut dan juga anggota tentera yang lain yang bertugas di bahagian kritikal dan mudah terdedah dengan penyelewengan perkhidmatan mereka dihadkan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun sahaja;
- (v) bagi memperkemas proses perolehan, penambahbaikan telah dibuat dengan membuat penilaian dan perbandingan harga berasaskan kepada sejarah perolehan dan maklumat harga bagi pembuat asal;
- (vi) TLDM juga telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Perolehan bagi meneliti secara terperinci harga tawaran serta

perolehan yang dibuat. Selain daripada itu pihak kementerian dan ATM menggalakkan penyaluran maklumat melalui kaedah *whistle blower* seperti mana yang telah diperuntukkan melalui Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan yang penting sekali ialah semua perolehan haruslah mematuhi tatacara kewangan dan arahan perbendaharaan yang telah ditetapkan.

Dua Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berkaitan dengan satu isu yang penting iaitu langkah-langkah yang diambil kementerian bagi membendung ancaman gerakan IS di kalangan warga ATM.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang tidak dapat dinafikan, seperti mana yang telah dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia, terdapat segelintir anasir dan diayah yang cuba memesongkan anggota kita dan mereka ini terutamanya mereka dan ini akibat daripada dunia globalisasi hari ini di mana saluran media merupakan saluran yang tidak terbatas. Namun, tahap *sustainability* mereka terhadap perkara ini adalah berbeza-beza dan bukanlah terlalu membimbangkan kerana tumpuan untuk menangannya telah pun dilakukan dengan begitu intensif daripada pihak kementerian dan juga pihak Angkatan Tentera sendiri.

Bagi membendung pengaruh ini, beberapa langkah pencegahan telah dilaksanakan termasuk *Task Force* Perisai Wira pada 6 November 2014 bagi melaksanakan penyiasatan terperinci dan meneliti semua perkara berkaitan penglibatan PEKA dan ini disusuli dengan *road show* bagi meningkatkan kesedaran di kalangan warga ATM terhadap ancaman ekstremisme sama ada di perkhidmatan darat, laut dan udara.

Pemantauan menyeluruh dari sudut siber untuk mengenal pasti sebarang petunjuk melibatkan anggota yang berpotensi dalam menyampaikan mesej berbaur radikal dan ekstrem juga sentiasa dilaksanakan. Pada masa yang sama adalah amat penting untuk mengembalikan jati diri dan ketaatsetiaan kepada perkhidmatan dan meletakkan perspektif yang betul terhadap ajaran Islam yang sebenar. Berikutan ini, satu program pemulihan ke atas anggota ATM yang telah dikenal pasti cenderung dalam memberikan sokongan terhadap gerakan-gerakan ekstrem telah dilaksanakan melalui pendekatan kaunseling yang digunakan.

Usaha cegah rintang (*deterrent*) juga telah diperhebat di mana perkhidmatan darat, laut dan udara sentiasa melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh untuk mengenal pasti sebarang tanda-tanda radikalisme dan ekstremisme agama di pasukan dan unit masing-masing di bawah tanggungjawab mereka. Dalam pada itu, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) sememangnya memainkan peranan dalam menyediakan kaunseling dan menjelaskan ajaran Islam yang sebenar dan menyampaikan kepada perkhidmatan untuk meningkatkan kesedaran mereka dalam isu ini.

Bagi memperkukuhkan usaha mengatasi masalah ini, ATM sentiasa bekerjasama dalam bentuk pertukaran maklumat dengan pihak PDRM dan agensi keselamatan lain dalam dan luar negara. Usaha ini telah berjalan dengan baik dan berjaya meningkatkan keberkesanan langkah-langkah pencegahan dan pengesanan yang telah dilaksanakan dalam konteks bagi memantau pergerakan sesiapa yang ingin

keluar negara mulai sekarang, semua permohonan ataupun pembaharuan pasport antarabangsa daripada kalangan warga ATM perlulah mendapat kelulusan daripada Bahagian Staf Perisikan dan Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia.

Yang Berhormat Profesor Dr...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, laluan boleh?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Saya cuma hendak mendapatkan pencerahan, apakah pihak kementerian sudah mengenal pasti punca-punca sebenar bagaimanakah anggota keselamatan khususnya pihak tentera boleh terjebak ataupun terpengaruh dengan IS ini?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti mana yang telah dijelaskan oleh pihak PDRM, mereka yang terjebak ini bukan sahaja anggota tentera tetapi majoritinya adalah orang awam dan juga mungkin juga ada yang daripada anggota perkhidmatan yang lain. Akan tetapi, yang penting di sini, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa penyebaran maklumat *recruitment* yang telah dilakukan oleh IS menggunakan media sosial ini merupakan sesuatu yang baru yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini dan ia sedikit sebanyak telah memberikan pengaruh kepada golongan-golongan semua pihak.

Oleh sebab itu, ibu bapa haruslah turut bersama memantau bagi pihak semua masyarakat supaya memastikan tidak ada anak-anak muda khususnya yang terdedah dengan ajaran-ajaran yang sesat yang telah disebarkan melalui media sosial. Dalam soal ini sememangnya kita mengambil perkara ini sebagai sesuatu yang harus dan kita tidak mahu sesiapa juga rakyat Malaysia terlibat dengan kegiatan ini kerana ini akan membahayakan bukan sahaja diri mereka tetapi juga akan membahayakan negara, keselamatan dan keamanan negara di masa akan datang.

■1650

Oleh sebab itu, saya berharap mungkin Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Senator juga menggunakan platform masing-masing untuk memberikan kesedaran kepada rakyat di kawasan masing-masing untuk memastikan bahawa elemen-elemen ini dapat dikekang dengan baik supaya usaha ini tidak hanya diletakkan kepada kerajaan sama ada pihak polis atau pun agensi-agensi yang lain. Akan tetapi semua masyarakat haruslah bersama-sama untuk memberikan kesedaran terhadap golongan yang mudah terpengaruh ini.

Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian ada membangkitkan berkaitan dengan pengambilan anggota ATM daripada kalangan rakyat dari Sarawak dan Sabah. Adakah sebarang peruntukan khas atau kuota khas bagi disediakan untuk memenuhi perjawatan bagi di dalam ATM dalam peringkat pegawai dan lain-lain pangkat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Prof. Dr. Sim Kui Hian yang telah membangkitkan perkara ini, Kementerian Pertahanan sememangnya sentiasa berusaha menggalakkan dan meningkatkan penyertaan semua kaum di Malaysia khususnya rakyat dari Malaysia dari Sabah dan

Sarawak di dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia pada dasarnya satu perkhidmatan yang versatile dan terbuka kepada semua warganegara yang layak dan berminat dengan tugas lasak sebagai seorang anggota tentera.

Asas penyertaan dalam ATM adalah berdasarkan kepada penyertaan secara sukarela serta mempunyai minat untuk menabur bakti dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama seseorang. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan telah melaksanakan pelbagai promosi sama ada di peringkat Kebangsaan mahupun peringkat negeri di Sabah dan Sarawak. Antara langkah-langkah komprehensif yang telah dan masih diteruskan ialah:

- (i) melaksanakan pengambilan pegawai dan lain-lain pangkat di lokasi-lokasi tertentu termasuk di Sabah dan Sarawak bagi memilih calon-calon yang layak untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia;
- (ii) melaksanakan pengiklanan kemasukan pegawai dan lain-lain pangkat di akhbar-akhbar utama termasuk Sabah dan Sarawak;
- (iii) mengadakan projek-projek jiwa murni di lokasi-lokasi tertentu di Sabah dan Sarawak dengan tujuan untuk menarik minat generasi muda menyertai ATM di samping membantu dari aspek kesihatan dan projek kebajikan kepada penduduk setempat;
- (iv) melaksanakan aktiviti promosi dengan mengadakan pameran dan ceramah kerja di sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi serta terlibat dalam pengambilan anjuran Kementerian Pertahanan, Institusi Awam dan Swasta;
- (v) mengedarkan *brochure*, *pamphlet*, dan *video corporate* kepada kaunselor-kaunselor di sekolah-sekolah dan lain-lain pertubuhan berkaitan bagi memupuk minat dan menyalurkan maklumat tentang peluang dan kelebihan menyertai ATM.

Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan juga berhubung rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, wakil-wakil rakyat dan NGO serta persatuan dalam menggalakkan aktiviti promosi dan pengambilan anggota baru ATM. Justeru, melalui Dewan yang mulia ini, Angkatan Tentera menyeru kepada semua Ali-ahli Yang Berhormat agar memberikan bantuan kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pertahanan dalam mempromosikan dan menggalakkan anak-anak muda terutama daripada kalangan rakyat Sabah dan Sarawak untuk menyertai ATM. Karier ini merupakan satu karier yang baik dan menjanjikan potensi yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu kuota dalam Perkhidmatan ATM, suka saya maklumkan bahawa pihak ATM tidak meletakkan sebarang peruntukan atau kuota khas untuk memenuhi perjawatan dalam ATM sama ada di peringkat pegawai mahupun lain-lain pangkat. ATM merupakan perkhidmatan dan organisasi yang mempelawa calon-calon yang berminat untuk menyertainya secara sukarela dan terbuka kepada semua kaum tidak mengira agama, bangsa dan keturunan. Walau bagaimanapun, pengambilan adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan seperti mana yang

termaktub dan dorong dengan semangat juang yang tinggi serta minat dan kecenderungan memilih profesion ketenteraan sebagai kerjaya.

Terakhir, Yang Berhormat Senator Chong Sin Woon ada membangkitkan berkaitan dengan kedudukan ranking Angkatan Tentera berbanding dengan negara-negara Asia yang lain terutamanya negara Singapura dan keupayaan pertahanan negara dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan negara berdasarkan ancaman keselamatan masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Chong Sin Woon yang telah membangkitkan perkara ini, kerajaan memang sentiasa peka terhadap keperluan pertahanan negara dan sentiasa melengkapkan Angkatan Tentera Malaysia dengan sistem persenjataan dan peralatan sokongan yang berteknologi tinggi dan moden selain memiliki modal insan ataupun anggota Angkatan Tentera yang bukan sahaja berani tetapi mempunyai disiplin yang tinggi dan mampu untuk menghadapi peperangan sekiranya diperlukan.

Ia adalah bertujuan untuk menentukan Angkatan Tentera Malaysia sentiasa siap siaga melindungi kedaulatan dan integriti negara serta berada pada tahap siap siagaan yang sangat tinggi untuk bertindak balas terhadap sebarang ancaman. Kepekaan kerajaan ini telah menjadikan keupayaan dan kekuatan ATM adalah setanding dengan negara-negara ASEAN malah dari beberapa aspek kita juga merupakan pertubuhan Angkatan Tentera antara yang terbaik.

Dalam menghadapi ancaman keselamatan masa kini, keupayaan ATM akan terus dipertingkatkan dengan aset dan kelengkapan yang berteknologi tinggi di samping pembangunan modal insan yang berkualiti. Persenjataan dan peralatan ATM pada masa ini berada pada tahap yang memuaskan dan berupaya untuk menentukan kedaulatan dan keselamatan negara akan sentiasa terpelihara. Keupayaan ATM ini dipacu melalui Pelan Pembangunan Keupayaan ATM atau Pelan 4D MAF yang merupakan road map bagi pembangunan keupayaan ATM untuk tempoh jangka panjang.

Jadi, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian sahaja penjelasan saya berkaitan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Saya mengucapkan sekali lagi berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya terdapat cadangan-cadangan dan kenyataan yang tidak dapat dijawab dalam penggulungan ini Yang Berhormat bolehlah menemui saya. Saya dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam perbahasan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

4.57 ptg

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih lah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa Perbahasan Titah Diraja sepanjang

minggu lepas. Izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh hanya tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang disentuh ialah isu berkaitan pembangunan luar bandar. Yang Berhormat Senator 'Datuk Kadzim' memohon Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyediakan Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak dan Sabah memandangkan kawasan pedalaman masih terdapat kawasan yang belum menerima keperluan asas seperti bekalan air dan bekalan elektrik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa kini kementerian ini sedang berusaha meningkatkan kualiti hidup penduduk kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak melalui penyediaan kemudahan asas di bawah Program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pihak kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga akan terus memastikan liputan prasarana asas di negeri Sabah dipertingkatkan dengan pelaksanaan empat program utama di bawah NKRA iaitu jalur luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, bekalan air luar bandar, dan Program Bantuan Rumah di samping lain-lain program yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup dan pendapatan penduduk di luar bandar.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator juga, bagi perancangan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan bermula pada tahun depan tahun 2016, kementerian ini mengambil kira senarai keperluan dan keutamaan yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi tujuan tersebut.

■1700

Selain daripada meningkatkan liputan kemudahan asas, kementerian berhasrat untuk mempergiatkan pembangunan tanah komunal dan agropolitan terutamanya di Sabah dan di Sarawak bagi membantu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang disentuh ialah isu berkaitan pembangunan ekonomi di mana Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertanya, apa perancangan strategik yang diambil oleh kementerian bagi membangunkan usahawan dan ruang perniagaan yang sesuai sebagai kesan dan manfaat daripada pembangunan Lebuh raya Pantai Timur 2 (LPT2) kepada penduduk setempat di Terengganu, terutamanya yang berhampiran dengan LPT2 itu?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini melalui KETENGAH telah membuat perancangan untuk membangunkan usahawan dan ruang-ruang perniagaan dalam pelbagai bidang dengan mengambil kira pembangunan LPT2 di Terengganu. Perancangan dan pelaksanaan pembangunan usahawan melibatkan bidang ternakan dominan, pengeluaran sayuran komersial, pengeluaran herba berskala besar, kilang IKS, kilang perabot dan perkayuan, unggas seperti burung puyuh, kraf tangan, pelancongan, latihan keusahawanan Pusat GIATMARA dan kolej komuniti dan lain-lain bidang yang bersesuaian.

Para usahawan juga diberi pelbagai bantuan bersesuaian termasuk latihan kemahiran, bantuan modal, nasihat, kursus serta kemudahan premis niaga. Untuk perancangan jangka panjang, KETENGAH

bersama kerajaan negeri sedang mengenal pasti beberapa buah kawasan yang bersesuaian di beberapa *interchange* sepanjang jajaran LPT2 di negeri Terengganu untuk dijadikan kawasan industri baru bagi memberi peluang kepada usahawan negeri Terengganu menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah ada membangkitkan isu terhadap masyarakat Orang Asli khususnya berkaitan isu syarat utama pembinaan Rumah Mesra Rakyat adalah tertakluk kepada pemilikan tanah persendirian Orang Asli yang sukar untuk dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi masyarakat Orang Asli ini dilaksanakan dengan kerjasama Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan pihak kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli iaitu JAKOA amat komited membantu masyarakat Orang Asli bagi pembinaan Rumah Mesra Rakyat bagi Orang Asli yang berkecukupan. Berdasarkan perbincangan di antara JAKOA dan SPNB, bahawa pembinaan RMR untuk Orang Asli tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah ditetapkan oleh SPNB.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohd. Yusoff ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh KKLW bagi mengurangkan beban pekebun getah? Ini ekoran daripada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Contohnya, pemberian *allowance* kepada pekebun getah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian sedar bahawa pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan secara langsung atau tidak langsung turut memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara.

Bagi tahun 2015, pihak kementerian melalui RISDA akan meneruskan bantuan pemberian peralatan menerusi program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG) dan pelaksanaan Skim Inisiatif Pengeluaran Getah (SIPG) kepada seramai 39,373 orang pekebun kecil getah dan peruntukan bagi tahun 2015 sejumlah RM11.84 juta untuk tujuan pemberian bantuan sara hidup pekebun kecil. Kadar bantuan sebanyak RM500 sebulan sehingga maksimum 48 bulan yang melibatkan seramai 1,950 orang pekebun kecil akan menerima bantuan di bawah program ini.

Program tanam semula juga telah mendapat perhatian pihak kementerian dan RISDA di mana peruntukan berjumlah RM367 juta telah diterima untuk diagihkan kepada 88,690 orang peserta tanaman semula RISDA bagi tahun 2015. Selain itu, menerusi Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran yang dilaksanakan oleh RISDA, pembinaan depoh-depoh pembelian getah akan tetap dibina memandangkan depoh ini bertujuan memendekkan rantaian pemasaran dan memastikan pekebun kecil mendapat harga di ladang yang lebih baik tanpa orang tengah. Sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan bagi program ini bagi pembinaan 18 buah depoh untuk tahun 2015.

RISDA turut memberi bantuan di bawah projek aktiviti ekonomi tambahan berjumlah RM5 juta kepada 500 orang pekebun kecil yang berminat dalam bidang keusahawanan. Bantuan yang diberi adalah dalam bentuk peralatan, mesin atau bahan input yang berkaitan bagi melahir dan memperkasakan usahawan pekebun kecil negara. RISDA juga menggalakkan penglibatan pekebun kecil serta membangunkan usahawan pekebun kecil melalui Program Pembangunan Keusahawanan dengan

memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi tahun 2015. Skop program ini pembangunan modal insan melalui latihan keusahawanan pembangunan dan pemasaran produk daripada aspek promosi dan penyediaan ruang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif memohon agar diwujudkan RTC ataupun Rural Transformation Centre di Bahau, Negeri Sembilan bagi memudahkan penduduk menikmati inisiatif-inisiatif yang disediakan oleh RTC. Yang Berhormat ingin bertanya?

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf, tadi dekat luar tadi. Saya ada bertanyakan kepada KKLW mengenai 375,000 orang penoreh getah dan pekebun kecil di seluruh Malaysia dan saya difahamkan bahawa pihak RISDA telah membuat satu Kertas Kerja untuk memberi elaun kepada mereka sebanyak RM200 sebulan, memandangkan harga getah masih dalam harga lebih kurang dalam RM1.70.

Getah telah menyumbang sebanyak RM33 bilion kepada negara, sekiranya 375,000 orang penoreh getah diberi RM200, lebih kurang RM700 juta setahun. Jadi saya merasakan RM33 bilion *contribution*, dengan izin, getah kepada negara, saya merasakan pihak kerajaan perlu membantu mereka dengan memberi elaun bulanan seperti elaun yang telah diberikan kepada nelayan. Saya harap pihak kementerian dapat mempertimbangkan cadangan RISDA untuk memberi elaun kepada penoreh getah. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat apa-apa soalan daripada itu. Cuma yang baik itu cadangan yang begitu baik sekali, jadi kita boleh terimalah cadangan daripada Yang Berhormat Senator itu tadi. Ini kerana Senator telah membuat kajian bagaimana hendak membantu penoreh-penoreh getah ataupun pekebun-pekebun kecil getah. Memang industri getah ini, lebih 90% yang terlibat dalam aktiviti getah ini adalah daripada pekebun kecil, jadi hanya lebih daripada 10% daripada yang berskala besar. Jadi, memang kita sepatutnya prihatin kepada pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh getah. Itu cadangan yang baik.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh beri jawapan secara bertulis?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Boleh, boleh. Kalau memang diperlukan, kita akan semak apa yang ditanya dan kita akan bagi secara bertulis. Akan tetapi cadangan baik itu tadi kita ambil kira, Tuan Yang di-Pertua.

■1710

Puan Shanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi sebab saya difahamkan pihak RISDA telah membuat Kertas Kerja. Jadi cuma menunggu kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita mengharapkan supaya pihak kementerian merayu, memohon dan mengasihani kepada penoreh-penoreh getah ini. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Itulah maksud saya Tuan Yang di-Pertua sebab ini ialah cadangan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya teruskan di mana saya berhenti tadi. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif yang mencadangkan pembinaan RTC di Bahau.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini kerajaan hanya memperuntukkan sebuah RTC bagi setiap negeri di Semenanjung manakala di Sabah dan di Sarawak akan mempunyai dua RTC bagi setiap negeri itu kerana kedua-dua buah negeri ini adalah begitu luas berbanding dengan negeri-negeri kita di Semenanjung ini. Bagi Negeri Sembilan, kerajaan negeri telah bersetuju supaya bangunan MBI di Rembau dijadikan RTC dan KKLW sedang dalam proses akhir memuktamadkan kos dengan semua agensi yang akan menyertai RTC ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman bertanya mengenai status inisiatif-inisiatif yang disediakan di RTC seperti aktiviti latihan dan kiosk informasi 1Malaysia. Apakah kebaikan yang telah RTC memberi kepada penduduk luar bandar? Contohnya perkhidmatan yang ditawarkan terutamanya di Pahang dan berapa banyak RTC yang telah dibina di seluruh Malaysia. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan RTC dibina di kawasan FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, RTC diwujudkan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar daripada segi peningkatan pendapatan, mengurangkan kos sara hidup dan memudahkan penduduk luar bandar mendapat perkhidmatan kerajaan tanpa perlu ke bandar. Jadi banyak penjimatan daripada segi kos pengangkutan.

Bagi tahun 2014, nilai jualan yang direkodkan di tujuh buah RTC sedia ada berjumlah RM476 juta dan bilangan pengunjung seramai 7.8 juta orang serta seramai 874 orang peniaga dan usahawan berniaga di RTC. Untuk RTC Pahang, di bawah inisiatif latihan, seramai 2,496 orang belia penduduk setempat telah mengikuti 80 latihan ataupun kursus yang disediakan di RTC secara percuma oleh pelbagai agensi kerajaan pada tahun 2014. Giat MARA juga telah berjaya melatih 23 orang usahawan dalam bidang kecantikan, gaya rambut dan fesyen jahitan di RTC Pahang. Antara latihan-latihan ataupun kursus yang lain.

Bagi kemudahan penduduk, pelbagai perkhidmatan kerajaan turut disediakan di RTC Pahang, misalnya Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Klinik 1Malaysia, pergigian, pejabat penghulu, bank dan kiosk informasi. RTC Pahang juga berperanan menjadi pusat sehenti bagi melaksanakan pelbagai program sukarelawan, kemasyarakatan oleh kementerian, agensi, NGO, 1M4U termasuk aktiviti-aktiviti anjuran komuniti setempat. *East Coast Economic Region* dan Universiti Malaysia Pahang juga sedang bekerjasama menyiapkan Kompleks Makanan Laut RTC yang akan menempatkan empat orang pengusaha keropok sekitar Kuala Pahang dan juga empat orang pengusaha restoran ikan bakar bagi menjadikan Kuala Pahang destinasi tumpuan orang ramai dan pelancong. Lapar dengar itu.

Jabatan Pertanian juga telah menggerakkan aktiviti pertanian komuniti dengan projek pertama iaitu tanaman pisang lemak manis melibatkan 30 orang penduduk di Kampung Ubai, Kampung Telok dan Kampung Pulau Rusa. Seramai tiga orang belia dipilih untuk mengusahakan tanaman pisang secara kelompok di atas tanah seluas tiga ekar.

Sehingga bulan Mac 2015 ini, terdapat tujuh buah RTC yang telah beroperasi di seluruh negara iaitu di Gopeng, Perak; di Kelantan; Kuala Bahang, Pahang; Kulai, Johor; Napoh, Kedah; Bandar Al-Muktafi Bilal Shah, Terengganu; dan Bekenu, Miri di Sarawak. Berkenaan dengan lokasi RTC, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah selaku kementerian peneraju RTC akan meneliti dengan terperinci supaya RTC akan diwujudkan dapat mencapai objektif penubuhannya dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang. Kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat akan disediakan dari semasa ke semasa. Pembangunan ekonomi dan minda insan akan turut dilaksanakan bagi membolehkan rakyat bersedia dalam kehidupan mereka. Kementerian ini sentiasa komited dan peka dengan keperluan rakyat terutama di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menjunjung Titah Yang di-Pertuan Agong dan saya menggulung bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 13 hingga 16 April 2015.

Isu-isu yang telah dibangkitkan mengenai kementerian ini Komuniti Ekonomi ASEAN 2015, atau *AEC 2015*, nilai perdagangan Malaysia bagi tahun 2013 dan 2014, kesan kejatuhan harga minyak dan komoditi terhadap industri perkilangan, pelaburan swasta, skim jaminan sektor perkhidmatan kepada pengusahaan kecil dan sederhana (PKS), pelaburan asing dalam sektor perkilangan khusus bagi negeri Perak dan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam mencadangkan agar kerajaan mempertingkatkan lagi program kesedaran dan kefahaman berkenaan Komuniti Ekonomi ASEAN atau AEC 2015 terutamanya kepada komuniti perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada tahun 2015, Malaysia memainkan peranan yang sangat penting selaku Pengerusi ASEAN. Malaysia menjadi pemacu inisiatif serantau dan juga pengemudi kepada proses-proses pencapaian komitmen ke arah AEC. Walau bagaimanapun, cabaran terbesar yang dihadapi oleh kerajaan ialah tahap kesedaran tentang peluang-peluang yang wujud hasil daripada pembentukan AEC adalah masih rendah di kalangan masyarakat Malaysia terutama komuniti perniagaan.

Bagi mengatasi perkara ini, kementerian dengan kerjasama pelbagai pihak telah merancang dan melaksanakan program-program untuk meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan komuniti perniagaan, pertubuhan-pertubuhan perniagaan, syarikat swasta serta majlis perniagaan mengenai kepentingan pembentukan AEC. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2014, lebih daripada 160 program kesedaran atau *awareness programme*, dengan izin, telah dijalankan oleh MITI dengan kerjasama pemegang taruh atau *stakeholders* yang lain bagi memastikan rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan memahami mengenai AEC.

■1720

Aktiviti-aktiviti galakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada, melalui SAC dan pelaksanaan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN. Pada tahun ini sahaja sehingga bulan Mac 2015, sebanyak 31 aktiviti galakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara ASEAN telah dilaksanakan.

Kerajaan turut melaksanakan beberapa seminar dan bengkel di kalangan pengeksport tempatan bagi meningkatkan pengetahuan tentang peluang yang wujud hasil daripada pembentukan AEC contohnya Forum Perniagaan ASEAN 2015 pada 9 Mac lalu di mana syarikat-syarikat PKS telah didedahkan tentang peluang eksport ke negara-negara ASEAN lain. Selain itu, penganjuran *ASEAN SME Showcase and Conference 2015* yang bakal berlangsung pada 26 hingga 28 Mei 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur menunjukkan komitmen kerajaan dalam memberi fokus kepada pembangunan PKS ASEAN serta langkah-langkah bagi merapatkan jurang di antara negara-negara ASEAN.

Program kesedaran yang sama juga dijalankan untuk masyarakat umum termasuk belia, pelajar institusi-institusi pengajian tinggi dan badan-badan bukan kerajaan. Sebagai contoh, sempena Perhimpunan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN atau *21st ASEAN Economic Ministers Retreat (AEM Retreat)* telah diadakan di Kelantan baru-baru ini. Beberapa program kesedaran telah dijalankan termasuk kepada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah penduduk sebanyak 30 juta orang di Malaysia, kerajaan berpandangan bahawa pembentukan AEC akan membawa banyak aspek positif terutamanya membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran ASEAN yang lebih luas serta membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara ASEAN yang lain.

Sehubungan itu, kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia dan ahli-ahli perniagaan mengenai AEC secara agresif. Dengan terlaksananya AEC 2015, semua lapisan masyarakat dalam pelbagai sektor ekonomi dijangka turut merasai faedah dan kebaikan yang ditawarkan oleh rantau ASEAN. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin ingin mengetahui jumlah perdagangan Malaysia bagi tahun 2013 dan 2014 serta kesan kepada ekonomi negara, impak kejatuhan harga minyak dan komoditi dalam sektor perkilangan seperti industri E&E dan industri kimia.

Langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan pelaburan swasta serta inisiatif bagi menggalakkan pelaburan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan sumbangan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan dalam melonjakkan PKS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, prestasi perdagangan luar negara tahun 2014 masih kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan 5.9% dengan jumlah dagangan RM1,449.1 bilion berbanding RM1,368.7 bilion pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, eksport adalah sebanyak RM766.13 bilion iaitu peningkatan sebanyak 6.4%. Manakala import pula bernilai RM682.98 bilion iaitu peningkatan sebanyak 5.3%. Ini bermakna Malaysia telah mencatatkan lebih dagangan berjumlah RM83.15 bilion iaitu peningkatan sebanyak 16.6%. Lebih dagangan ini adalah bagi tahun ke-17 berturut-turut sejak bulan November 1997.

Sasaran peningkatan eksport Malaysia pada tahun 2014 ialah sebanyak 6%. Namun begitu eksport pada tahun berkenaan telah meningkat 6.4% melepasi sasaran sebanyak 6% yang ditetapkan. Perdagangan luar dan eksport Malaysia pada tahun 2015 disasarkan akan mencatatkan pertumbuhan yang sederhana iaitu sekitar 2% hingga 3% berdasarkan keadaan pasaran semasa di mana permintaan global yang perlahan dan harga komoditi yang rendah.

Walau bagaimanapun, eksport Malaysia dijangka menerima kesan positif daripada pengukuhan permintaan dari negara-negara berpendapatan tinggi seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom dan nilai dolar Amerika Syarikat yang tinggi dan penyusutan nilai ringgit. Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan nilai ringgit, harga minyak dan komoditi memberi kesan dan impak yang berbeza kepada industri. Bagi industri yang menggunakan mata wang dolar Amerika Syarikat dalam urusan jual beli seperti industri E&E, impaknya tidak begitu signifikan. Ini disebabkan industri ini kebanyakannya memberi bahan-bahan input pengeluaran dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat dan menjual produk akhir mereka juga dalam mata wang dolar Amerika Syarikat.

Manakala bagi industri yang membeli bahan-bahan input pengeluaran dengan menggunakan mata wang ringgit dan mengeksport produk akhir dalam mata wang dolar Amerika Syarikat, industri ini akan menerima kesan pertukaran mata wang positif iaitu dengan membawa pendapatan yang lebih dalam mata wang ringgit. Pada 21 Januari 2015, MITI telah mengadakan sesi dialog bersama pihak industri ekoran kejatuhan harga minyak dan nilai ringgit. Daripada maklum balas yang diterima secara umumnya pihak industri E&E serta industri hiliran minyak dan gas berpandangan positif terhadap impak penurunan harga minyak dunia dan ringgit daripada aspek peningkatan daya saing industri, produktiviti dan pelaburan.

Ini kerana kos pengeluaran barang menjadi lebih kompetitif berikutan harga bahan mentah industri berasaskan petroleum yang lebih rendah. Selain itu, pemulihan ekonomi Amerika Syarikat juga dilihat telah memberi peluang eksport yang lebih besar kepada industri E&E seiring dengan peningkatan dalam permintaan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada isu pelaburan swasta dan inisiatif untuk menggalakkan pelaburan GLC dan GLIC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berbagai-bagai langkah telah dilaksanakan kerajaan bagi meningkatkan pelaburan swasta sama ada pelaburan asing mahupun pelaburan tempatan termasuklah pelaburan daripada GLC dan GLIC. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

- i) menambah baik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara;
- ii) meliberalisasi subsektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan.
- iii) memastikan penyelarasan yang lebih baik di antara semua agensi kerajaan dan swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi;

■1730

[*Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.***]

- (iv) menambahbaikkan sistem penyampaian kerajaan dan mengurangkan kos untuk menjalankan perniagaan serta menangani kerenah birokrasi;
- (v) memperkenalkan serta mengamalkan pendekatan berfokus atau *targeted approach*, dengan izin, dalam usaha menarik pelaburan;
- (vi) memberi penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan berteknologi tinggi serta meningkatkan penglibatan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D;
- (vii) memperkenalkan Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) sejak tahun 2012; dan
- (viii) mengadakan misi perdagangan dan pelaburan serta misi projek spesifik ke luar negara untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan global dan serantau serta mengadakan bengkel dan seminar dalam negara untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan menawarkan galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri yang strategik, industri baru dan berteknologi tinggi seperti subsektor sumber tenaga alternatif, *once electronics*, dengan izin, bioteknologi, peralatan perubatan ICT dan aeroangkasa.

Pada 6 April 2015, Yang Berhormat Menteri MITI telah mengumumkan garis panduan bagi empat insentif cukai baru yang diperkenalkan di bawah Bajet 2015 iaitu:

- (i) insentif kawasan kurang membangun bagi menggalakkan pertumbuhan wilayah yang seimbang dan *inclusive* terutama di kawasan-kawasan kurang maju;
- (ii) insentif pengurusan kawasan perindustrian bagi menyokong pembangunan industri melalui penyelenggaraan infrastruktur fasiliti awam yang lebih sistematik;

- (iii) elaun modal untuk meningkatkan automasi dalam industri berintensif buruh bagi mempercepat peralihan sektor perkilangan dan perkhidmatan daripada berintensif buruh kepada nilai tambah tinggi, berintensif berpengetahuan dan industri berasaskan inovasi; dan
- (iv) insentif penubuhan hab utama bagi meningkatkan pembangunan subsektor perkhidmatan utama dalam meningkatkan sumbangan kepada ekonomi.

Keempat-empat insentif yang diumumkan merupakan strategi-strategi khusus bagi meningkatkan potensi pelaburan di kawasan-kawasan kurang membangun, mewujudkan infrastruktur bertaraf moden dalam kawasan perindustrian, menggalakkan automasi dalam proses pengeluaran serta meningkatkan potensi Malaysia sebagai pusat perdagangan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan atau *Services Sector Guarantee Scheme* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, saya ingin memaklumkan bahawa skim ini ialah skim jaminan baru yang diurus dan dikelolakan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) iaitu sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan. Dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion seperti mana yang diumumkan dalam Bajet 2015, Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan bertujuan untuk merangsang perkembangan PKS dalam sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun, skim ini baru sahaja dibuka kepada pemohon pada 1 April 2015. Bagi skim-skim jaminan lepas dan yang masih diuruskan oleh SJPP, kemudahan kredit sejumlah RM8.57 bilion telah disalurkan kepada 7,000 PKS. Sejumlah 55% kemudahan kredit yang diberikan adalah kepada PKS dalam sektor perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim mencadangkan agar industri perkilangan di Perak diperluaskan supaya merangkumi industri berteknologi tinggi bagi menarik pelaburan asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian ini melalui agensinya iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menetapkan beberapa kriteria penting dalam memilih pelaburan yang bakal masuk ke dalam negara termasuklah ke negeri Perak. Melalui pendekatan berfokus atau *targeted approach*, dengan izin, MIDA sentiasa memberi penekanan dalam menarik pelaburan-pelaburan berkualiti yang memberi impak besar kepada pembangunan ekonomi negara. Projek-projek yang disasarkan hendaklah berteknologi tinggi, berasaskan inovasi dan kreativiti, bernilai tambah tinggi, berdasarkan pengetahuan, mempunyai rantai nilai serta mempunyai penglibatan R&D.

Secara amnya, antara faktor utama yang diambil kira oleh pelabur terutamanya pelabur asing untuk melabur di sesebuah negara termasuk Malaysia ialah kewujudan persekitaran perniagaan yang menarik dan kondusif, mempunyai peluang pelaburan yang tinggi, kos menjalankan perniagaan yang kompetitif, kewujudan infrastruktur dan teknologi yang maju, bekalan bakat modal insan dan sumber manusia yang berpendidikan, berkemahiran dan berkualiti, kerangka ekonomi yang kukuh membangun dan maju dan dasar-dasar kerajaan yang banyak membantu pelabur di samping kestabilan politik serta persekitaran kehidupan yang selamat dan selesa. Namun, keputusan pelabur untuk menempatkan

sesebuah projek di mana-mana negeri di Malaysia termasuk di negeri Perak adalah terpulang kepada para pelabur itu sendiri dan ini bergantung kepada kriteria pemilihan yang diinginkan oleh pelabur berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali beberapa Ahli Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan perundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, proses rundingan TPPA adalah di peringkat akhir. Namun, memandangkan terdapat isu-isu yang rumit, maka rundingan TPPA diteruskan untuk mencari jalan penyelesaian termasuk di peringkat Menteri serta di peringkat pemimpin.

Mengenai impak TPPA ke atas harga ubat adalah kurang tepat untuk mengaitkan kenaikan harga ubat dengan TPPA semata-mata atau dengan tempoh paten penentuan harga ubat banyak bergantung kepada faktor-faktor lain seperti rangkaian pertukaran wang dan permintaan serta penawaran ubat-ubatan itu sendiri. Sebelum kerajaan membuat keputusan muktamad untuk menandatangani TPPA, kerajaan telah meminta *Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia* dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) untuk mengkaji kesan TPPA ke atas kepentingan negara, kedaulatan negara, dasar bumiputera dan PKS serta kesan sekiranya Malaysia tidak berada dalam TPPA. Tidak dinafikan dalam sesuatu keputusan ataupun dasar yang diambil, mesti terdapat impak positif dan negatif. Akan tetapi apa yang penting di sini ialah kita perlu mencapai keseimbangan bagi memastikan kepentingan negara terpelihara di dalam jangka masa panjang. Terdapat beberapa faktor yang diambil kira sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk menyertai rundingan TPPA.

■1740

Pertama, Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang amat bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Ini disebabkan pasaran domestik yang terhad dan jumlah nilai dagangan barangan dan perkhidmatan adalah 1.6 kali ganda kepada nilai keluaran dalam negara kasar (KDNK). Justeru, Malaysia perlu mengukuhkan lagi akses pasaran secara strategik bagi memastikan peningkatan eksport yang berterusan.

Kedua, melalui TPPA, Malaysia berpeluang untuk mempermudah lagi akses pasaran untuk produk dan perkhidmatan Malaysia khususnya kepada empat buah negara TPPA yang masih belum menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA) iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico. Tanpa FTA seperti TPPA, eksport produk Malaysia masih dikenakan duti import yang tinggi. Contohnya, barangan elektrik dan elektronik (E&E) yang masih dikenakan duti import pada kadar 5% oleh Amerika Syarikat dan 11% oleh Kanada. Sarung tangan juga dikenakan duti import pada kadar 15.5% oleh Kanada. Maka, adalah wajar TPPA dilihat sebagai pemudah cara akses pasaran.

Ketiga, rundingan TPPA mengamalkan prinsip *nothing is agreed until everything is agreed*, dengan izin, di mana kesemua 12 buah negara mempunyai hak sama rata untuk menyuarakan pandangan dan cadangan dalam penggubalan peraturan perdagangan global yang baru. Malaysia tidak

tunduk kepada mana-mana kuasa besar kerana ini merupakan satu rundingan pelbagai negara atau *plurilateral*, dengan izin, dan kita berpandangan bahawa adalah penting untuk mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan keseimbangan dan sensitiviti Malaysia didengari dalam TPPA.

Keempat, seperti mana yang pernah dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan sedar akan sensitiviti dasar-dasar tertentu yang perlu dipertahankan dalam merundingkan TPPA. Sehubungan itu, isu sensitif yang sedemikian telah dirundingkan supaya mendapat pengecualian bagi memastikan kesejahteraan sosioekonomi semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator juga membangkitkan kerisauan mengenai ISDS di bawah TPPA. Ingin saya jelaskan di sini bahawa ISDS bukan sesuatu yang baru pada Malaysia. Kita telah menandatangani 74 perjanjian jaminan pelaburan atau *investment guarantee agreement*, dengan izin, sejak merdeka lagi dan kebanyakan daripada perjanjian tersebut mengandungi elemen ISDS di mana kerajaan ataupun negara boleh dihadiri oleh tribunal antarabangsa apabila berlakunya pertikaian.

Prinsip ISDS bertujuan untuk memberi jaminan dan keyakinan kepada pelabur asing mengenai hak dan modal yang dilaporkan di negara penerima. Namun begitu, ia tidak bererti negara penerima akan kehilangan kedaulatan ataupun ruang dasar atau *policy space*, dengan izin. Dalam masa yang sama, ISDS juga penting untuk pelabur Malaysia apabila mereka melabur di luar negara. Pasukan rundingan Malaysia sedang meneliti skop komitmen secara berhati-hati bagi memastikan ia satu mekanisme yang seimbang dalam mempertahankan hak kedua-dua pihak iaitu negara dan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan Yang Berhormat Senator agar sesi perkongsian maklumat berhubung TPPA dilaksanakan bersama rakyat Sarawak, kerajaan khususnya MITI menyambut baik cadangan tersebut dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sesi perkongsian maklumat dilaksanakan secara berterusan di peringkat persekutuan dan negeri. Usaha ini akan diperluaskan lagi ke semua peringkat untuk mendapatkan input dan pandangan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut *list* ataupun senarai yang ada di hadapan saya sekarang, maka tibalah giliran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh mengenai bidang kuasa dan juga tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Sekalung penghargaan dirakamkan sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada isu-isu yang dibangkitkan.

Sepanjang perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, Mesyuarat Pertama Dewan Negara, Kali Ke-13, Penggal Ketiga ini, tidak banyak isu yang menyentuh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Isu yang dibahaskan ialah isu yang berkaitan dengan sektor tenaga dan juga sektor air.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dalam perbahasannya pada 13 April 2015 ada menyentuh mengenai tarif elektrik TNB yang tidak berubah atau berkurang sejajar dengan pengurangan harga kos bahan api. Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa penetapan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia bagi pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) bukanlah ditetapkan oleh TNB tetapi ia ditentukan oleh kerajaan berdasarkan pendekatan yang dinamakan *incentive based regulation* (IBR) dengan izin.

Di bawah IBR ini, terdapat mekanisme yang dikenali sebagai *imbalance cost pass through* (ICPT) dengan izin, di mana sebarang perubahan kos bahan api dan lain-lain kos penjanaan akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan pada tiap-tiap enam bulan. Maksudnya, satu tahun kerajaan membuat dua kali semakan untuk kos bahan api dan lain-lain kos penjanaan.

Justeru, kerajaan menerusi Suruhanjaya Tenaga memantau dengan rapi perubahan harga bahan api bagi penjanaan elektrik dalam negara. Kerajaan juga sedia maklum bahawa harga minyak mentah dunia yang telah mengalami penurunan mulai pertengahan tahun 2014. Namun begitu, penurunan ini tidak memberi kesan ketara kepada kadar tarif TNB kerana bahan bakar minyak hanya menyumbang sebanyak 1% sahaja daripada keseluruhan campuran bahan api. Gas asli berpaip (LNG) menyumbang sebanyak 54% daripada keseluruhan campuran bahan api.

■ 1750

Manakala 40% daripada campuran bahan api itu datang daripada arang batu. Semenjak awal tahun 2014, harga arang batu yang saya sebut tadi telah menyumbang lebih kurang 40% daripada jumlah campuran bahan api itu telah menurun. Bagi tempoh Julai hingga Disember 2014, harga purata arang batu di pasaran ialah USD73.3 per metrik tan berbanding dengan tanda aras, *baseline price* dengan izin iaitu USD87.50 sen per metrik tan bagi penetapan kadar tarif di Semenanjung Malaysia mulai 1 Januari 2014.

Selain itu, prestasi loji-loji jana kuasa arang batu juga telah meningkat sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bahan api yang lebih tinggi harganya. Susulan daripada senario itu terdapat penjimatan ICPT sebanyak RM726.99 juta. Oleh itu, kerajaan telah memutuskan untuk melepaskan penjimatan tersebut di Semenanjung. Untuk tujuan ini, dalam tempoh suku tahun yang pertama, kerajaan telah memutuskan untuk melepaskan penjimatan kepada pengguna di Semenanjung. Ini diterjemahkan

dalam bentuk *rebate* bil elektrik sebanyak 2.25 sen per *kilowatt-hour* bagi tempoh 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015.

Kesimpulannya apabila kerajaan menetapkan sebarang kadar tarif elektrik, kerajaan sentiasa menjaga kepentingan rakyat serta perkembangan industri dan ekonomi negara secara amnya. Dalam hal ini pihak *utilities* berperanan untuk memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap dan stabil dapat dibekalkan bagi menyokong perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor air, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit telah menyentuh mengenai status *non-revenue water* (NRW), dengan izin, dan turut meminta kementerian menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah NRW ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, kita di Malaysia ini operator-operator air kepunyaan kerajaan-kerajaan negeri ataupun kepunyaan syarikat-syarikat yang berkongsi dengan kerajaan negeri. Saya kita katakan misalnya kalau kita ambil contoh kalau kita katakan nama Syarikat Air Terengganu (SATU). Kalau kita namakan (SAJ) Syarikat Air Johor. Kalau Perak, Lembaga Air Perak. Kalau Kedah (SADA) - Syarikat Air Darul Aman. Maknanya syarikat-syarikat ini kepunyaan kerajaan negeri dan juga kepunyaan syarikat-syarikat yang ada kepentingan antara swasta dan juga kerajaan negeri.

Apa yang berlaku ialah *non-revenue water* ini ataupun jumlah air yang hilang ini, adalah di bawah tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri. Namun begitu, oleh sebab banyak negeri yang sudah migrasi daripada segi bekalan airnya diletakkan di mana mereka telah menyewa semula daripada PAAB, maka *non-revenue water* ini juga dilihat secara menyeluruh ataupun secara bersama dengan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian KeTTHA juga telah menyediakan pelan tindakan bersama bagi membolehkan kita mengawal *non-revenue water*. Di setengah-setengah negeri, *non-revenue water* atau air bersih yang telah hilang ini selepas daripada dirawat itu ada yang mencapai lebih daripada 50%. Maknanya kalau dia keluarkan 1 juta liter, 500,000 daripada air itu hilang.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik semasa bagi peratusan NRW, tahun 2013 mencatatkan pengeluaran dan penggunaan air terawat sebanyak 15.51 juta liter sehari berbanding dengan 14.996 juta liter sehari pada tahun 2012. Penggunaan air yang telah dibilkan pada tahun 2013 hanya sebanyak 9,855 juta liter sehari berbanding dengan 9,532 juta liter sehari pada tahun sebelumnya dan menjadikan peratus NRW di seluruh negara bagi tahun tersebut adalah pada kadar 36.6% berbanding dengan 36.4% bagi tahun 2012. Berdasarkan pada perbandingan ini, peratusan NRW bagi kedua-dua tahun telah mencatatkan perbezaan kecil sebanyak 0.02%.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kementerian ingin menegaskan bahawa langkah-langkah untuk menangani NRW sentiasa dilaksanakan secara berterusan dan tidak boleh sama sekali secara *one-off*, dengan izin. Antara langkah-langkah yang boleh diambil secara berterusan oleh pihak kementerian, bersama-sama dengan kerajaan negeri untuk mengatasi atau menurunkan nilai NRW adalah seperti dengan cara-cara berikut:

- (i) menjalankan aktiviti pengesanan dan membaiki kebocoran secara aktif serta komprehensif;
- (ii) mewujudkan *District Metering Zone (DMZ)*, dengan izin, di mana keutamaan diberikan kepada zon-zon kebocoran;
- (iii) melaksanakan pengurusan tekanan air yang sistematik dalam sistem bekalan air bagi mengurangkan kekerapan kebocoran paip dan gangguan bekalan air tidak berjadual;
- (iv) memastikan penggunaan bahan-bahan yang berkualiti dan *workmanship* yang baik dan pelaksanaan program pengurangan NRW; dan
- (v) menukarkan meter-meter dan paip-paip air yang telah berusia, ada yang paip air ini berusia sehingga 30 tahun dan lebih daripada 30 tahun, dan uzur secara berterusan mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, dua orang sahaja Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian untuk kementerian saya. Satu sektor tenaga, satu sektor air, sudah habis saya menggulung. Saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat...

Dato' Boon Som A/L Inong: Hendak mencelah sedikit, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Ada soalan yang tidak terjawab kah?

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Adakah kementerian berhasrat untuk mengkaji semula kedudukan tarif sekarang ini kerana masyarakat luar bandar terasa tertekan dengan adanya GST terhadap bil elektrik dan sebagainya. Adakah kementerian akan mengkaji kedudukan tarif ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Boon. Untuk bekalan elektrik ini, saya ingat sudah banyak kali kita memberi penjelasan. Sebenarnya saya ingin nyatakan di sini bahawa pengguna tarif elektrik yang menggunakan 300 *kilowatt-hour* (kWj) 300kWj satu bulan, dia nya pertama sekali tidak ada kenaikan tarif. Sudah lama tidak ada kenaikan tarif untuk penggunaan 300 *kilowatt-hour* untuk sebulan. 300 *kilowatt-hour* ini kalau kita *convert* kepada ringgit, dia jatuh lebih kurang dalam RM78 sebulan. RM78 sebulan tidak ada kenaikan dan 300 kilowatt ini juga tidak ada GST.

Maknanya, kalau kita ambil penduduk dil luar bandar yang ada kipas di rumah yang ada mesin basuh, ada dapur, ada seterika lebih kurang dalam RM50, RM60 hingga RM70. Akan tetapi, kalau rumah itu sudah masuk dengan *aircond*, itu sudah bukan RM70 lagi, mesti lebih daripada RM70. Jadi maknanya kepentingan rakyat di luar bandar telah diambil kira dalam urusan yang berkaitan dengan kenaikan elektrik. Sebab itu kalau kita lihat, kalau kita balik di rumah, *bench* yang pertama itu, *bench* yang pertama dalam tarif, dalam bil elektrik itu kalau Yang Berhormat boleh lihat juga, kalau Yang Berhormat boleh balik lihat. *Bench* yang pertama itu dia tulis 100 kilowatt. *Bench* yang pertama 100 kilowatt, berapa harga dia?

■1800

Kemudian tambah lagi 200 kilowatt, berapa harga ia, kali dengan berapa? Kemudian *bench* yang berikut itu lepas daripada 300 kilowatt sehinggalah kepada satu *bench* yang lain. Jadi maksud saya kalau kita sudah dalam 300 kilowatt itu saya sudah sebut tadi RM78 dan ia tidak dikenakan GST, itu jawapannya.

Akhir sekali saya berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan berpuas hati dengan penjelasan dan penerangan yang telah saya sampaikan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sangat prihatin dengan hal yang menyentuh isu-isu kepentingan rakyat khususnya berkait dengan tenaga elektrik dan juga bekalan air terawat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang beralih ke giliran Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Silakan Yang Berhormat.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa kementerian ini semasa perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Tidak banyak isu yang telah diutarakan, namun ia penting Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud bertanya tentang tahap inovasi pertama dalam penorehan getah dan penuaian tandan sawit di negara kita dan apakah keberkesannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perladangan getah dan sawit pada masa ini memang diakui masih banyak bergantung kepada tenaga kerja manusia atau tenaga buruh terutama bagi kategori penorehan getah dan penuaian tandan sawit, buah tandan segar (BTS). Bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja, kementerian ini melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah dan sedang mengambil langkah-langkah memfokuskan penyelidikan dan pembangunan ataupun dengan izin, R&D, kepada automasi dan mekanisasi dalam sektor perladangan.

Penggunaan automasi dan mekanisasi yang digunakan juga dapat mengurangkan kebergantungan sektor perladangan kepada tenaga buruh terutamanya pekerja asing di mana pada masa ini memang sedikit tinggi Tuan Yang di-Pertua. Beberapa mekanisasi sektor perladangan getah telah diperkenalkan antaranya seperti berikut, mesin menanam pokok dan mesin mengisi tanah di dalam *polybag* iaitu *Soffell*, sebuah mesin yang dapat mengurangkan kebergantungan tenaga kerja dalam menanam pokok getah dan mengisi tanah ke dalam *polybag-polybag* dan satu lagi adalah i-klon iaitu satu *software* yang dapat memperkenalkan klon-klon getah dan ini dapat mengurangkan masalah kekurangan

tenaga kerja ataupun tenaga pakar untuk memastikan klon-klon yang diberikan kepada pekebun kecil adalah tulen dan berproduktiviti tinggi.

Selain daripada itu, Lembaga Getah Malaysia juga dalam peringkat akhir untuk mengkomersialkan, dengan izin, *Automatic Rubber Tapping System* (ARTS) iaitu sejenis mesin perahan automatik yang dapat menoreh getah pada waktu yang telah diaturcara ataupun dijadualkan dan secara automatik dengan menggunakan tenaga solar. Ini secara langsung akan dapat juga mengurangkan keperluan tenaga buruh bagi aktiviti penorehan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala dalam sektor perladangan sawit pula beberapa mekanisasi telah diperkenalkan untuk mengurangkan penggunaan tenaga kerja seperti peralatan penuai sawit bermotor yang dikenali sebagai Cantas sebagai alternatif kepada kaedah manual yang menggunakan galah dan sabit. Alan ini dapat membantu kecekapan penuai untuk menuai buah tandan sawit dan melalui kajian MPOB ini telah dapat meningkatkan produktiviti pekerja pada kadar 60 hingga 70 peratus dan mengurangkan keperluan pekerja pada kadar 40 hingga 50 peratus.

Seterusnya beberapa buah jentera untuk memudahkan pengangkutan buah sawit di ladang juga telah diperkenalkan. Jentera pengangkut dalam ladang termasuk jentera kompak serban guna lebih efisien untuk kawasan yang sukar seperti tanah gambut dan sebagainya. Jentera-jentera seperti *Grabber* dengan izin, Beluga, mini traktor, badang dan motosikal treler telah terbukti berjaya meningkatkan produktiviti dan pada masa yang sama mengurangkan bilangan tenaga pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim bin Mohamad Yusof telah bertanya tentang usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan dan menstabilkan harga komoditi serta usaha untuk memperkasakan dan meningkatkan daya saing industri sawit dan getah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit dan getah merupakan industri yang berorientasikan *export* yang mana pergerakan harga kedua-dua komoditi ini banyak bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dan permintaan dari negara-negara pengimport utama. Bagi meningkatkan dan menstabilkan harga komoditi sawit dan getah, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah antaranya mengambil pendekatan seperti berikut:

- (i) meningkatkan penggunaan domestik produk-produk sawit. Untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit di pasaran tempatan, kementerian telah melaksanakan program Biodiesel B7 mulai November 2014 di seluruh negara. Sebelumnya menggunakan B5 Yang Berhormat. Ini adalah untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit serta mengurangkan stok bagi memberi impak yang positif kepada harga minyak sawit mentah;
- (ii) meningkatkan permintaan dengan memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baru. Pihak kementerian giat menjalankan aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan di luar negara melalui penyertaan dalam pameran-pameran ekspo perdagangan dan misi-misi teknikal bagi mempromosi dan meningkatkan tahap kesedaran

tentang kebaikan produk sawit keluaran Malaysia. Selain daripada itu, pihak kementerian juga berusaha bagi meningkatkan akses pasaran dan seterusnya meningkatkan penggunaan minyak sawit di kalangan pengguna negara-negara pengimport melalui perundingan, perjanjian perdagangan bebas dua hala dan perundingan pelbagai hala dan serantau; dan

- (iii) mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D, dengan izin, serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran sawit. Bagi memastikan sektor sawit terus berdaya saing di pasaran minyak dan lemak antarabangsa, aktiviti R&D, dengan izin, tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit dan penghasilan produk nilai tambah tinggi untuk pasaran-pasaran eksport.

Manakala bagi sektor getah pula Tuan Yang di-Pertua, perlu diketahui bahawa negara Malaysia pengeluar keenam terbesar getah asli dunia dan menyumbang hanya dalam 5.7% daripada jumlah penawaran getah asli dunia. Maka itu negara Malaysia tidak boleh secara bersendirian mempengaruhi harga getah di pasaran dunia. Di bawah kerangka dengan izin, *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan negara Malaysia, Indonesia dan Thailand kerjasama pengukuhan harga getah telah dibincangkan pada akhir bulan Februari 2015. Dalam hal ini ketiga-tiga negara telah bersetuju untuk memperkukuhkan langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan penggunaan getah asli dalam negara pada kadar 10% setiap tahun;
- (ii) bertukar-tukar maklumat hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk getah baru; dan
- (iii) berdialog dengan negara Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam (CLMV) dengan izin, untuk bekerjasama dengan negara ITRC tadi bagi memperkukuhkan harga getah. Ini adalah kerana negara-negara ITRC dan CLMV tadi, yang empat buah negara tambahan tadi, akan menghasilkan 77.2% pengeluaran getah asli dunia. Maka, apabila pengeluaran besar, pengaruh itu ada sedikit kesannya lebih nampak daripada negara ITRC yang tiga buah negara sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi, sekian antara isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasaan Titah Diraja 2015 yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini dan saya bagi pihak kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Saya maklum ada pandangan-pandangan dan celahan yang bukan dalam ucapan induk Ahli-ahli Yang Berhormat, yang akan turut diberikan perhatian setiap yang dibangkitkan oleh pihak kementerian ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1810

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman, Kementerian Dalam Negeri telah bersetuju untuk bertukar giliran dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Oleh itu, saya ingin menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mula menjawab. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih banyak-banyak, setinggi-tinggi penghargaan kepada 11 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun menyentuh isu-isu dan juga memberikan cadangan serta saranan berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Antara Yang Berhormat, 11 Yang Berhormat tersebut Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar; Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan; Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff; dan Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Saya akan menjawab kepada setiap soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dalam perbahasan beliau pada 13 hari bulan yang lalu iaitu isu pemilikan rumah dan penawaran masih jauh lagi daripada penyelesaian dan pemantauan ke atas pelaksanaan mesti dilakukan secara konsisten, antara isu yang telah pun dibangkitkan. Saya ingin menjawab kepada persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri iaitu bersama sekali dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han, yang membangkitkan tentang kuota pembinaan rumah kos rendah dan sederhana serta kuota pemilikan rumah yang ditetapkan oleh pemaju dan pemaju swasta.

Untuk makluman kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kuota penyediaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah ini Tuan Yang di-Pertua dan juga kuota pemilikan

Bumiputera oleh pemaju, itu adalah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tuan Yang di-Pertua, tidak terlibat ke atas mana-mana peruntukan kuota dan ke atas mana-mana pelaksanaan kuota yang telah pun diletakkan bagi pemilikan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang mana keputusan itu dan ketetapan itu dibuat oleh kerajaan negeri.

Penguatkuasaan bagi pemaju yang ingkar dalam melaksanakan kuota tersebut juga bergantung pada keputusan-keputusan yang telah pun diletakkan, keputusan-keputusan yang telah disyaratkan oleh kerajaan negeri kepada pemaju. Tindakan akan dikenakan kepada pemaju yang tidak menyediakan kos rendah, kos sederhana rendah ini juga tertakluk kepada keputusan iaitu dasar perumahan negeri dan tertakluk ke atas keputusan yang dibuat oleh kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua. Jemput Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, kita sedar bahawa *land is the state matter*, dengan izin. Akan tetapi yang kita hendak tahunya ialah setakat manakah kerjasama yang diberikan oleh kerajaan-kerajaan negeri terhadap sasaran negara untuk mencapai bilangan rumah sederhana yang boleh dibeli oleh rakyat. Kalaulah sebegini kedudukannya, bilakah masa kita akan mencapai kejayaan untuk membina rumah-rumah ini kalaulah kerjasama itu tidak tercapai di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri? Tidakkah kerajaan-kerajaan negeri pun hendak memberi kerjasama untuk mendapat sasaran yang kita mahu. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri. Kementerian- Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri tadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan. Kementerian telah pun membentangkan satu nota makluman mengenai isu penjualan kuota unit bumiputera di Mesyuarat Majlis Perumahan Negara pada 16 Disember 2014 Tuan Yang di-Pertua, bagi memberikan gambaran mengenai senario keseluruhan dan juga cabaran yang dihadapi mengenai penjualan unit-unit kuota bumiputera ini di negeri-negeri.

Majlis Perumahan Negara bila dibentangkan nota tersebut Yang Berhormat Senator Tan Sri, Majlis Perumahan Negara telah pun meminta supaya kementerian memperincikan dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada Majlis untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang akan ditetapkan pada masa yang terdekat ini. Jadi apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri tadi, telah pun diambil kira dan akan dimasukkan juga dalam cadangan yang akan dikemukakan oleh kementerian untuk dibentangkan kepada Majlis Perumahan Negara. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian tidak ada halangan terhadap mana-mana program perumahan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Seperti juga yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim iaitu Program Perumahan Komuniti

Rakyat Johor contohnya, dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Johor dan ada juga dilakukan di negeri-negeri yang lain. Jadi tanggungjawab untuk menyediakan rumah mampu milik ini Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat, dia bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada kerajaan di peringkat pusat, ia bukan sahaja menjadi tanggungjawab pada Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian KPKT.

Bukan sahaja menjadi tanggungjawab kepada SPNB di bawah Kementerian Kewangan ataupun PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi, dia juga menjadi tanggungjawab bersama dengan pihak kerajaan negeri. Maknanya, tanggungjawab untuk menentukan supaya rakyat yang ada di negeri itu mampu memiliki rumah mampu milik boleh dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ini Tuan Yang di-Pertua, bagi memenuhi permintaan rumah yang semakin tinggi.

Mekanisme pelaksanaan sesuatu program bagi kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan mungkin berbeza. Antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan Majlis Perumahan Negara supaya apa juga perbezaan-perbezaan di antara Kerajaan Persekutuan melalui kementerian, melalui juga kementerian-kementerian yang lain seperti yang saya sebutkan tadi, SPNB di bawah Kementerian Kewangan, PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri yang juga menjadi keahlian kepada Majlis Perumahan Negara, di samping jemputan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk dibincangkan secara khusus perkara yang berkaitan dengan menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat yang kurang berkemampuan dan sebagainya.

Sungguhpun begitu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian KPKT akan senantiasa mengkaji dan meneliti kaedah-kaedah yang terbaik ini termasuklah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator-Senator dalam Dewan Negara ini, supaya tanggungjawab utama ialah untuk memberikan keperluan dan menyediakan keselesaan kepada rakyat dengan menyediakan rumah mampu milik.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad iaitu berkaitan dengan bantuan kewangan kepada PBT dalam pengurusan urusan yang berkaitan dengan sisa pepejal. Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak tahun 2011, Kerajaan Persekutuan telah pun mengambil alih perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dari negeri termasuk pembersihan awam di 7 buah negeri Tuan Yang di-Pertua iaitu Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Bagi negeri-negeri yang telah pun menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam [Akta 672], perjanjian *tripartite* di antara Kerajaan Persekutuan syarikat konsesi dengan pihak berkuasa tempatan dengan jelas telah pun menyatakan tanggungjawab-tanggungjawab dan juga peranan yang perlu dilaksanakan bukan sahaja oleh Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, malah di peringkat pihak berkuasa tempatan.

■1820

Dalam menjayakan pengambilalihan ini untuk memastikan bayaran sumbangan dapat dibuat sepenuhnya bagi melancarkan lagi usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap dan kualiti kebersihan

daripada segi operasi, pengurusan sisa pepejal di negara kita. Maka bagi tujuan itu Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tempatan membayar tunggakan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam kepada *Solid Waste Corporation* ataupun nama singkatan SW Corp. Kerajaan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah pun memberikan bantuan kewangan bagi melaksanakan pengambilalihan secara interim perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada mana-mana PBT di tujuh negeri yang telah pun saya sebutkan tadi yang mempunyai kutipan cukai taksiran kurang daripada RM10 juta setahun bagi tujuan pengurusan sisa pepejal.

Tuan Yang di-Pertua sehubungan dengan itu setiap pihak berkuasa tempatan harus melaksanakan pengurusan kewangan yang lebih mampan untuk memberi keutamaan kepada bayaran perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah pun diberikan. Ini kerana pihak berkuasa tempatan hanya perlu membayar 40% sahaja daripada jumlah keseluruhan kos perkhidmatan yang diberikan, manakala 60% lagi ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan melalui kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menyarankan supaya setiap PBT prihatin terhadap isu tunggakan ini, hutang mesti dibayar. Kalau tidak dapat bayar sekali gus, bayar secara beransuran, ada mekanisme yang boleh dirunding cara bersama-sama. Ini supaya apabila itu dilakukan dapat menjamin aliran kewangan dan memastikan perkhidmatan tidak terjejas.

Seterusnya saya beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya Mat Ghani. Tuan Yang di-Pertua- ha ada, saya baru hendak bercakap. Dari sini sudah nampak.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya, pada masa ini bagi mencapai objektif perumahan mampu milik, kerajaan telah pun menyasarkan, ini termaktub dalam manifesto Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas untuk menyediakan perumahan sebanyak satu juta kepada rakyat jelata di Malaysia ini. Menyasarkan pembinaan satu juta unit rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun, yang bukan sahaja melibatkan peranan dan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh kerajaan semata-mata. Bukan melalui Jabatan Perumahan Negara, bukan melalui SPNB sahaja, bukan melalui PR1MA termasuk juga perumahan yang akan dibina oleh kerajaan-kerajaan negeri dan juga perumahan yang akan dibina oleh kementerian-kementerian yang lain termasuk KKLW, penyediaan rumah PPRT dan bersama-sama dengan pemaju-pemaju syarikat swasta.

Bagi perancangan lima tahun tersebut kementerian KPKT telah pun menyasarkan sebanyak 60,789 unit rumah untuk disiapkan Tuan Yang di-Pertua, di mana sejumlah 11,964 unit rumah telah pun disiapkan manakala 48,825 lagi unit rumah masih dalam peringkat kepelbagaian sama ada peringkat perolehan, pembinaan dan juga bergantung kepada kelulusan peruntukan yang akan diluluskan oleh EPU dan Jabatan Perdana Menteri. Ya, jemput Yang Berhormat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Di Kuala Lumpur saya hendak beritahu, di Wilayah Persekutuan kita ada lebih kurang 60,000 permohonan hendak rumah tetapi sampai sekarang masih belum dapat dipenuhi kerana masalah-masalah rumah tidak ada dan sebagainya. Di Kuala Lumpur juga di kawasan saya, banyak naik kondominium-kondominium mewah yang tidak mampu dimiliki oleh rakyat yang kebanyakannya berpendapatan bawah pada RM3,000 sebulan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mekanisme dan cara selain daripada itu ada juga pemaju-pemaju di dalam kawasan Parlimen Batu ini yang dulunya berjanji untuk membina rumah mampu milik ataupun rumah-rumah kos rendah untuk rakyat? Akan tetapi sampai sekarang bayang pun tidak nampak. Jadi saya hendak minta, apakah tindakan kementerian ke atas pemaju-pemaju yang ternyata berbohong sampai ke hari ini? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Yang Berhormat kerajaan sedar bahawa keperluan perumahan ini yang paling kritikal ialah dalam kawasan bandar, dalam kawasan bandar. Bukan bandar kecil sahaja termasuk bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Maka kerana itu tiap-tiap kementerian sudah ada kumpulan sasarannya Tuan Yang di-Pertua.

Contoh kalau ada keperluan kepada mereka yang bertanggung gaji, *threshold income*, dengan izin, keluarga RM750 maknanya miskin tegar, itu akan terletak di bawah tanggungjawab kementerian KKLW. Dapatkan tanah kerajaan bina rumah PPRT yang bernilai RM41,000 untuk diberikan kepada mereka yang berdaftar dalam eKasih. Kepada mereka yang mempunyai pendapatan sehingga RM3,000, datang perumahan yang dibangunkan oleh pihak SPNB Tuan Yang di-Pertua, Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia yang bernilai RM65,000, RM108,000, RM128,000. Selain daripada rumah aspirasi, rumah idaman dan sebagainya yang sesuai dengan tangga gaji di antara bawah daripada RM3,000 dan yang lain itu RM3,000 hingga RM6,000.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, PR1MA menyediakan perumahan di bandar-bandar besar Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. PR1MA ini tanggungjawab dia membina perumahan di bandar-bandar dan di kawasan luar bandar, di kawasan yang berhampiran pinggir bandar, itu tanggungjawab kementerian.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta laluan sekali lagi. Minta maaf. Masalah PR1MA ini kita tahu PR1MA banyak membina rumah di kawasan-kawasan bandar tetapi harganya RM400,000. Betul atau tidak RM400,000 saya pun tidak jelas. Akan tetapi harga lebih kurang macam itulah, yang sudah tentu tidak mampu untuk dimiliki oleh orang *graduate* yang baru kerja, yang agak memang sukar untuk memilikinya. Jadi, apakah alternatif pilihan lain yang boleh kementerian adakan, laksanakan untuk membolehkan mereka yang benar-benar perlu untuk memiliki kediaman di kota raya ini? Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat rumah PR1MA ini maksimum RM400,000. Dia daripada RM100,000 hingga RM400,000. Yang Berhormat Senaotr, RM100,000 hingga RM400,000. Maknanya kumpulan sasar dia itu masih lagi dapat diberikan kemudahan perumahan terutama di kawasan bandar besar. Selain daripada itu, selain daripada kuota pembinaan yang saya sebutkan tadi, macam mana hendak bantu mereka yang baru sahaja bekerja, pendapatan antara RM3,000 mungkin hingga RM6,000.

Di bawah kementerian KPKT Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pembinaan rumah PPR bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah dan rumah ini- rumah PPR dia ada dua. Satu dimiliki makna kita jual dan satu lagi untuk sewaan. Sewa sebanyak RM124 Yang Berhormat Senator tiap-tiap bulan, yang dimiliki kita jual. Walaupun kosnya antara RM140,000 hingga RM160,000, kita jual pada kadar RM35,000 di Semenanjung, RM40,000 di Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi kementerian telah pun membuat dasar Yang Berhormat Menteri lebih berminat menyediakan rumah-rumah PPR ini untuk transit sementara. Maknanya sementara mereka duduk dalam lingkungan pendapatan bawah RM3,000 bolehlah memiliki rumah PPR yang dibangunkan oleh Jabatan Perumahan Negara dengan keluasan 700 kaki persegi, tiga buah bilik, dua buah bilik air dengan lain-lain keperluan yang ada. Kita harap apabila mereka berada di rumah PPR yang dibangunkan oleh Jabatan Perumahan Negara di kementerian KPKT ini Tuan Yang di-Pertua, *after that*, dengan izin, selepas itu mereka boleh buat pilihan kepada rumah-rumah yang disediakan, contoh SPNB yang saya sebutkan tadi dan contoh di bandar PR1MA antara RM100,000 hingga RM400,000. Boleh *migrate*, boleh beralih kepada rumah yang lebih selesa dengan keluasan yang lebih selesa.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah kementerian KPKT kerajaan telah pun memperuntukkan peruntukan sebanyak RM300 juta bermula daripada tahun yang lepas dan ucapan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun ini diberikan lagi kemudahan peruntukan sebanyak RM300 dan RM300 ini Tuan Yang di-Pertua ialah menyediakan kemudahan subsidi dalam bentuk *upfront* atau 10%, dengan izin, yang perlu dibayar oleh pembeli (*purchaser*) kepada mana-mana projek perumahan yang dibangunkan oleh syarikat swasta. Kita ada dua skim.

■1830

Skim pertama dinamakan Skim MyHome 1, Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya, Skim MyHome 1. Harga rumah antara RM80,000 hingga RM120,000 dengan keluasan 800 kaki persegi. Bagi mereka yang berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000. Tadi yang bawah RM3,000 format PPR yang berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000 boleh mendaftar kepada mana-mana pemajuan perumahan yang dibuat yang berdaftar dengan Jabatan Perumahan Negara boleh buat pilihan yang mana hendak.

Kalau Skim MyHome 1 yang saya sebut rumah antara RM80,000 hingga RM120,000 800 kaki persegi tangga gaji keluarga ialah RM3,000 hingga RM4,000. Bagi Skim MyHome yang ke-2, Tuan Yang di-Pertua rumah berharga RM120,001 sehingga RM200,000 tetapi dalam konteks Kuala Lumpur ini, Tuan Yang di-Pertua, Menteri bersetuju menaikkan kadar RM120,001 kepada RM300,000 bagi Kuala Lumpur,

yang ini keluasan 850 kaki persegi Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang berpendapatan RM4,001 sehingga RM6,000.

Jadi, apa yang saya hendak jelaskan di sini Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, kerajaan merancang pembangunan sama ada dia PR1MA, SPNB, Jabatan Perumahan Negara, termasuklah memberikan sokongan kepada rakyat yang jadi pembeli kepada mana-mana projek yang dibangunkan oleh pemaju di bawah Skim *MyHome* satu, Skim *MyHome* dua seperti yang saya jelaskan tadi Tuan Yang di-Pertua. Memberikan ruang kepada rakyat untuk memiliki rumah.

Kalau Skim *MyHome* satu dan Skim *MyHome* dua itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberikan peruntukan sebanyak RM30,000 bagi setiap pembeli yang dimasukkan dalam HDA akaun pembeli masing-masing. Di Semenanjung jumlah yang saya sebutkan tetapi bila di Sabah dan Sarawak bagi Skim *MyHome*, sebuah rumah bernilai antara RM90,000. Mula dengan RM90,000 sehinggalah kepada RM150,000. Jadi, ia ada di antara Semenanjung dengan kawasan Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Jemput. Jemput.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Kalau dulu saya dengar dengan teliti penerangan Yang Berhormat Menteri. Kalau dulu di Kuala Lumpur, ramai rakyat di Kuala Lumpur ini dapat menyewa rumah-rumah yang didirikan oleh DBKL dan mereka juga dapat sewa beli. Jadi, adakah kementerian khususnya PR1MA akan mengadakan skim yang sama dengan *grace period*, dengan izin yang lebih panjang daripada yang diberikan oleh DBKL. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ini jawab secara umum ya Yang Berhormat tentang SPNB dan PR1MA kerana ia bukan dalam kementerian saya. Akan tetapi saya bolehlah jawab sikit-sikit, mungkin agaknya nanti bila Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri mungkin Yang Berhormat boleh tanya dengan lebih *detail* lagi.

Ada skim baru untuk tahun 2015, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet ada konsep *rent-to-own*, maknanya sewa beli rumah PR1MA. Rumah PR1MA ada konsep *rent-to-own* sewa beli tetapi untuk kementerian KPKT Yang Berhormat, buat masa ini belum lagi kita ada cadangan untuk kita laksanakan konsep sewa beli ini. Akan tetapi kementerian akan kaji kerana Yang Berhormat Menteri pun telah bincangkan perkara ini banyak kali tentang konsep sewa beli untuk kita bawa balik kepada kerajaan, kepada Kabinet untuk dipertimbangkan. Ya, Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani yang telah pun mencadangkan supaya kerajaan melihat semula kepada perumahan-perumahan lama untuk dibangunkan semula dengan pembinaan rumah mampu milik yang baru bagi memberi keselesaan kepada rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak ada halangan dan bersiap sedia

mengkaji dan memperhalusi cadangan yang baik ini. Untuk kita bawa bersama dengan perbincangan yang perlu dilaksanakan dengan kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Wilayah Persekutuan kerana Kuala Lumpur ialah di bawah pemantauan Kementerian Wilayah Persekutuan. Tidak ada halangan, ini satu cadangan yang baik. Sekiranya perlu lepas kita halusi cadangan ini. Kita akan bawa cadangan ini kepada mesyuarat Majlis Perumahan Negara Tuan Yang di-Pertua. Jemput Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Masalahnya, Menteri memberitahu kepada kita Ahli-ahli Dewan mengatakan kementerian tidak ada masalah, boleh bincang dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, boleh berbincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan. Peringkat perbincangan tetapi apa yang berlaku di bawah sana sehingga hari ini ia telah berlaku. Rumah Seri Negeri Sembilan akan dirobohkan dan akan dinaikkan dengan rumah yang berharga mahal, itu yang berlaku hari ini.

Menteri cakap, baru hendak berbincang tetapi orang kampung, orang di Seri Negeri Sembilan dan orang kawasan Sentul sudah riuh. Kononnya tapak rumah mereka telah diberi kepada pemaju untuk dibangunkan semula dengan harga yang begitu mahal. Jadi, saya minta komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Yang Berhormat Senator, ini soal tanah. Kalau tanah itu dia tanah bermilik dan sebagainya. Ada tuan tanah bermilik kecuali kalau ceroboh. Kalau tanah ceroboh kerajaan negeri mempunyai berkuasa.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Ia bukan tanah bermilik. Tanah itu rumah PA atau rumah perumahan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekarang ini yang berumur lebih kurang 30 tahun ataupun 40 tahun dan dah lama. Rumah sebuah bilik seluas 500 kaki, 600 kaki persegi dan sekarang pemaju mendapat *order* dari Dewan Bandaraya ataupun dari mana-mana, saya tidak tahu. Apa yang menjadi masalahnya kecoh rakyat di bawah sana, hendak dibangunkan rumah yang begitu mahal. Ini menjadi masalah kepada rakyat dan juga masalah kepada saya. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat takut saya tengok. Saya tahu perkara ini perkara yang serius bagi Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Akan tetapi Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani, apakan dayanya tidak dapat ku jawab dengan jelas kerana perumahan awam Kuala Lumpur ini di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, *to be fair to me, anything about* Kementerian KPKT, *in shaa-Allah* tidak ada masalah.

Jadi, saya hendak menasihatkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani oleh sebab ia merupakan satu perkara yang serius, perumahan awam Kuala Lumpur diambil alih oleh pemaju untuk dibangunkan, saya hendak menasihatkan Yang Berhormat apabila Kementerian Wilayah Persekutuan berbahas nanti Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani bolehlah bangkitkan. Ya Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat. Minta maaf banyak-banyak. Bukan tidak mahu jawab tetapi bukan bawah *jurisdiction* Kementerian KPKT. Minta maaf Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebutkan tadi kita hendak bangunkan perumahan-perumahan lama ini. Saya sudah sebut tiada halangan, satu cadangan yang baik dan kita bawa cadangan ini untuk dipertimbangkan oleh Majlis Perumahan Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya terus beralih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Geleng kepala pula Yang Berhormat Senator [Ketawa] Yang Berhormat ada mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan wujudkan kerjasama dengan kerajaan negeri dalam membangunkan rumah mampu milik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar, Kerajaan Persekutuan tidak ada masalah dan sentiasa bersiap sedia. Sentiasa akan membuka ruang untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk meningkatkan lagi jumlah penawaran rumah mampu milik kepada rakyat. Kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri akan membantu melancarkan apa juga perancangan projek perumahan mampu milik yang hendak kita laksanakan. Cuma satu Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar yang saya minta, kerajaan tidak ada masalah, kalau peruntukan datang kepada Kerajaan Pusat, tidak ada masalah.

Masuk dalam perancangan tahun depan bermula Rancangan Malaysia Kesebelas, masuk dalam perancangan, keutamaan diberikan, cadangan-cadangan diberikan oleh kerajaan negeri dan dalam waktu yang sama kerajaan negeri sediakanlah tapak-tapak untuk cadangan-cadangan yang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, ini kerana ada sesetengah negeri apabila dicadangkan PPR, kerajaan peruntukan dalam bajet tahunan untuk kita bina PPR dan bila duit peruntukan sudah ada, tanah pula yang jadi masalah.

Ada juga sesetengah kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua, tanah sudah ditetapkan, sampai bila duit peruntukkan hendak bawa turun tukar lagi tapak. Jadi, saya harap kerajaan negeri konsisten, buat ketetapan daripada awal, kenal pasti tapak untuk dibangunkan kemudahan-kemudahan untuk rakyat. Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar hendak tanya? Jemput.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih atas jawapan yang diberikan, saya rasa legalah. Hanya satu perkara yang saya hendak timbulkan di sini yang amat penting, saya sedar bahawa sebidang tanah telah dibeli oleh Kerajaan Pusat di kawasan Ayer Hitam daripada mendiang estet Chong Lai Hock dan kalau saya tidak salah ini terlibat dengan 1MDB.

■1840

Tanah yang dibeli di sana, kalau saya tidak salah, tiga atau empat bidang itu, mempunyai pelbagai masalah dan masalah yang paling teruk ialah soal *legal encumbrance*, dengan izin. Begitu banyak bangunan ada di situ, begitu banyak rumah kadangkala rumah setinggan, ada juga kawasan-kawasan tertentu yang digunakan untuk tanaman, maka, saya difahamkan tanah itu diberi untuk perumahan. Akan tetapi macam manakah Kerajaan Pusat boleh memulakan projek perumahannya jika Kerajaan Pusat telah beli tanah seperti ini? Dengan izin, *how do you solve the problem legal encumbrance, which even the state government cannot solve?* Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, 1MDB bukan di bawah kementerian saya. Nanti marah tuan dia kalau saya jawab. Jadi nanti bila 1MDB, Kementerian Kewangan menjawab nanti, Yang Berhormat bangkitkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: 'Abang Arau' akan jawab. Yang Berhormat bangkitkan, nanti Yang Berhormat Arau bersiap sedia untuk menjawab tentang pembelian tanah tersebut, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada seterusnya iaitu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad yang bertanya usaha kerajaan untuk tingkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal di negara. Untuk makluman Yang Berhormat, langkah meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal di negara ini telah diambil alih oleh kementerian. Saya sudah sebut tadi dalam jawapan yang lebih awal dan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan sudah diterbitkan, sudah dijadikan dokumen rujukan utama kerajaan sama ada kerajaan di peringkat negeri ataupun di peringkat persekutuan, Tuan Yang di-Pertua dalam merancang dan membangunkan sistem pengurusan sisa pepejal. Ini kerana apa pun, pihak Kerajaan Persekutuan melalui kementerian akan tetap berbincang dengan kerajaan negeri walaupun kuasa itu di atas tujuh buah negeri telah dipindahkan kepada Kerajaan Pusat.

Melalui pelan ini, konsep *waste management hierarchy*, dengan izin diperkenalkan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal. *Waste management hierarchy* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan senarai keutamaan bagi pelaksanaan aktiviti di dalam sistem pengurusan sisa pepejal, bermula dengan kitar semula diikuti dengan rawatan dan akhir sekali ialah pelupusan. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun mengadakan *lab* pengurusan sisa pepejal yang diadakan pada 26 Mac 2012 sehingga 13 April 2012 yang dihadiri oleh semua wakil kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan pihak swasta. Objektifnya ialah untuk membincangkan secara holistik mengenai pengurusan sisa pepejal negara dengan mengambil kira isu-isu yang berkaitan dengan teknologi terkini, sumber kewangan, faktor ekonomi, lokasi dan juga jenis serta saiz kemudahan yang perlu dihasilkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, *lab* pengurusan sisa pepejal ataupun kita panggil Pengurusan Sisa Pepejal (PSP) ini juga akan diadakan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, untuk kali kedua, sesuai dengan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal yang telah pun dilancarkan dan kali kedua ini akan diadakan pada Mei, bulan depan 2015 yang akan membincangkan mengenai pelaksanaan isu semasa pengurusan sisa pepejal. Kalau Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid hendak hadir sama, tidak ada masalah. Saya akan jemput untuk turut serta dalam *lab* pengurusan sisa pepejal tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid, kementerian juga pada masa ini sedang menjalankan kajian kemungkinan kemudahan pengurusan sisa pepejal di beberapa buah negeri bagi mengenal pasti lokasi, jenis kemudahan yang sesuai dibina dan juga untuk mengenal pasti tapak-

tapak sedia ada yang perlu ditutup secara *safety closure* kerana mencemarkan alam sekitar dan juga mencapai jangka hayat yang pendek. Hasil kajian ini juga akan digunakan untuk menyemak kembali kepada pelan strategik yang telah pun saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada persoalan yang dibangkitkan sekali lagi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid. Terima kasihlah Yang Berhormat, aktif betul. Yang Berhormat bertanya dengan saya mengenai program kementerian dalam menceriakan, meningkatkan kebersihan di bandar-bandar di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun memulakan program menceriakan kawasan melalui pelaksanaan Tuan Yang di-Pertua, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), *My Beautiful Neighbourhood - MyBN*, dengan izin, dan *My Beautiful Malaysia - MyBM*, dengan izin.

Program MyBN ini Tuan Yang di-Pertua, memberikan fokus kepada perumahan awam, merangkumi penyelenggaraan bangunan, menaik taraf infrastruktur kemudahan, naik taraf landskap dan projek pengindahan dan Program Bandar Selamat, rondaan keselamatan, pembersihan kawasan, program transformasi sosial. Kementerian turut memberikan fokus kepada penyelenggaraan rumah kos rendah yang dibina oleh syarikat swasta yang sudah berusia sepuluh tahun ke atas dengan memberikan peruntukan untuk penyelenggaraan termasuk penyelenggaraan kuarters kerajaan, membaik pulih, menaik taraf tandas awam di PBT melalui program My Beautiful Malaysia ini. Semenjak tahun 2012 hingga 2014 Tuan Yang di-Pertua, melalui program MyBN ini tadi, sebanyak 48 perumahan awam yang melibatkan 25 pihak berkuasa tempatan telah pun dinaiktarafkan dan diceriakan dan bagi tahun 2015, akan diperluaskan lagi kepada 18 perumahan awam yang melibatkan 11 pihak berkuasa tempatan.

Manakala bagi program MyBM tadi, My Beautiful Malaysia, sebanyak 60 buah lokasi perumahan kos rendah Tuan Yang di-Pertua, 110 buah kuarters kerajaan dan 389 buah tandas akan diselenggara dan dinaik taraf pada tahun 2015 ini. Tujuan utama kedua-dua MyBN dan MyBM ini adalah untuk mengubah persekitaran, kejiranan perumahan yang tidak terurus kepada persekitaran yang indah seperti Yang Berhormat cadangkan. Kedua, mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih, indah dan mampan. Ketiga, mewujudkan perasaan cinta persekitaran kejiranan dalam kalangan penduduk setempat dan yang keempat, yang paling penting, menjadikan tandas-tandas awam di seluruh kawasan pihak berkuasa tempatan di seluruh Malaysia bersih, selesa, selamat dan ceria.

Bagi menangani isu rumah pangsa kos rendah Tuan Yang di-Pertua, yang tidak diselenggarakan dengan baik, berada dalam keadaan yang uzur, kementerian telah memperkenalkan dua program, Yang Berhormat. Satu, Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi menguruskan rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan. Kedua ialah program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia bagi kita menyelenggarakan, membantu naik taraf, membangkitkan keindahan kepada mana-mana rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang dibuat oleh syarikat swasta yang telah berusia sepuluh tahun ke atas.

Pada tahun 2014, sejumlah RM25.8 juta telah pun dibelanjakan untuk 59 buah kawasan pemajuan, telah di baik pulih kawasan perumahan yang melibatkan kerja baik pulih lif, tangki air, paip

sanitari, bumbung, mengecat bangunan, tangga dan *handrail* serta pendawaian semula Tuan Yang di-Pertua, termasuklah membaik pulih kerosakan pada harta-harta bersama yang ada dalam kawasan penempatan yang berkenaan. Seterusnya, usaha untuk memastikan perbandaran bersih, ceria, SWCorp sudah menyediakan pelan tindakan bandar bersih kepada semua agensi yang terlibat dalam mencapai bandar yang dipilih di setiap 53 pihak berkuasa tempatan sebagai bandar bersih menjelang tahun 2017. Objektifnya untuk mewujudkan persekitaran kawasan bandar yang bersih dan indah, tingkat kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Oleh itu pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, mengharapkan supaya semua agensi, badan swasta, NGO, persatuan masyarakat dan yang paling penting Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid supaya dapat memberikan kerjasama dan komitmen untuk melaksanakan peranan kita secara bersama, bukan lagi tanggungjawab kerajaan tetapi tanggungjawab kita secara bersama.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang dibangkitkan...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta laluan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Silakan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bandar ceria, bersih dan selamat ataupun *My Beautiful Malaysia*, di mana yang disasarkan, di mana yang kita diutamakan? Adakah Perlis salah sebuah tempat yang pertama ataupun Perlis yang terakhir? Minta penjelasan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Yang Berhormat ini asyik pandang rendah sahaja negeri dia yang kecil. Kecil itulah yang besar Yang berhormat [*Ketawa*] Perlis sahaja satu Majlis Perbandaran Yang Berhormat...

■1850

Seorang Ahli: Betul kah tu...?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Apakah daya saya Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja Perlis- nanti marah pula abang Arau saya

Perlis satu sahaja PBT- Majlis Perbandaran Kangar. Maknanya satu sahaja lah. Kangar Bandar Diraja. Selepas itu Yang Berhormat, kalau ada cadangan, bincang dengan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kangar. Satu PBT, tak payah berebut. Selepas Kangar, ke mana? Cadangkan sahajalah, kita akan masukkan dalam senarai. Okey Yang Berhormat? Lainlah Johor, ada 15 pihak berkuasa tempatan, ya. Okey.

Saya terus kepada perkara yang seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin, isu *gated and guarded neighborhood*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Yang Berhormat meminta supaya kerajaan melihat semula kepada garis panduan berkaitan kerana kesukaran agensi memberikan perkhidmatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa atau pun kita sebut JPBD Semenanjung Malaysia komited pastikan setiap perancangan dan pembangunan yang dirancang kondusif, menarik, mampan dan selesa. Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpendapat dan berpandangan peruntukan undang-undang sedia ada dan juga

garis panduan perancangan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sudah cukup Yang Berhormat dan masih lagi relevan dengan syarat-syarat yang diperlukan dan juga kandungan berkaitan dengan proses dan prosedur pembangunan serta penubuhan skim komuniti berpagar atau *landed strata*, dan skim kejiranan berpengawal. Ini termasuk juga kepada aspek berkaitan kawalan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui JPBD akan menilai semua garis panduan ini dari semasa ke semasa. Kalau saya kata menilai semula, nanti Yang Berhormat mungkin membangkit tanya, asyik menilai sahaja. Menilai dari semasa ke semasa, ikut kepada keperluan yang ada pada hari ini. Sekiranya perlu, kementerian akan tambah baikkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ini.

Saya terus beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim mengenai penetapan kuota penyediaan rumah kos rendah di bawah bidang kuasa- adakah undang-undang membolehkan kerajaan negeri memberikan kebenaran kepada pemaju dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Puan Norliza, penetapan kuota penyediaan rumah kos rendah, kos sederhana rendah, ia adalah bidang kuasa kerajaan negeri, di mana setiap tetapan kuota, penalti dan sebagainya, bina tak bina, mengikut dasar perumahan negeri, ia adalah kuasa kepada kerajaan negeri.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim memaklumkan bahawa kerajaan negeri bercadang hendak tubuhkan Lembaga Perumahan Negeri untuk memantau pengurusan kuota perumahan bumiputera dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian tidak ada halangan, silakanlah. Kita sekarang sudah ada di Melaka, kita sudah ada di negeri Johor, sudah ada di negeri Selangor, sekarang mari pula negeri Kedah. Jadi tidak ada halangan. Kalau dapat ditubuhkan, lebih baik kerana dapat memantau segala urusan yang berkaitan dengan penyediaan rumah mampu milik dan juga lain-lain yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Saya perhatikan Yang Berhormat Senator Koh ini, sepanjang ucapan dia dekat 13 muka surat Tuan Yang di-Pertua, semua berkaitan dengan perumahan semata-mata. Jadi sebab itu jawapan dia ini yang disediakan cukup tebal. Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator Koh Chin Han ada kah? Kalau tak ada Tuan Yang di-Pertua, boleh kah izinkan supaya jawapan ini saya berikan sahaja terus?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Jadi saya boleh jimat masa.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya setuju.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Panjang lagi kah ini? Hampir satu jam ini.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tinggal sedikit sudah. Dua sahaja lagi. Kerana ada 11 orang pembahas Tuan Yang di-Pertua, yang berkaitan dengan soal rumah kediaman kepada rakyat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit bangkitkan berkaitan dengan langkah kawalan kejuruteraan- ini lif ya, Yang Berhormat? Lif.

Saya hendak maklumkan, walaupun pihak berkuasa tempatan pihak berkuasa yang memberikan kelulusan termasuk kebenaran merancang dan sebagainya terhadap mana-mana cadangan pemajuan, tetapi agensi peneraju bagi kawalan spesifikasi penyediaan lif dan eskalator adalah di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di bawah Kementerian Sumber Manusia. Mungkin kalau Yang Berhormat hendak tanya lebih, nanti bila Kementerian Sumber Manusia menggulung, boleh bangkitkan ya.

Okey seterusnya, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul ada? Ada, okey. Yang Berhormat Datuk Lucas membangkitkan tentang isu yang berkaitan dengan kementerian kaji bagaimana cara bantu belia yang masih belum memiliki rumah dan sebagainya.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lucas, pinjaman bank yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lucas ini, Tuan Yang di-Pertua, ia di bawah Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan sudah pun mewujudkan beberapa skim bantuan untuk membantu golongan muda. Contoh, Skim Rumah Pertamaku iaitu yang diumumkan dalam Bajet 2011, membantu golongan muda yang baru bekerja berpendapatan tidak lebih daripada RM5,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama. Itu skim yang disediakan.

Kedua ialah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan juga di bawah Kementerian Kewangan iaitu bagi menjamin kemudahan kewangan yang akan diberikan oleh institusi kewangan kepada mereka yang mahu memiliki rumah.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian, kementerian sedang menghalusi cadangan-cadangan termasuklah dalam jawapan yang lepas yang saya sudah bangkitkan, sudah maklumkan, mengguna pakai lesen pemberi pinjam wang supaya dengan kemudahan itu, mungkin agaknya boleh digubal memberikan kemudahan pinjaman selain daripada institusi-institusi kewangan yang ada.

Untuk belia Yang Berhormat Datuk, Skim Perumahan Belia yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet yang lepas, nanti Yang Berhormat Datuk Lucas boleh bangkitkan kepada Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab menjaga dan menguruskan Skim Perumahan Belia yang telah diumumkan dalam ucapan Bajet.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun membangkitkan banyak perkara, ada yang saya tak boleh jawab secara *detail*. Jadi kalau ada jawapan saya yang tidak begitu menggembirakan dan merangsang Yang Berhormat, maka Yang Berhormat nanti khabarkan sahajalah kepada saya ya. Saya mungkin boleh berikan jawapan yang mungkin lebih panjang yang sesuai dengan cita rasa kita.

Saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan segala cadangan, teguran dan idea yang bernas akan diambil kira oleh pihak kementerian untuk terus

memantapkan lagi tanggungjawab kementerian menyediakan perumahan yang menjadi idaman kepada semua rakyat kita yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Nampaknya Menteri sendiri datang menjawab [Tepuk]

6.58 ptg.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya begitu leka mendengar ucapan dan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita sebentar tadi dan saya rasa saya tidak mampu untuk mengambil peranan yang sama untuk merangsang [Ketawa] Perbahasan kita pada hari ini. Namun begitu, sewaktu petang begini, saya juga ingin cuba untuk menggarap segala perbahasan dan perbincangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali untuk mengucapkan terima kasih kepada yang sudi mengambil bahagian membincangkan perkara yang berkaitan dengan kementerian saya. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada nama-nama Yang Berhormat berikut iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad; Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid; Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad; Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat; Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon; dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, supaya saya tidak menjawab satu persatu, saya cuba untuk menyimpulkan, membahagikan perbahasan ini kepada tiga perkara pokok iaitu yang pertama sekali ialah berkaitan dengan infrastruktur komunikasi, yang kedua berkaitan dengan *content*, isi kandungan dan yang ketiga, ada beberapa perkara yang berkaitan dengan soal penerangan dan juga penjelasan mengenai isu-isu semasa.

■1900

Saya tertarik dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jaspal Singh dalam awal ucapannya menyebut bahawa kita sekarang ini menuju kepada apa yang disebutkan *digital age* ataupun zaman digital dan zaman digital ialah sesuatu yang kita tidak boleh untuk menoleh ke belakang kerana kita telah melangkaui satu zaman baru yang begitu besar sekali ledakannya dan segala-galanya telah mengubah cara hidup kita, cara berfikir kita dan cara kita membuat keputusan yang memerlukan suatu pandangan dan kaedah bersama yang saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat memahami perkara ini.

Sudah tentu juga yang dikaitkan dengan *digital age* ini ialah hasrat negara kita untuk menjadikan masyarakat Malaysia ini sebagai masyarakat yang disebutkan sebagai digital Malaysia yang di mana dalam kehidupannya sudah tidak lari daripada perkara-perkara bukan sahaja soal teknologinya tetapi

tentang soal bagaimana mereka bertindak, membuat keputusan dan menggunakan segala teknologi yang ada.

Jadi satu perkara yang saya kira menjadi hasrat bersama di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat menyedari tentang soal *digital age* ini ialah kita memerlukan infrastruktur yang baik. Kita tidak boleh menerima hakikat sekiranya ada lagi tempat-tempat dalam negara kita yang tidak tersambung, yang tidak dapat dihubungi. Telefonnya tidak berfungsi dan kita menuju suatu lagi perjalanan yang besar. Sebolehnya apa yang disebutkan jalur lebar yang menjadi suatu asas yang penting dalam dunia digital ini, ianya tersambung di mana sahaja kita berada dalam negara kita. Jadi untuk sampai ke matlamat itu, kita melalui suatu proses perjalanan yang jauh. Kalau dahulunya kita bercakap dengan adanya telefon sudah memadai tetapi sekarang ini telefon tidak mencukupi. Kita mahukan telefon yang tidak berwayar, kita sebutkan telefon yang tidak berwayar maknanya menggunakan teknologi mobil yang kita sebutkan sekarang.

Akan tetapi, itu merupakan teknologi asas. Kita rasakan dalam tahun 90-an apabila orang mempunyai sistem telefon mudah alih, ia menganggap suatu perubahan baru kepada teknologi. Kita ingat zaman 010, 011 membawa ATUR itu adalah merupakan suatu yang hebat. Kemudiannya kita pergi ke mobil tetapi menggunakan kaedah digital, itu tadi analog, di mana kemudiannya teknologi itu dipanggil teknologi 2G. Kita hanya berhubung untuk bercakap dan mungkin membuat pesanan ringkas. SMS itu dianggap sebagai suatu yang sudah hebat pada waktu tersebut.

Akan tetapi sekarang ini kita berubah kepada teknologi baru di mana orang bercakap, orang dah kurang bercakap. Orang mahukan supaya segala-galanya dihantar melalui data. Kita menggunakan *Whatsapp*, gunakan *Facebook* dan *Facebook* itu ada dia punya unsur-unsur biasa seperti ada *Messenger*, ada lagi di dalam *Facebook* tersebut kita boleh bercakap, boleh mengambil gambar dan hantar gambar di mana semua orang berpendapat bahawa pada zaman sekarang ini, orang lebih banyak menggunakan data kalau berbanding dengan menggunakan suara.

Maka teknologi lama dipanggil teknologi 2G dianggap sudah tidak begitu bagus, tidak begitu baik kerana orang mahukan penghantaran data yang lebih tinggi, namanya teknologi 3G. Ini perkara ini disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon di mana kemudiannya 3G sahaja tidak mencukupi. Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon seperti saya sebutkan tadi bahawa bukan sekadar dengan menggunakan telefon mudah alih, dia boleh menghantar mesej tadi tetapi orang nak menonton video, orang nak memuat turun filem bukan yang 20 saat pada waktu-waktu pada mula *Youtube* diperkenalkan tetapi filem dua jam boleh ditonton dengan mudah. Maka memerlukan teknologi yang lebih tinggi dipanggil teknologi 4G yang memerlukan kelajuan yang lebih pantas.

Kita akui ada beberapa buah negara yang mahukan lebih pantas lagi dinamakan sebagai teknologi 5G. Sekarang ini dalam dunia sebenarnya tak ada lagi kalau dikatakan suatu yang disebutkan sistem yang dikatakan standard mengikut *benchmark* ataupun piawaian daripada ITU apa itu 5G. Ada dikatakan ia pantas tetapi sekarang ini bukan sekadar pantas, dikatakan *latency*, *latency* maknanya tidak boleh sedikit pun waktu yang dibuang kerana pada zaman yang akan datang, dikatakan bahawa *device*

ataupun peranti, alat yang kita pakai semakin kecil dan ia bersifat *wearable*, yang dipakai. Ertinya jam tangan, ini jam tangan bukan sekadar jam tetapi ada cip di dalam itu kita boleh tahu di mana duduknya dan sebagainya kerana ia disambung dengan GPS dan sebagainya.

Kemudiannya kita pakai sekarang ini sudah dicipta *Google glass*. Cermin mata itu sebenarnya ada skrin yang boleh kita pandu, kita tengok, kita bawa kereta ke mana kita pergi dan bagi doktor, dianggap suatu penemuan yang bagus tetapi oleh sebab cermin mata kita ini kecil, tidak boleh menyimpan data, data perlu disimpan di tempat lain.

Jadi hubungan antara jam kita dengan mata kita ini ke tempat penyimpanan data itu memerlukan suatu saluran paip yang lebih baik. Maka diperlukan teknologi 5G yang disebutkan tadi. Akan tetapi sehingga sekarang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, kenapa kita tak sampai begitu, kerana kita tak tahu lagi. Ia masih di peringkat percubaan, peringkat penyelidikan, apakah yang dimaksudkan teknologi 4G. Namun begitu, apabila teknologi 4G yang ada sekarang ini sudah ditemui, kalau banding dengan negara-negara ASEAN, saya rasa Malaysia adalah antara yang terpentas. Pada awal tahun saya kira tahun 2013, kita sudah mulakan 4G dan sekarang ini sudah 32% dari kawasan dalam negara kita sudah diliputi dengan teknologi 4G.

Ada negara seperti Indonesia misalnya, lesen 4G baru diberikan di hujung tahun lepas. Kita sudah memiliki sebahagian dari bandar-bandar besar kita sudah ada, ertinya kita adalah antara yang cepat daripada segi melaksanakan sistem-sistem yang baru. Jadi kalau nak kata kita terlalu cepat kalau berbanding dengan Korea mungkin kita ke belakang tetapi di kalangan negara-negara ASEAN, kita antara yang tercepat, tolak Singapura mungkin Brunei kerana kedua-dua negara tersebut tidak menuntut kepada kos yang tinggi daripada segi pembinaan infrastrukturnya. Mudah sahaja.

Jadi ini antara perkara yang besar tentang soal teknologi. Jadi, kita juga disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah misalnya tentang beberapa kemudahan asas yang disebutkan yang ada kekurangan misalnya kampung tanpa wayar. Saya akui bahawa ada beberapa kekurangan pada program kampung tanpa wayar. Ada tempat yang tidak mendapat kualiti yang terbaik dan sebagainya tetapi perlu saya sebutkan bahawa konsep kampung tanpa wayar merupakan suatu kaedah sementara. Ia tidak boleh kita bangga suatu masa nanti Malaysia banyak kampung tanpa wayar ataupun *hot spot* merata-rata kerana ia bersifat sementara seperti saya umpamakan sebelum ini, saya katakan projek membuat telefon awam misalnya. Dulu kampung kita, kita rasa bangga kalau ada empat buah telefon awam.

Satu di balai polis, satu dekat hospital, satu dekat klinik, kita bangga. Kita pergi mana-mana stesen bas, kita cari telefon awam. Konsep kampung tanpa wayar ini konsep macam telefon awam dulu. Sementara ada liputan yang luas, kita ada buat *hot spot*. Jadi ini bukan suatu perkara yang merupakan suatu perkara yang perlu dibuat dalam masa yang panjang tetapi apabila liputan ataupun *coverage* kepada signal pemancar itu mencukupi, ia tidak diperlukan lagi di masa akan datang. Jadi ini perlu kita lihat bahawa ia bukanlah suatu yang berterusan. Menjadi hasrat kementerian untuk terlalu memperbanyakkan kampung tanpa wayar ataupun *hot spot* tadi.

■ 1910

Ini adalah antara prinsip kita. Kedua, yang menjadi *concern* ataupun keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan yang disampaikan, saya kira ada empat Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang penyalahgunaan media sosial. Ini adalah antara perkara yang juga menjadi keprihatinan kita.

Bila saya sebutkan tadi tentang soal *digital nation* dan apabila seluruh negara kita ini ataupun seluruh dunia semakin tersambung, maklumat itu bertukar dan bergerak dengan begitu pantas. Ia ada baik dan ada buruknya. Ini tak boleh dinafikan. Ada jalan raya orang boleh guna jalan raya pergi masjid, ada orang boleh guna untuk merompak, orang guna untuk ke kelab malam, ada orang guna untuk jumpa keluarga. Jalan raya itu merupakan medium tetapi matlamat, tujuannya boleh pelbagai. Ia suatu perkara yang sukar misalnya polis hendak tentukan bahawa orang menggunakan jalan raya semua untuk buat kebaikan. Itu satu perkara yang amat sukar. Ada orang boleh gunakan untuk pergi ke tempat yang tak baik, menggunakan untuk tujuan tak baik dan sebagainya.

Oleh sebab itu kalau kita katakan misalnya, kalau kita *google* melalui internet, kita *google* misalnya *how to make explosive*. Bagaimanakah hendak buat bom? Dalam internet kita akan dapat *website* sebanyak 81.9 juta carian yang berkaitan dengan soal cara membuat *explosive* ataupun membuat bom dalam masa 36 saat. Ini yang diuji oleh *team* kami. *How to make an explosive*, dengan izin. Bagaimana untuk membuat senjata pistol atau senapang, *how to make a gun*? Ada 406 juta *site* yang boleh mengajar kita bagaimana hendak buat. Itu boleh dicapai dalam masa 0.5 saat.

Jadi, banyak lagi. oleh sebab itu apabila ada kata bagaimana pandangan mengatakan sekarang ini kita kena *block* tentang IS. Kita kena sekat IS. Ya, mana kerajaan dalam dunia pun termasuk Twitter, termasuk *Facebook*, ini syarikat-syarikat yang besar yang mempercayai tentang soal kebebasan bersuara, tentang soal percaya bahawa dikatakan *neutrality of internet*. Internet itu mesti *neutral* sebagai *dumb pipe*. Dia paip, apa-apa hendak lalu tetapi bila sampai tentang soal keganasan, baik *website*, baik *Facebook*, baik *Twitter*, baik Kerajaan Amerika, baik Kerajaan Australia, baik kerajaan di Eropah, semua tak boleh terima benda ini. Mereka akan cuba *block*. Akan tetapi teknologi satu *block* dia ada sistem bagaimana untuk menggunakan kadar kaedah *robotic* dia boleh *generate* 40,000 lagi *tweet* dalam masa yang singkat. Ini antara perkara yang menjadi cabaran kepada teknologi yang ada sekarang.

Misalnya, kalau kita katakan bahawa hendak cari *google* ISIS Iran, pagi ini kita *check*, kita akan dapat 652 juta *site* ataupun sebutan ISIS. Kalau kita kata hendak tekan ISIS, kita hendak padamkan, ada 652 juta. Misalnya IS Iraq, 577 juta *result* yang boleh diperoleh dalam masa 0.27 *second* ataupun saat. *IS News*, misalnya dapat 6.7 bilion keputusan dalam masa 0.23 saat. Siapa yang hendak duduk depan hendak *start* tengok hendak buang. Nampak IS hendak buang, hendak buang, buang. Ini satu perkara yang menjadi cabaran. Bukan sahaja cabaran kepada MCMC ataupun SKMM di kementerian kami, ini cabaran kepada Kerajaan Amerika, jadi cabaran kepada *Facebook*, menjadi cabaran kepada Kerajaan Australia dan sebagainya. Ini antara cabaran yang terpaksa kita lalui bagaimana untuk mengendalinya.

Jadi oleh sebab itulah apabila pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa memantau perkara ini. Sejak isu IS ini, 95 orang ditangkap. Baru-baru ini 17 orang lagi yang ditangkap yang balik dari Syria, kita rasa kagum. Mereka cuba hendak pantau perkara ini dan undang-undang ditambah lagi seperti POTA dan sebagainya ialah untuk menangani. Perkara ini perkara yang serius, bukan sahaja kita yang terpaksa berhadapan dengan cabaran ini termasuk kerajaan yang menjadi *propagator* kepada internet bebas seperti Amerika, Britain dan sebagainya. Mereka juga berhadapan yang sama. Jadi ini perkara yang perlu kita akui menjadi adalah masalah bersama.

Oleh sebab itulah kita sendiri mengkaji beberapa perkara, beberapa aspek dalam undang-undang, Akta Komunikasi dan Multimedia itu perkara-perkara yang perlu kita perkemaskan lagi. Insya-Allah kita akan bentangkan di dewan yang mulia, kalau tidak hujung tahun ini dan ataupun awal tahun depan, kita akan membuat *engagement* ataupun mengadakan pelbagai perbincangan dengan pelbagai pihak untuk memperkemaskan akta dan undang-undang yang kita ada.

Yang lain-lain itu, Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sama-sama kita dengar tentang apa yang disebutkan oleh Datuk Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebentar tadi, isu kebanyakan kita sama. Hendak rumah murah, banyak, selesa, kalau boleh *free*. Jalan raya lebih baik, hospital yang lebih baik. Ini perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza misalnya tentang isu GST. Semua ini ialah mana-mana kerajaan untuk memberi yang terbaik kepada rakyat, mereka memerlukan dana yang banyak. Kalau negara itu daripada segi ekonominya, tabunganya banyak, maka lebih banyak diberikan kepada rakyat.

Isunya macam mana hendak dapatkan dana? Ya, ada negara yang boleh ditampung dengan pendapatan minyak misalnya tetapi tidak semua negara yang begitu. Ada negara yang membuat pilihan bagaimana untuk mengutip dana ini dengan mengutip cukai yang tinggi. Ada negara seperti Denmark misalnya, Sweden mengutip cukai lebih daripada 50% daripada pendapatan rakyat. Bayangkan kalau kita dikutip cukai 50%. Gaji RM10,000, tetapi RM5,000 kerajaan ambil, sebab duit itu hendak bagi untuk pendidikan, duit itu digunakan untuk kesihatan, buat jalan raya dan sebagainya.

Akan tetapi ada negara pilih cukainya tidak begitu besar tetapi dianggap bahawa orang yang selama ini tidak membayar cukai, tetapi menggunakan kemudahan perlu diambil. Contohnya dalam negara kita ini, tak tahu berapa sebenarnya angka pekerja asing yang datang. Dia dapat pekerjaan, dia menggunakan jalan raya kita, kadang-kadang dia pergi hospital kita, kemudahan ini dia tak bayar cukai. Maka mesti ada satu sistem untuk mengutip cukai kepada semua orang yang mungkin tidak bayar cukai.

Jadi oleh sebab itu GST diperkenalkan dan perkara ini telah diterangkan tetapi sudah tentu cabaran yang dihadapi oleh semua jentera penerangan dan sebagainya pada waktu saat orang menganggap bahawa yang lebih popular ialah dengan kalau ada orang menjanjikan, kalau undi kami, semuanya *free*, tidak ada cukai, semua orang tertarik dan ini cabaran. Oleh sebab itu kalau ditanya berapa banyak RTM mainkan peranan, kita rekod, wah, ada 300 jam telah diperuntukkan untuk terangkan dalam TV. Ada 1,000 jam lebih dalam radio dan sebagainya. Akan tetapi kalau ada orang

turun ke bawah, GST kita tak baik walaupun ada 160 buah negara dunia yang menggunakan sistem ini, dia akan mudah terpengaruh dan orang mudah ambil.

Akan tetapi sudah tentu di peringkat kementerian akan meneruskan bersama dengan Kementerian Kewangan yang mempunyai *strategic communication team* dia akan terus mendidik dan memberitahu rakyat. Akhirnya kebaikan yang diperoleh sekiranya kerajaan mempunyai dana yang lebih baik yang akhirnya dipulangkan kembali kepada rakyat. Sudah tentu di dalam sebuah negara yang membangun dan sebagainya ada lagi satu isu yang disebutkan tentang soal-soal yang berkaitan dengan hiburan misalnya.

Baru-baru ini ada kes di mana orang perempuan, beberapa orang budak perempuan dia naik atas pentas waktu K-Pop, dia tak tahan, tak tahu, dia ciumkah, yang penyanyi cium. Saya tahu ini antara perkara yang perlu kita uruskan, walau ada peraturan, walaupun ada panduan yang diberikan tetapi ada yang terlepas.

■1920

Pihak kementerian di bawah badan bernama PUSPA bukan sahaja memberi amaran, kami mengambil tindakan dengan - Silakan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada yang hendak mencelah.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma tertarik tadi apabila Yang Berhormat Menteri sebutkan tentang kuantiti dari segi penerangan berkenaan dengan GST. Apakah kementerian ada membuat kajian impak terhadap penerangan-penerangan ini? Apa benar-benar memberikan kefahaman, benar-benar *target audience* itu memahaminya ataupun tidak? Saya hendak tanya itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendapat beberapa laporanlah. Satunya kita lihat misalnya apabila penerangan itu diberikan kalau secara melalui media *mainstream*, TV dan sebagainya, berapakah penonton setiap masa, itu perkara yang dibuat. Akan tetapi kalau dikatakan akhirnya apakah rakyat menerimanya, saya belum boleh berikan secara kita katakan *off hand* sekarang ini, boleh memberikan apakah- Akan tetapi sekarang ini daripada kajian, mula orang menerimanya dapat kita rasakan. Ini termasuk kalau kita melihat melalui *traction* di dalam sosial media dan sebagainya, semakin hari semakin orang tidak bercakap kerana kita tahu bahawa kita baru memperkenalkan dalam masa beberapa minggu.

Ada negara mengambil masa bertahun untuk memperkenalkannya dan *insya-Allah* satu masa nanti saya rasakan rakyat akan lebih menerimanya dan ia akan mengambil sedikit masa. Untuk tujuan itu, saya akan boleh berkongsi dengan Yang Berhormat Senator untuk mengetahui apakah keputusan yang terakhir. Ini kerana kita membuat daripada segi *monitoring*, pemantauan setiap hari daripada segi kadar penerimaan rakyat terhadap GST ini.

Izinkan yang akhir sekali, tadi saya sebutkan tentang isu K-Pop tadi. Saya sebutkan bahawa pihak penganjur telah diambil tindakan, termasuk disenaraihitamkan selama enam bulan dan amaran diberikan kepada mereka untuk lebih berhati-hati dalam penganjuran di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang perlu saya simpulkan di sini di atas apa yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan perhatian, tumpuan dan perbahasan yang saya kira amat bermakna pada kami sekalian. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, boleh hendak tanya soalan sedikit tak?

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh, boleh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyaklah dan kita patut memberikan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pihak kerajaan yang berusaha cukup gigih untuk mendepani masalah-masalah yang berkaitan dengan era digital ini. Cuma yang saya nampak Yang Berhormat Menteri, walaupun kita faham tidak semudah itu untuk kita mendepani masalah-masalah yang berkaitan dengan era digital ini, saya cuma hendak tanya, banyak negara tidak kira negara maju ataupun negara sedang membangun menghadapi masalah yang sama, tetapi saya melihat beberapa buah negara di dunia ini agak tegas dalam mengawal tingkah laku pengguna-pengguna teknologi digital ini.

Contohnya kalau kita lihat *Singapore*, ia cukup tegas. Mereka yang terlibat dalam isu-isu sensitif dalam *Facebook* contoh, tidak kira siapa mereka ambil tindakan. Contoh yang terbaik bercakap tentang *Facebook*, negara China telah pun mengambil tindakan untuk mengharamkan *Facebook*. Ini satu langkah yang saya rasa cukup berani. Kalau China boleh berbuat demikian, ini sebagai contoh saya rasa patut diikuti oleh negara Malaysia, iaitu dalam beberapa perkara yang kita fikir patut kita ambil tindakan, kita harus berani dan tidak teragak-agak untuk kepentingan rakyat secara keseluruhan. Kita sepatutnya sanggup mengorbankan beberapa orang individu untuk kepentingan 30 juta orang rakyat kita. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tan Sri. Mengenai China, sebenarnya China tidak pernah mengharamkan *Facebook*. Cuma China tidak pernah membenarkan *Facebook* dan tidak membenarkan *Google*. Itu dua perkara yang berbeza. Ia bukan ada, tetapi daripada awal lagi ia mempunyai rejim kawalan yang ketat di mana *Google*, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya tidak boleh masuk dalam negara mereka. Ini kerana katanya bahawa kalau masuk, mereka tidak ada kawalan bagi tujuan keselamatan, keamanan dan sebagainya.

Ia berbeza dengan rejim. Disebutkan rejim ini bukanlah maknanya rejim tentera, tetapi kaedah kita mengendalikan ataupun membuat *regulatory system* dalam negara kita daripada segi bagaimana kita mengawal. Daripada awal dalam negara kita apabila kita menggalakkan bagaimana negara kita terdedah kepada dunia digital, bila kita perkenalkan Akta Komunikasi dan Multimedia, bila kita ajak Bill Gates datang ke mari bersama dengan disebutkan 'Tycoon' ataupun tokoh-tokoh digital datang ke negara kita, kita telah membuat satu pengisytiharan bahawa ada *bill of guarantee*, dalam negara kita membenarkan

kebebasan, kita bercakap tidak ada *censorship* pada waktu tersebut. Ini keputusan yang dibuat oleh orang sebelum kita. Keputusan dibuat menjadikan kita bergantung kepada *Google*. Kita hendak cari apa pun sekarang ini kita *Google*. Kita berbuat demikian, sekarang ini akaun *Facebook* dalam negara kita lebih daripada 15 juta. Bayangkan anak yang usia mungkin 10 tahun sudah ada akaun *Facebook* dia.

Seramai 15 juta ini bukan sahaja dia orang – 15 juta ini tidak semua bercakap politik pun, tidak semua bercakap perkara yang negatif. Dia berhubung dengan keluarga mereka, dia membuat *business* mereka dan terlalu bergantung. Kalau sekarang kita hendak buat keputusan kena tutup 15 juta ini, saya rasa ia akan memberi implikasi yang berbeza. Ia memerlukan suatu keputusan besar dan sehingga sekarang kita belum bersedia untuk rasanya untuk berbuat demikian. Ini antara perkara.

Singapura juga berhadapan dengan masalah ini. Saya tidak tahu bahagian mana keberanian dia, tetapi mereka tidak berani hendak- mereka pun tidak menutup *Facebook*. Cumanya seperkara yang kita perlu tahu misalnya, baru-baru ini keluar dalam surat khabar, tiga empat hari yang lepas, dulu orang menganggap bahawa *Facebook*, *Twitter* ini lebih mengancam kerajaan yang memerintah. Baru-baru ini seorang anggota Ahli Parlimen daripada parti bukan kerajaan dari Pulau Pinang, dia meminta supaya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia menutup akaun *Facebook* yang menggunakan nama orang lain, yang memburukkan, menghina Islam.

Itu pun saya katakan sekarang ini di kalangan rakan-rakan daripada parti pembangkang sudah terasa bahangnya. Ini kerana dia sendiri tidak faham bahawa kita tidak ada kuasa untuk menutup mana-mana akaun kerana akaun ini dibuka menggunakan server yang berada di luar sana dan mereka tertakluk pada undang-undang yang berbeza dan kita beritahu bahawa tidak boleh. Kita yang bolehnya, kita boleh memohon kepada yang berkenaan, kita beritahu bahawa ia telah ada *content* menggunakan akaun begini, begini, terpulang pada mereka untuk menutupnya.

Ini *nature* kerana *nature Facebook*, *Twitter* dan sebagainya banyak berselindung di sebalik apa disebutkan *anonymity*, maknanya di sebalik nama samaran dan sebagainya. Jadi kalau kita – saya setuju bila disebutkan tadi tutup semua tetapi hendak kata tutup *Facebook*, ia memberi kesan yang begitu besar sekali. Ini kerana kita tahu bahawa sekarang ini dalam dunia digital, ia berlaku bukan sahaja negara kita dan tempat lain. Misalnya orang melakukan – orang mengadakan amalan *business* sudah berubah. Misalnya orang kata di Hong Kong sendiri *retail business* sudah berubah, orang sudah menggunakan *e-Commerce* iaitu berdagang melalui *online*. *Facebook* adalah antara yang popular di sini dan ia memberi kesan yang besar kalau sekiranya kita membuat keputusan-keputusan yang berkenaan. Namun begitu, ini pandangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Kementerian Kesihatan.

■1930

7.30 mlm.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membangkitkan beberapa isu mengenai Kementerian Kesihatan. Saya menegaskan kepada Dewan ini bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa komited dan serius dalam menangani setiap isu yang dibangkitkan. Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun; dan Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan denggi.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kes denggi pada tahun lalu dan tahun ini isu global dan bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di negara-negara lain seperti yang di lapor oleh WHO. Pada tujuh minggu pertama tahun ini banyak negara mengalami peningkatan kes denggi seperti Singapura, Filipina, Australia dan Brazil. Kes denggi sukar untuk dihapuskan sepenuhnya kerana terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kejadian kes denggi iaitu seperti faktor persekitaran yang tidak bersih dan menyumbang kepada kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 5% hingga 30%. Lebih memburukkan keadaan dengan tabiat segelintir masyarakat yang membuang sampah merata-rata tempat dan tidak mengurus sampah dengan baik.

Analisa kementerian mendapati 42% buah tempat pembiakan adalah dari bekas-bekas yang dibuang di merata-rata seperti bekas plastik, tong-tong kosong, botol dan bekas *polystyrene* dan 10% pada tayar-tayar terpakai. Manakala 90% dari tempat-tempat tapak pembinaan yang telah diperiksa oleh kementerian telah dikenal pasti mempunyai pembiakan nyamuk Aedes. Lagi satu faktor yang menyumbang ialah pergerakan manusia yang tidak terbatas dalam lebih meluas menyebarkan virus ke tempat lain terutamanya bagi pesakit yang telah dijangkiti dengan virus itu pergi ke kawasan baru serta membawa virus tersebut di dalam badan mereka.

Kadang-kadang berlakunya perubahan *stereotype* denggi iaitu *stereotype shift* contohnya daripada DEN-2 bertukar menjadi DEN-1 dalam komuniti pun menyebabkan peningkatan kes dan meningkatkan kematian daripada denggi. Faktor cuaca pun satu faktor yang menyumbang. Masa musim hujan bekas yang boleh menakung air untuk menjadi tempat pembiakan manakala cuaca panas menyebarkan tabiat nyamuk Aedes menjadi lebih aktif menggigit serta kitaran telur kepada nyamuk dewasa menjadi lebih singkat iaitu dari tujuh hari kepada lima hari.

Daripada faktor-faktor ini mempengaruhi peningkatan kes denggi hanya tahap kebersihan persekitaran yang boleh diubah di mana ia dipengaruhi oleh sikap masyarakat. Oleh itu kejadian kes denggi akan berjaya diatasi sekiranya masyarakat dan semua pihak bertanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran dan melakukan aktiviti-aktiviti untuk mencari tempat pembiakan dan musnahkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani kes denggi kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha. Salah satu daripadanya ialah untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan bersepadu di antara beberapa buah agensi termasuk Kementerian Kesihatan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) melalui Ops Gempur Aedes di

tapak binaan awal tahun ini. Hasil daripada Ops ini 111 buah tapak pembinaan telah diperiksa dan 95 telah dikenal pasti mempunyai pembiakan nyamuk Aedes dan semuanya akan didakwa di mahkamah dan sebanyak 80 buah tapak binaan telah diarahkan tutup untuk kerja-kerja pembersihan.

Baru-baru ini kementerian telah melaksanakan satu kaedah baru iaitu kaedah teknik semburan dalam kawalan nyamuk Aedes iaitu *Outdoor Residual Spray* dan sebanyak 71 buah kawasan *hotspot* telah dilaksanakan semburan dengan ORS sejak ia dimulakan pada 11 Februari pada tahun ini di beberapa buah daerah di Selangor iaitu Petaling Jaya, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Daripada 71 *locality hotspot* yang telah dibuat semburan ORS, sebanyak 70 *locality hotspot* telah menunjukkan pengurangan kes di antara 28% sehingga 95%.

Kesemua Kerajaan Negeri telah melaksanakan kempen kebersihan dan gotong-royong di peringkat negeri seperti Program Perlis Bersih, Program Terjah dan Musnah Aedes, Program Ayuh Perangi Aedes dan Program *Jom Bersih*. Beberapa kempen kesedaran telah dibuat melalui media massa termasuk media massa tradisional dan media massa sosial.

Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman telah minta penjelasan berkaitan dengan penyakit kencing tikus. Penyakit kencing tikus atau apa yang dipanggil leptospirosis ialah satu penyakit yang berlaku di seluruh dunia dan boleh dijumpai di merata tempat di negara-negara yang beriklim tropika dan kejadian kes ada dilaporkan berlaku dari semasa ke semasa di negara-negara tersebut termasuk di Malaysia.

Antara faktor yang penyumbang kepada sebarang penyakit leptospirosis adalah makan dan minum di premis makanan yang kotor dan persekitaran yang tidak bersih. Kebersihan persekitaran perlu diberi perhatian dalam mengawal pembiakan tikus dan penyakit bawah haiwan tersebut seperti penyakit leptospirosis. Sehubungan itu, komitmen daripada pelbagai jabatan, agensi dan badan pertubuhan bukan kerajaan dan semua lapisan masyarakat adalah diperlukan terutama dalam memastikan kebersihan persekitaran menjadi keutamaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah membangkitkan perkara berkenaan akses perkhidmatan kesihatan kepada rakyat kepada keseluruhannya khususnya daripada akses kepada pakar-pakar dan telah tanya soalan berkaitan dengan jumlah pakar dan kecukupan bidang kepakaran di dalam negara kita. Perkhidmatan kepakaran sentiasa ditambah baik dan diperluaskan secara berperingkat juga agar semua lapisan masyarakat mempunyai akses kepada taraf perkhidmatan perubatan asas yang sama di bandar mahupun di luar bandar.

Walau bagaimanapun, perluasan perkhidmatan kepada hospital-hospital terutama di luar bandar dilaksanakan secara berperingkat memandangkan peruntukan yang terhad bagi pembangunan dan naik taraf *facility* kesihatan serta masalah kekurangan tenaga kerja atau kemahiran sumber manusia. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian adalah dengan melaksanakan projek-projek pembangunan *facility* kesihatan baru, naik taraf *facility* kesihatan sedia ada, melengkapi *facility* sedia ada dengan kemudahan-kemudahan asas, perolehan peralatan perubatan bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan kepakaran yang dikenal pasti bagi hospital-hospital tersebut.

Sekiranya *facility* kesihatan yang terdekat tidak dapat menyediakan perkhidmatan perubatan yang diperlukan bagi kes-kes yang tertentu, pesakit tersebut akan dirujuk ke hospital pakar yang terdekat melalui sistem rujukan yang sedia ada. Selain daripada itu, kerajaan pun mengadakan perkhidmatan lawatan pakar berkala di mana pakar klinik hospital pakar yang berdekatan dengan hospital tanpa pakar juga dikehendaki mengadakan lawatan berkala ke hospital tanpa pakar tersebut untuk menyediakan perkhidmatan kepakaran daripada segi konsultasi pesakit luar di klinik pakar, rondaan wad bagi pesakit dalam, menjalankan prosedur atau pembedahan tertentu serta memberi bimbingan dan latihan kepada pegawai perubatan.

Satu lagi konsep yang telah diwujudkan oleh kerajaan ialah apa yang dipanggil *cluster* hospital dan *cluster* hospital merupakan salah satu inisiatif di bawah transformasi Sistem Kesihatan Malaysia bagi meningkatkan dan mengukuhkan penyediaan perkhidmatan kepakaran kepada semua rakyat. Sesebuah *cluster* melibatkan penggabungan beberapa buah hospital kementerian iaitu hospital pakar dan juga hospital tanpa pakar dan *cluster* tersebut akan menyediakan perkhidmatan kepakaran asas kepada rakyat tempatan. Justeru hospital tanpa pakar selepas digabungkan dalam *cluster* akan turut dinaiktarafkan sebagai hospital pakar.

■1940

Buat masa ini hospital *cluster* sudah dilaksanakan sebagai satu projek rintis sejak April 2011 dan akan tampil pada April 2016. Skop akan diperluaskan ke hospital-hospital yang lain di dalam negara kita. Bagi menyediakan perkhidmatan perubatan onkologi kepada seluruh rakyat, perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit di hospital kerajaan disediakan secara bersepadu oleh pakar dalam pelbagai disiplin. Sebagai contoh, pakar bedah bukan hanya melakukan pembedahan membuang ketumbuhan kanser sahaja malah turut memberikan terapi kanser kepada pesakit-pesakit payudara, kanser prostat, kanser kolon dan sebagainya. Begitu juga pakar-pakar bagi disiplin lain seperti pakar dalam bidang mata, kulit, sakit puan dan lain-lain. Kementerian sentiasa berusaha serta mengambil pelbagai langkah untuk menambah baik bilangan doktor pakar di dalam negara. Antara usaha yang telah dibuat oleh kerajaan ialah melalui:

- (i) pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak kalau itu diperlukan;
- (ii) pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak;
- (iii) pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara *seasonal*;
- (iv) menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air; dan
- (v) penambahan bilangan biasiswa, hadiah, latihan persekutuan yang ditawarkan kepada pegawai perubatan untuk mengikuti latihan dalam bidang kepakaran di universiti tempatan iaitu daripada 450 buah biasiswa pada sekitar tahun 2002 kepada 600 pada tahun 2008 dan seterusnya kepada 800 pada tahun 2010 dan 1,000 mulai tahun 2013.

Peningkatan peluang mengikuti latihan kepakaran dengan melalui *parallel* iaitu *membership program* yang merupakan program latihan kepakaran luar negara tetapi latihan dan peperiksaan boleh diikuti sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya di dalam negara kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan telah membangkitkan isu berkaitan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas di dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, populasi golongan warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas di Malaysia kini telah meningkat kepada 8.4% daripada keseluruhan populasi penduduk. Pihak Kementerian Kesihatan ambil maklum akan tahap dan masalah yang dihadapi oleh golongan warga emas berdasarkan kepada statistik pada tahun 2011, sebanyak 18% kemasukan pesakit dan 20% kedatangan pesakit luar di hospital-hospital di bawah kementerian merupakan warga emas.

Dianggarkan seramai 40% daripada pesakit adalah daripada kes-kes di kepakaran perubatan dan sub kepakaran. Pakar perubatan *geriatric resident* adalah di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Tuanku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Taiping, Hospital Umum Sarawak dan Hospital Queen Elizabeth 1 di Kota Kinabalu. Pada ketika ini, perkhidmatan wad geriatrik ada disediakan di beberapa buah hospital seperti di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Seremban, Hospital Klang, Hospital Rehabilitasi Cheras, Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu, Hospital Umum Sarawak, Hospital Selayang, Hospital Banting dan Hospital Taiping. Kementerian mempunyai perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan ini ke semua hospital utama kementerian secara berfasa bergantung kepada sumber kepakaran pakar perubatan yang terhad.

Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin telah mencadangkan bahawa perkhidmatan rawatan penyakit kanser yang diberi di Institut Kanser Negara diperluaskan dan kemudahan-kemudahan itu disebarkan kepada rakyat secara lebih baik. IKN merupakan satu *facility* kesihatan yang dikategorikan sebagai pusat rujukan. Kehadiran para pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di IKN adalah secara rujukan oleh mana-mana pakar, sama ada dari hospital kerajaan, swasta mahupun hospital universiti. Sejak IKN mulai beroperasi iaitu pada September tahun 2013 sehingga akhir tahun lalu, Jabatan Radioterapi dan Onkologi IKN telah menerima 1,814 kes baru di mana ia telah melebihi perancangan awal iaitu sebanyak 1,000 kes pada tahun pertama.

Sebanyak 815 kes telah menerima perawatan radioterapi menggunakan pelbagai teknik. Kewujudan IKN telah diuar-uarkan kepada umum menerusi pelbagai media massa khususnya media elektronik dan media cetak. IKN akan menggiatkan lagi kempen kesedaran penyakit kanser kepada orang awam serta golongan sasaran yang berkenaan. Peningkatan kesedaran di kalangan orang awam akan mendorong mereka membuat pemeriksaan awal di *facility* kesihatan dan pakar yang menilai dan membuat rujukan ke IKN tertakluk kepada situasi serta tahap penyakit yang didiagnosis.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah telah meminta penjelasan berkaitan dengan penggunaan peralatan peranti perubatan oleh pusat-pusat kecantikan. Berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta 737, peranti perubatan yang hendak digunakan hendaklah memenuhi keperluan keselamatan dan keberkesanan yang ditetapkan dan hendaklah berdaftar di bawah seksyen 5, Akta 737

dan hendaklah diperoleh dari *establishment* yang berlesen di bawah seksyen 15 akta yang sama. Kementerian akan memantau pusat-pusat kecantikan yang menggunakan peranti perubatan seperti yang dilaporkan dalam akta tempatan baru-baru ini berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim telah membangkitkan isu mengenai kekurangan kemudahan katil di hospital-hospital kerajaan khususnya di Hospital Pulau Pinang. Sehingga 31 Disember 2013, negara kita mempunyai 149 buah hospital kerajaan iaitu 140 buah hospital termasuk institut perubatan khas di bawah kementerian, lima buah hospital di bawah Kementerian Pertahanan dan tiga buah hospital di bawah Kementerian Pendidikan.

Jumlah katil yang terdapat di 149 buah hospital kerajaan di Malaysia, pada tahun 2013 sebanyak 43,437 buah katil dan daripada jumlah tersebut, sejumlah 39,728 buah katil adalah di bawah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Secara umumnya, penyediaan katil di hospital kerajaan untuk penduduk Malaysia sehingga tahun 2013 mencapai 1.46 buah katil bagi setiap 1,000 orang penduduk. Nisbah ini berbeza dari kawasan ke kawasan. Di Wilayah Persekutuan, ia sebanyak 3.11 manakala di negeri Selangor ialah sebanyak 0.84.

Secara keseluruhannya, *beds occupancy rate* (BOR) bagi semua hospital di kementerian di Malaysia lebih kurang 71.02%. Yang paling tinggi dicatatkan di negeri Selangor dengan 81.5% manakala yang paling rendah ialah di Wilayah Persekutuan Labuan dengan 51.6%. Untuk Hospital Pulau Pinang, mempunyai 1,107 buah katil mencatatkan *beds occupancy* 78.38% dan nisbah katil bagi keseluruhan negeri Pulau Pinang ialah 120 buah katil untuk satu ribu orang penduduk.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah meminta penjelasan berkaitan dengan jumlah hospital yang akan dibina untuk menyediakan perkhidmatan pakar. Dalam *Rolling Plan* Pertama RMKe-11, kementerian telah mengemukakan cadangan bagi membangunkan sepuluh buah hospital baru atau gantian di seluruh negara di mana lapan daripadanya merupakan hospital pakar.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan telah meminta penjelasan berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menghadapi peningkatan dalam kos perkhidmatan kesihatan swasta yang sudah menjadi pada masa sekarang, kadang-kadang sudah ada di dalam satu ketika yang luar daripada kemampuan rakyat dan adakah kerajaan mempunyai rancangan-rancangan yang lain untuk mengawal perkara ini. Pihak kementerian pada masa sekarang mengambil beberapa langkah untuk mengkaji perkhidmatan kesihatan pada keseluruhannya, untuk melihat kepada macam mana kemudahan kesihatan yang ada di dalam kerajaan iaitu dalam sektor awam serta yang ada dalam sektor swasta boleh digunakan secara optimum.

■1950

Kajian ini dibuat dengan kerjasama beberapa buah institusi di dalam negara macam UUM, UM, USM, USIM dan disokong oleh khidmat nasihat daripada *Harvard University*. Tujuan mengadakan kajian ini ialah untuk melihat kepada perkhidmatan kesihatan pada keseluruhannya dan lihat macam mana kegunaan dana yang tersedia ada untuk memberi *efficiency* yang paling tinggi dan macam mana kita

boleh mengadakan satu rancangan untuk menggunakan semua kemudahan kesihatan mahupun di sektor swasta ataupun dalam sektor kerajaan boleh digunakan secara lebih optimum.

Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff dan Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som telah membangkitkan isu berkaitan dengan daun ketum. Kawalan pokok dan daun ketum di bawah Akta Racun 1952 adalah terbatas kerana peruntukan undang-undang ini yang terhad terhadap air rebusan daun ketum yang mengandungi *mitragynine* sahaja dan tidak ada tindakan yang boleh diambil terhadap pokok dan bahagian-bahagian lain tumbuhan tersebut.

Merujuk kepada peruntukan undang-undang semasa di Akta Racun 1952, *mitragynine* iaitu alkaloid yang paling aktif dan bersifat psikoaktif yang terdapat di dalam air rebusan daun ketum disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga Akta Racun 1952 dan merupakan racun Kumpulan 'A' di bawah Jadual Pertama akta yang sama.

Sesuatu racun dikelaskan di bawah Kumpulan 'A' jika ia mempunyai kesan-kesan sangat toksik atau berbahaya sehingga ia tidak sesuai digunakan sebagai ubat kuat walaupun ia mungkin mempunyai sifat ubat. Walaupun umum mengetahui daun ketum digunakan secara turun temurun dalam perubatan tradisional, antaranya sebagai minum pemulih tenaga bagi wanita yang baru lepas bersalin, rawatan mengeluarkan angin dalam badan dan merawat sakit belakang, namun, ia berasaskan maklumat tradisi semata-mata dan sehingga kini tiada kajian secara klinikal dijalankan dan terdapat banyak keluaran alternatif lain yang boleh digunakan untuk tujuan rawatan tersebut. Masalah penagihan ketum ini dilihat jauh lebih serius untuk membenarkan kegunaannya secara umum.

Yang Berhormat Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian telah minta penjelasan berkaitan dengan keadaan Hospital Bintulu. Kementerian Kesihatan sebagai satu langkah untuk meningkatkan lagi kemudahan yang tersedia ada di Hospital Bintulu di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh telah meluluskan projek pembinaan Unit Rawatan Kebakaran bagi menampung industri petrokimia di sekitar Daerah Bintulu dan projek ini meliputi pembinaan sebuah Unit Rawatan Kebakaran dengan sepuluh buah katil dan menaik taraf Jabatan Kecemasan bagi menampung peningkatan pesakit yang lebih ramai. Projek ini sedang di peringkat pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2017. Pembinaan Unit Rawatan Kebakaran ini diharap dapat memberi perkhidmatan bagi kes-kes kecemasan kritikal berkaitan kebakaran di dalam kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah serba sedikit penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Kesihatan...

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kementerian sentiasa mengambil kira segala pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dan sentiasa akan berusaha untuk meningkatkan lagi tahap dan mutu perkhidmatan kesihatan di dalam negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang yang berdiri.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Cuma hendak penjelasan sedikit saja berkenaan dengan kemudahan geriatrik tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa kemudahan ini akan

dilanjutkan kepada semua hospital, kalau boleh. Saya cuma hendak tahu sama ada ini termasuk *domiciliary care*? Fasal berkenaan dengan warga emas, sebenarnya tiga isu. Satu, kemudahan geriatrik, yang kedua kekurangan pakar dan yang ketiga, *domiciliary care*. So yang akan dilanjutkan sama ada termasuk *domiciliary care*. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Pada tahun lalu iaitu 2014, pada bulan Jun, kementerian telah mewujudkan satu perkhidmatan tambahan di dalam klinik-klinik kesihatan kita iaitu kemudahan perkhidmatan *domiciliary care*. Pada masa sekarang, kita telah mewujudkan lebih daripada 160 kumpulan *domiciliary care* di seluruh negara dengan tujuan untuk memperluaskan ini kepada kawasan-kawasan yang lain. Tiap-tiap pasukan ini mempunyai seorang doktor, jururawat, fisioterapi dan sebagainya. Mereka ini akan pergi ke rumah-rumah di mana ada pesakit yang terlantar atau pesakit-pesakit yang tenat khususnya warga emas dan di dalam itu yang mana pasukan akan memberi nasihat kepada keluarga, pengajaran kepada keluarga daripada beberapa segi.

Tujuan kerajaan ialah untuk memperluaskan rawatan *domiciliary care* ini melalui klinik-klinik kesihatan yang akan menjadi pusat untuk kegiatan ini di seluruh negara supaya ada satu perhubungan yang baik dengan perkhidmatan kesihatan dan komuniti pada asasnya dan perkhidmatan di komuniti akan mengurangkan kesesakan yang ada di hospital atau di dalam klinik. So, saya menerima cadangan Ahli Yang Berhormat secara baik dan kita akan memperluaskan perkhidmatan ini dari semasa ke semasa supaya sampai ke semua tempat di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Sumber Manusia. Silakan Yang Berhormat.

7.56 mlm.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sepuluh Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh sepuluh isu yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia.

Isu pertama ialah gaji minimum. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat telah membangkitkan isu pelaksanaan gaji minimum. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sangat prihatin akan peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat dan cadangan-cadangan bagi meningkatkan gaji minimum sedia ada.

Konsep Dasar Gaji Minimum bertujuan untuk menetapkan gaji lantai atau *floor wages* atau gaji pokok sahaja di sektor swasta dan bukannya sebagai gaji keseluruhan pekerja. Sehubungan dengan itu, kerajaan mengambil kira saranan Bank Dunia dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi peringkat awal kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012. Cadangan untuk meningkatkan kadar gaji minimum hendaklah munasabah, tidak menjejaskan ekonomi dan mengekalkan daya saing negara.

Di samping itu juga, peningkatan kadar gaji minimum juga hendaklah turut mengambil kira aspek kemampuan majikan-majikan dalam menampung peningkatan kos operasi kelak dan seterusnya aspek-aspek lain seperti kesan susulan iaitu *dormin effect* seperti penutupan operasi atau pemberhentian pekerja akibat proses penstrukturan semula sesuatu operasi akibat peningkatan kos operasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah selesai menjalankan proses kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 yang dijalankan oleh jawatankuasa teknikal Majlis Perundingan Gaji Negara seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] yang menetapkan supaya kajian semula Perintah Gaji Minimum dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun. Proses kajian ini telah mengambil kira input dan pandangan semua pihak iaitu pekerja mahupun majikan bagi memastikan pertimbangan sewajarnya dapat dibuat.

■ 2000

Susulan daripada itu, hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Perundingan Gaji Negara dan pihak Majlis Perundingan Gaji Negara melalui Kementerian Sumber Manusia akan membawa syor berhubung kajian semula Perintah Gaji Minimum 2012 kepada kerajaan untuk dimuktamadkan dalam tempoh terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, laporan kajian oleh Bank Dunia berhubung Dasar Gaji Minimum di Malaysia tidak menyatakan gaji minimum mestilah bermula RM1,500.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac tahun ini, terdapat seramai 409 orang pegawai perhubungan perusahaan di Jabatan Tenaga Kerja yang menjalankan tugas sebagai *labor expatriate* bagi menguatkuasakan gaji minimum iaitu terhadap kira-kira 3.6 juta orang pekerja di negara kita. Usaha untuk menambah bilangan pegawai ini telah mula dilaksanakan pada awal tahun 2014 dan kelulusan pertambahan jawatan tersebut tertakluk kepada kelulusan agensi pusat.

Mengenai pekerja asing, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud telah membangkitkan isu pekerja asing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan hanya membenarkan penggajian pekerja asing dalam lima sektor sahaja iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan, pencucian dan pembersihan pulau perangan, hotel, KD iaitu untuk lelaki sahaja yang melibatkan jawatan pekerjaan am rendah dan perkhidmatan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, kerajaan juga telah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan bilangan pekerja asing ke tahap yang optimum. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) promosi dan peluang-peluang pekerjaan ditawarkan melalui program pekerjaan oleh Jabatan Tenaga Kerja kepada pencari kerja tempatan;
- (ii) kekosongan jawatan dalam sektor-sektor yang dibenarkan menggaji pekerja asing wajib ditawarkan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu melalui portal JobsMalaysia sebelum permohonan pekerja asing dibenarkan; dan

- (iii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing bagi mencapai sasaran melahirkan 35% orang pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020.

Pada masa ini, pelaksanaan dasar tersebut sedang diperhalusi daripada segi kos, penempatan latihan-latihan yang khusus, implikasi kepada majikan dan lain-lain impak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, meskipun penggajian pekerja asing adalah lebih murah daripada perolehan mesin-mesin baru, kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan pekerja-pekerja tempatan yang berkemahiran tinggi dan aliran perubahan insentif seumpama ini akan meningkatkan lagi peluang pekerjaan kepada pencari pekerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya pergi ke pekerjaan untuk wanita yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak patah balik ke belakang berhubung dengan soal pegawai-pegawai dalam agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Saya ingin tahu sepanjang mengenai bilangan pegawai-pegawai ini, bagaimana, atau apa nisbah- misalnya sebagai contoh, kalau doktor, kita ada kiraannya. Sebanyak ini pesakit, sebanyak inilah bilangan doktor. Jadi sepanjang mengenai hal perburuhan ini, berapa nisbah? Ertinya katalah satu juta tenaga kerja, berapa banyakkah bilangan pegawai yang boleh melaksanakan hal-hal yang berkaitan dengan standard perburuhan ini?

Misalnya seperti mana yang saya sebut dalam teks awal bahawa kalau dalam bilangan yang ada ini, sekali putaran untuk pegawai itu memeriksa premis tempat pekerjaan, ia mengambil masa tujuh tahun. Jadi dengan bilangan ini, adakah mencukupi? Selain daripada pegawai-pegawai ini dibebani dengan pelbagai masalah, mendengar kes-kes, mendengar rayuan, mendengar tuntutan dan sebagainya. Kalau dia tidak dapat menyelesaikan, siaplah dia. Jadi saya fikir ini perlu diberikan perhatian oleh Menteri sebagai orang yang bertanggungjawab. Saya mohon nantinya secara tuntas menyatakan di sini bila dan bagaimana hal ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud. Apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi iaitu apa yang telah ditanyakan sama ada kita mempunyai nisbah di mana nisbah perlu diadakan di antara para

pegawai dengan jumlah pekerja yang ada seperti mana yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya, ketika ini kementerian belum lagi mempunyai nisbah di mana untuk setiap pegawai memikul tanggungjawab untuk melaksanakan atau mengawal sekian orang pekerja. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir itu amat bernas, amat baik dan kita akan mengambil maklum tentang cadangan itu, cadangan yang cukup baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya telah memulakan tentang isu pekerjaan untuk wanita yang mana telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sentiasa memberi keutamaan dan menggalakkan penyertaan golongan wanita dalam pasaran buruh di negara. Ini dibuktikan dengan pencapaian Program Penempatan Pekerja atau 3P yang telah dilaksanakan daripada Januari hingga Disember 2014 yang menunjukkan seramai 39% daripada jumlah 259,769 orang iaitu merupakan daripada segi bilangannya, 101,147 orang golongan wanita telah kita berjaya tempatkan dalam pekerjaan.

■2010

Bagi Program Penempatan Pekerjaan, kerajaan juga tidak hanya tertumpu pada sektor pekerjaan formal. Pelbagai aktiviti atau program dilaksanakan mengikut kesesuaian waktu wanita yang menguruskan rumah tangga. Antara program-program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) ialah *home working*, atau bekerja dari rumah. Satu lagi program *1Malaysia Support For Housewives*, jana pendapatan dan program kerjasama syarikat dan badan bukan kerajaan. Program *1Malaysia Support For Housewives* program khusus untuk suri rumah yang tidak dapat keluar untuk bekerja.

Kerajaan membantu mewujudkan peluang pekerjaan secara berkelompok untuk golongan ini supaya mendapat pendapatan dalam membantu keluarga. Jabatan Tenaga Kerja terlibat dalam membantu golongan wanita kategori miskin atau miskin tegar yang berdaftar dalam program eKasih untuk turut serta dalam meningkatkan ekonomi pendapatan keluarga melalui Program Jana Pendapatan iaitu berniaga secara kecil-kecilan dari rumah.

Program kerjasama dengan syarikat dan badan bukan kerajaan NGOs juga dilaksanakan bagi memberi peluang kepada peserta untuk menambah kemahiran melalui pusat setempat yang telah dikenal pasti. Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan salah satu langkah untuk meningkatkan produktiviti pekerjaan dan penyertaan *lantern workforce* terutamanya pada golongan wanita dalam tenaga buruh negara dan secara tidak langsung akan mengurangkan bebanan wanita dan dapat mengimbangkan tanggungjawab sebagai pekerja dan ibu serta suri rumah serta kebergantungan terhadap pembantu rumah asing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah mewujudkan peraturan-peraturan kerja iaitu Pekerja Separuh Masa 2010 di bawah Akta Kerja 1955 yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya wanita untuk menyertai pasaran pekerjaan. Peraturan-peraturan kerja ini bertujuan untuk memberi alternatif kepada sistem bekerja separuh masa menggalakkan penyertaan tenaga kerja

terpendam atau *laten workforce* seperti suri rumah dan pesara. Menggalakkan *flexibility* dalam pasaran buruh waktu bekerja yang lebih mesra kerja, *flexible working hours* terutama pada wanita, menjana peluang pekerjaan yang lebih meluas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah meluluskan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2013 di mana ia telah memberi faedah kepada kira-kira 7.8 juta orang pekerja swasta di negara kita untuk terus berkhidmat sehingga mencapai umur 60 tahun dengan jaminan faedah pekerjaan seperti mana yang termaktub dalam kontrak perkhidmatan sedia ada. Walau bagaimanapun, pekerja boleh memilih untuk bersara lebih awal sekiranya mereka tidak mahu meneruskan pekerjaan. Dasar ini juga secara langsung dapat menangani isu diskriminasi umur persaraan antara lelaki dan wanita yang diamalkan oleh sesetengah majikan swasta.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin juga membangkitkan isu cuti bersalin untuk pekerja sektor swasta. Berhubung cadangan untuk mengkaji semula jumlah hari cuti bersalin yang sedia ada, bagi sektor awam supaya dipanjangkan kepada sektor swasta pula, pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan kebajikan pekerja wanita di sektor swasta terpelihara dan terbelas.

Cadangan supaya menambah baik cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari di sektor swasta merupakan cadangan yang baik yang telah pun dibincangkan bersama rakan *tripartite* iaitu pihak majikan pesara dan kementerian. Namun begitu, setakat ini pihak majikan tidak bersetuju cuti bersalin berbayar 90 hari dilaksanakan, tidak bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, beberapa pindaan ke atas Akta Kerja 1955 yang berkuat kuasa mulai 1 April 2012 dengan memperluaskan faedah bersalin kepada semua pekerja wanita tanpa mengira gaji yang diterima. Pindaan ini juga menggariskan bahawa penamatan pekerja wanita semasa cuti bersalin suatu kesalahan di bawah akta kecualian atas alasan penutupan syarikat. Selain itu, mana-mana pekerja wanita yang bersalin setelah hamil 22 minggu juga layak mendapat faedah cuti bersalin berbanding hamil 28 minggu sebelum pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul telah membangkitkan isu pekerja kontraktor PLKN yang diberhentikan kerja. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini Kementerian Sumber Manusia khususnya melalui Jabatan Tenaga Kerja hanya menerima satu aduan daripada pekerja-pekerja yang bekerja dengan kontraktor pusat Latihan Khidmat Negara PLKN di Kuala Nerang, Kedah yang melibatkan kira-kira 15 orang pekerja.

Jabatan Tenaga Kerja telah melakukan siasatan dan memberi nasihat yang sewajarnya ke atas majikan mengikut Peraturan 8 Akta Kerja 1955 [Akta 265] iaitu Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Pemberhentian Kerja Sementara) 1980 sama ada melaksanakan pemberhentian kerja sementara atau penempatan perkhidmatan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu latihan kemahiran. Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman telah membangkitkan isu latihan kemahiran untuk para pekerja.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sedang giat berusaha memperkasakan latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Peluang memasuki latihan kemahiran telah dibuka seluas-luasnya kepada lepasan sekolah supaya dapat meningkatkan bilangan pekerja mahir dalam pasaran pekerjaan. Program yang ditawarkan di pusat bertauliah Berpanduan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dibangunkan dengan kerjasama industri. NOSS tersebut menawarkan kursus dalam bidang pembinaan kapal, *scarf holding*, juru kimpal paip.

Tuan Yang di-Pertua, juga masih dengan membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah membangkitkan isu Technical Vocational Educational Training (TVET). Bagi memastikan kerja tenaga mahir negara ini, menepati kehendak industri, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan kerjasama industri telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).

■2020

Sehingga 31 Mac tahun ini, sejumlah 1,652 NOSS telah dibangunkan yang mana ia merangkumi NOSS tahap 1 hingga tahap 5. Ini dijadikan sebagai rujukan utama dalam membangunkan modal insan berkemahiran oleh institusi latihan kemahiran. Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia juga menganjurkan pertandingan kemahiran untuk membangunkan dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia melalui peningkatan kemahiran yang berprestasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai beberapa buah institut latihan atau Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara. Jadi mengenai NOSS yang memberi sijil di peringkat tahap 1, 2 dan 3. Beberapa program kerjasama pensijilan telah diadakan, antaranya adalah:

- (i) program kerjasama pensijilan dengan *The Welding Institute, Certification Scheme for Welding and Inspection Personnel*, iaitu di ADTEC, Batu Pahat, Johor;
- (ii) kerjasama dengan latihan sambil bekerja dengan MUNIVAC Sdn Bhd;
- (iii) kerjasama dengan Samsung Sdn. Bhd. dengan menubuhkan Samsung Tech Academy di Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur;
- (iv) kerjasama program latihan kemahiran dan kerjaya di dalam industri minyak dan gas bersama FELCRA Berhad;
- (v) kerjasama program latihan kemahiran dan kerjaya di dalam industri minyak dan gas bersama Serba Dinamik Sdn. Bhd.;
- (vi) kerjasama program latihan kemahiran dan kerjaya dalam latihan teknikal bersama *Thirteen Consultancy Services*;
- (vii) kerjasama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran *electrical* dan elektronik dan mekanikal bersama *Nagaoka Colleges of Technology, Japan*; dan
- (viii) kerjasama program latihan kemahiran dan kerjaya dalam latihan teknikal bersama *Pullman International*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai *unemployment and underemployment*. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan, Bahagian pengajian Tinggi di antara sebab utama yang menyebabkan graduan sukar mencari pekerjaan adalah seperti berikut:

- (i) kurangnya permintaan terhadap bidang pengajian yang dimiliki oleh graduan;
- (ii) kebanyakan majikan menetapkan pengalaman bekerja sebagai salah satu syarat pengambilan;
- (iii) kekurangan dalam kemahiran *softskills* terutamanya kemahiran berkomunikasi dan kelemahan menulis dan bertutur dalam Bahasa Malaysia;
- (iv) keengganan graduan berhijrah dari kampung halaman dan sikap memilih tempat kerja yang berdekatan;
- (v) mengharapkan gaji yang tinggi; dan
- (vi) kurang maklumat tentang peluang pekerjaan yang terdapat dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan kadar pengangguran dan membantu penganggur belia mendapatkan pekerjaan secepat mungkin, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan pelbagai strategi untuk membantu golongan penganggur iaitu seperti berikut:

- (i) Kementerian Sumber Manusia telah dan sedang mempromosikan portal JobsMalaysia melalui pelbagai kaedah supaya lebih ramai pencari kerja dapat mendaftar sebagai pengguna;
- (ii) memperbanyakkan program-program penempatan pekerjaan atau *Jobs Fair* termasuk di IPTA dan IPTS yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dari semasa ke semasa;
- (iii) mengadakan ceramah dan kaunseling kerjaya kepada pencari kerja;
- (iv) mengadakan kerjasama dan dialog dari semasa ke semasa dengan pihak industri;
- (v) melalui Skim Latihan Dual Nasional (SLDN).

Kurikulum yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada NOSS yang saya sebutkan sebentar tadi, *National Occupational Skills Standard*. Program latihan yang ditawarkan di bawah skim ini melibatkan industri-industri yang memerlukan tenaga kerja mahir. Semua pelatih diwajibkan menjalani latihan *off-the-job* di pusat-pusat latihan yang diluluskan dan juga latihan *on-the-job* di premis majikan di sektor swasta untuk mendedahkan mereka dengan pengalaman kerja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal ingin tahu apakah produktiviti....

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Yang Berhormat Menteri, sebentar tadi Yang Berhormat menyebut bahawa *Job Fair* diadakan. Jadi soalan saya, selepas pilihan raya yang lepas berapa banyak *Job Fair* yang telah diadakan kerana sebelum pilihan raya dulu, kita lihat Pergerakan Pemuda UMNO sentiasa mengadakan *Job Fair* secara besar-besaran. Keputusan dan hasil daripada *Job Fair* tersebut,

amat memberangsangkan. Apakah kementerian akan sambung atau hendak tunggu pilihan raya sekali lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, *Job Fair* kita buat. Bukan hanya menunggu pilihan raya. Sebenarnya *Job Fair* satu mekanisme yang kita buat untuk memastikan agar penganggur atau membantu para penganggur untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam pada ini sebenarnya tahun lepas, saya berbalik kepada *Job Fair* yang telah diadakan di Kuching, ia telah menarik seramai lebih kurang 70,000 orang pengunjung, tahun lepas, baru tahun lepas. Ia telah diadakan di Stadium Perpaduan Negeri Sarawak. Dari 70,000 itu, tidak kurang dari 5,000 orang yang telah menjadi pengunjung kepada *Job Fair* itu telah mendapatkan pekerjaan dalam serta-merta.

Jadi berbalik kepada soalan yang tadi, sama ada ia diadakan semata-mata waktu pilihan raya, jawapannya tidak. *Job Fair* ini diadakan dari semasa ke semasa. Tahun ini sebenarnya saya pergi ke Kuching, Sarawak dahulu. Tahun ini kita telah mengadakan tidak kurang dari lapan *Job Fair* dan antaranya yang bakal diadakan ialah juga di negeri Sarawak, bukan bererti kita adakan di negeri Sarawak selalu, kerana saya datang dari Sarawak, tetapi kita berpendapat bahawa negeri Sarawak sebagai sebuah negeri yang masih mundur kalau dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia lebih memerlukan *Job Fair* dari negeri-negeri yang ada di Semenanjung. Maka *Job Fair* yang kedua yang akan diadakan oleh Kementerian Sumber Manusia akan diadakan kalau tidak silap saya pada pertengahan bulan Jun di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan itu.

Seterusnya saya ingin, soalan atau isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh yang ingin tahu di manakah taraf produktiviti tenaga kerja kita kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Tuan Yang di-Pertua, menurut *Productivity Report 2013/2014*, yang diterbitkan oleh *Malaysia Productivity Cooperation* (MPC). Tan Sri Tuan Yang di-Pertua hendak masuk. Sila.

*[YB Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

■2030

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk menyambung penggulangan. Menurut *Productivity Report 2013/2014* yang diterbitkan oleh *Malaysia Productivity Corporation* (MPC) menyatakan bahawa produktiviti tenaga kerja di Malaysia adalah sebanyak USD24,000,934 berbanding dengan negara-negara maju seperti Jepun sebanyak USD45,856; Korea Selatan - USD 46,097; Singapura - USD51,468; Australia - USD52.989; dan Amerika Syarikat - USD72.293. Daripada segi kadar, kadar produktiviti tenaga kerja di Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain iaitu 2.3%, manakala negara Jepun 1.3%; Korea 1.7%; Singapura 1.6%; Australia 1.4%; dan Amerika Syarikat 0.9%.

Bagi meningkatkan produktiviti tenaga kerja, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia telah mempromosikan pelaksanaan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti atau dalam bahasa Inggerisnya, *Productivity-Linked Wages System* kepada majikan-majikan di sektor swasta. PLWS merupakan satu sistem yang mewujudkan kaitan yang lebih rapat antara upah dan produktiviti. Kadar upah yang lebih tinggi akan dibayar kepada pekerja selaras dengan peningkatan produktiviti yang berlaku. PLWS bertindak sebagai pemangkin pada peningkatan produktiviti negara kerana sistem ini menyumbangkan kepada pertumbuhan KDNK dan seterusnya membantu Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: [Bangun]

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Jabatan JPPM juga telah membangunkan portal rasmi PLWS yang interaktif iaitu MyPLWS yang boleh dilayari melalui laman web www.plws.gov.my...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Nanti, sebut portal ini. Portal ini dapat memberi manfaat kepada pekerja dan pihak majikan...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, ada mencelah.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya, ya tahu. Ini habis tentang portal ini, kena sebut portal yang betul, nanti portal lain.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Okey.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Jadi saya sebut, boleh dilayari melalui laman web www.plws.gov.my. Okey.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Saya ingin tahu, apabila Yang Berhormat Menteri menyebut soal PLWS ini, adakah Yang Berhormat Menteri dan kementerian berkenaan mengambil kira suatu persetujuan tiga pihak, lebih kurang tahun 1996 sampai sekarang hampir 25 tahun. Adakah persetujuan tersebut masih dalam perkiraan kementerian? Oleh sebab, kalau misalnya ini diambil kira hal-hal yang membawa kepada, dengan izin, "pertikaian", itu mungkin boleh dikendurkan sedikit. Kalau hanya menekankan soal PLWS tanpa mengambil kira apa yang telah dipersetujui, saya kira ini akan menimbulkan banyak masalah. Pertanyaan saya, adakah kertas tersebut pada tahun 1996 yang telah dipersetujui oleh tiga pihak diambil kira oleh kementerian? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Productivity-Linked Wages System* (PLWS) sebenarnya telah pun mula berkuat kuasa dan sedang dilaksanakan. Itu jawapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi ke isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som yang membangkitkan isu pelepasan bagi pekerja untuk menghadiri aktiviti-aktiviti perjumpaan dengan sekolah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih lagi belum bercadang untuk membuat satu peraturan atau undang-undang bagi mewajibkan majikan dalam sektor swasta untuk

memberi hari pelepasan kepada pekerja masing-masing untuk menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa menggalakkan para majikan memberi pelepasan kepada pekerja-pekerja dalam menyelesaikan beberapa urusan peribadi yang boleh dianggap penting dan tidak memerlukan masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penggulangan dari Kementerian Sumber Manusia. Maka akhir kata kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan Titah Diraja yang belum sempat saya jawab, kementerian kita amat menghargai segala cadangan, teguran, komen yang telah dikemukakan dan kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

8.37 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai perkara dan isu di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kementerian amat menghargai segala pandangan, saranan, cadangan, keprihatinan dan teguran membina dari Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, Dr. Syed Husin Ali, Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Dato' Lim Nget Yoon, Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan, Tuan Haji Abdul Shukor bin P.A Mohd Sultan dan Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal.

Berkaitan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, berkaitan dengan pengisian program Hari Wanita Antarabangsa. Sambutan Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mei setiap tahun. Sambutan kali ini merupakan satu seruan agar usaha digembleng bersama untuk merealisasikan matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan untuk wanita di Malaysia selaras dengan agenda yang ditetapkan di dalam *Beijing Declaration and Platform for Action*, dengan izin. Sehubungan itu, antara aktiviti yang telah dijalankan untuk tahun 2015 ialah seperti berikut:

- (i) ceramah motivasi oleh Profesor Dr. Muhaya Haji Muhamad. Penceramah motivasi berkongsi pengalaman bagaimana untuk merealisasikan impian diri selaras dengan seruan kerajaan;
- (ii) forum kesihatan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Menggalakkan wanita lebih prihatin terhadap kesihatan diri dan juga mental;

- (iii) pameran produk-produk usahawan yang berjaya mencapai sasaran ataupun KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (iv) pemberian anugerah kepada usahawan wanita sebagai tanda pengiktirafan kepada kejayaan mereka supaya dapat mengembangkan lagi perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi

■2040

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan peranan Majlis Penasihat dan Perunding Wanita (MPPW), memandangkan usaha bagi mengarusperdanakan wanita memerlukan kepakaran daripada pelbagai pihak, penubuhan satu Majlis dilihat memainkan peranan yang penting sebagai platform untuk mengintegrasikan perspektif wanita dalam pelbagai aspek termasuklah kesaksamaan gender. Justeru penubuhan Majlis Penasihat dan Perunding Wanita akan berperanan seperti berikut:

- (i) sebagai sebuah badan pemikir, pemantau dan penilai kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW);
- (ii) membantu kerajaan untuk mematuhi aspek kesaksamaan gender di peringkat negara dan antarabangsa seperti Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan mengupayakan peranan wanita di dalam pelbagai sektor selaras dengan pendekatan transformasi kerajaan yang berteraskan Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Model Baru Ekonomi;

Keanggotaan majlis ini akan merangkumi wakil semua teras Dasar Wanita dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita daripada sektor awam, sektor swasta NGO serta juga individu yang berkelayakan dalam bidang masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, wanita sebagai ahli lembaga pengarah, dasar sekurang-kurangnya 30% golongan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat menjelang tahun 2016 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah *affirmative* oleh kerajaan yang diyakini akan dapat meningkatkan lagi bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat. Seterusnya membolehkan mereka meningkatkan sumbangan di dalam bidang ekonomi.

Susulan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil tindakan bagi memastikan kumpulan wanita yang kompeten dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat tersenarai awam PLC melalui *Women Directors' Programme* sejak tahun 2012. Dalam tempoh tahun 2012 hingga tahun 2014, seramai 974 orang calon pengarah wanita telah pun dilatih di bawah Program Pengarah Wanita. Analisa mengenai kedudukan wanita dalam jawatan pembuat dasar sehingga Disember 2014, peratusan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam JUSA telah meningkat kepada 32.5% berbanding dengan 25.2% pada tahun 2006.

Daripada jumlah tersebut terdapat lapan orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian dan 27 orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dan juga Badan Berkanun. Bagi *Government-Linked Company* (GLC), analisis data oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hingga Januari pada tahun ini mendapati peratus Ahli Lembaga Wanita (ALP) 17%, iaitu 54 orang daripada jumlah keseluruhan 318 di 31 GLC dan lima *Government-Linked Investment Company* (GLIC). Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pula sehingga 31 Disember 2014 terdapat 16% daripada 3,513 orang ahli lembaga pengarah wanita di syarikat awam, *public companies* dan 10.2% bagi PLC.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga sedang melaksanakan *Flexible Working Arrangements* secara projek rintis selama tiga bulan mulai 1 Mac hingga 31 Mei 2015. Hasil projek rintis ini akan dikaji dengan teliti dan konsultasi lanjut akan diadakan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pada Julai 2015.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat berkaitan dengan kesedaran gender. Semenjak pindaan kepada Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2001 iaitu tiada diskriminasi berdasarkan gender adalah menjadi komitmen negara ke arah memastikan tiada sebarang diskriminasi berlaku terhadap wanita dan lelaki. Dasar Wanita Negara yang digubal seterusnya menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dalam mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara demi mencapai kesaksamaan gender.

Dalam hal kepimpinan wanita, isu *stereotype* dan persepsi kaum lelaki kini tidak begitu membimbangkan seperti sebelum ini. Ia dapat dilihat dengan kedudukan wanita dalam kepimpinan pada hari ini. Semakin ramai wanita yang telah diangkat menjadi pemimpin dalam sesuatu organisasi, malahan menjawat jawatan yang penting dalam sektor-sektor yang sebelum ini didominasi oleh golongan lelaki. Contohnya pelantikan wanita berkaliber dalam jawatan Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan Wanita. Bilangan ahli profesional wanita di pelbagai bidang juga telah meningkat dan hari ini terdapat ramai wanita profesional yang mendominasi pekerjaan seperti doktor gigi 65.7%, peguam 51.2% dan akauntan 50.6%.

Walau bagaimanapun kerajaan sentiasa meneruskan usaha untuk mengurangkan persepsi ini untuk memfokuskan kepada mentransformasikan pemikiran golongan lelaki terhadap wanita. Program Kesedaran *HeForShe* yang dimulakan oleh UN *Women* menyeru golongan lelaki meletakkan komitmen ke arah kesaksamaan gender. Ini juga menjadi strategi terkini negara dalam usaha berterusan menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi yang berdasarkan gender. Kerjasama strategik ini juga telah diwujudkan di antara kerajaan, pertubuhan kebajikan NGO dan sektor korporat bagi memastikan usaha ke arah kesaksamaan gender dijadikan usaha yang padu, sinergi dan juga komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat juga telah membangkitkan pandangan Malaysia dalam memperkasakan wanita di peringkat ASEAN. Di peringkat ASEAN, Malaysia merupakan ahli kepada Jawatankuasa Wanita ASEAN (ACW) dan secara aktif

memainkan peranannya dalam usaha membangunkan serta melindungi hak wanita di mana Malaysia telah menjadi Pengerusi ACW selama dua tahun iaitu pada tahun 2013 hingga tahun 2014. Komitmen Malaysia dalam memperjuangkan hak wanita di peringkat ASEAN juga diterjemahkan melalui penerbitan buku berjudul *Good Practices Illuminating Violence Against Women and Children*, dengan izin, yang menekankan amalan baik bagi membendung jenayah terhadap kedua-dua golongan berkenaan.

Buku itu tidak hanya memuatkan model amalan yang baik diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat malah turut mengandungi inisiatif yang digerakkan negara-negara ASEAN bagi membendung keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Selain itu, tahun ini Malaysia juga akan menganjurkan *ASEAN Regional Workshop on Gender Issues in Climate Change and its Adaptation*, dengan izin, sebagai satu usaha dan komitmen Malaysia dalam mengkaji keperluan-keperluan wanita dalam menghadapi arus pembangunan dan juga perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali iaitu berkenaan dengan bantuan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kebajikan bagi memastikan mereka yang miskin dan memerlukan seperti kanak-kanak, warga emas, ibu tunggal dan juga Orang Kurang Upaya dapat dibantu melalui pelbagai jenis bantuan yang disediakan. Jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh JKJ mengikut kategori dan kadar bantuan adalah seperti berikut:

- (i) Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) iaitu sebanyak RM350;
- (ii) Skim Bantuan Penjaga Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar (BBT) RM300;
- (iii) Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) RM200;
- (iv) Skim Bantuan Anak Pelihara RM250 hingga RM500;
- (v) Skim Bantuan Latihan Perantis RM200;
- (vi) Skim Bantuan Am Persekutuan RM80 hingga RM350;
- (vii) Skim Bantuan Kanak-kanak (BKK) RM100 hingga RM450;
- (viii) Skim Bantuan Orang Tuan (BOT) RM300;
- (ix) Pemberian Elaun Khas sebanyak RM150 sebulan kepada OKU mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Pelajar OKU di bawah kelolaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan.

■2050

Kadar bantuan yang disalurkan ketika ini adalah berpatutan dan telah mengambil kira keperluan semasa. Memandangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat, bermula dari tahun 2015 hingga kini kementerian telah meningkatkan kadar bantuan sebanyak RM50 bagi dua jenis skim bantuan iaitu:

- (i) skim elaun pekerja cacat (EPC) daripada RM300 kepada RM350; dan
- (ii) skim bantuan OKU tidak berupaya bekerja daripada RM150 kepada RM200.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengalu-alukan cadangan penubuhan sebuah koperasi bagi menggerakkan kegiatan ekonomi keluarga miskin. Malahan sebelum ini usaha ini pernah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka namun terpaksa dihentikan kerana usaha murni ini telah disalahertikan oleh sesetengah pihak. Sehubungan itu, adalah disarankan supaya beberapa tindakan dilakukan sebelum perkara ini dilaksanakan seperti berikut:

- (i) penerangan yang jelas mengenai peranan dan hala tuju koperasi dan memastikan setiap ahli memahaminya;
- (ii) persetujuan bertulis daripada ahli koperasi perlu didapatkan sebelum pemotongan ke atas bantuan JKM dilakukan; dan
- (iii) sebarang urusan dilakukan secara terus antara pihak pengurusan koperasi dengan ahli koperasi.

Ini adalah untuk mengelakkan sebarang salah faham dan supaya tidak timbul bahawa pihak kerajaan telah dengan sewenang-wenangnya memotong bantuan kewangan yang diterima oleh golongan miskin yang berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal, kelulusan bantuan kewangan bulanan JKM adalah bagi tempoh satu tahun sahaja. Setiap kes yang telah diluluskan akan dikaji semula sebelum tamat tempoh kelulusan bagi menilai semula kedudukan sosioekonomi penerima bantuan. Menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk membuat permohonan semula sekiranya masih memerlukan bantuan kewangan JKM. Permohonan semula boleh diajukan tiga bulan sebelum tarikh tamat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan, berdasarkan pembentangan Bajet 2015 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah teras bajet yang kelima, kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar catuan daripada RM8 kepada RM16 untuk 63 buah institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Ini tidak termasuk institusi di bawah pertubuhan sukarela kebajikan seperti PEYATIM yang mendapat bantuan kewangan kerajaan. Menyedari keperluan kos catuan ini juga perlu ditanggung oleh institusi kendalian pertubuhan sukarela kebajikan yang mendapat bantuan kewangan kerajaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mencadangkan kos catuan sebanyak RM16 juga turut diberikan kepada pertubuhan sukarela kebajikan untuk diangkat dalam dasar Bajet 2016, nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan kerajaan telah memperkenalkan dasar satu peratus peluang pekerjaan di sektor awam kepada OKU pada tahun 1988. Bagi memastikan keberkesanan pencapaian pelaksanaannya, dasar satu peratus peluang pekerjaan ini telah diperkukuhkan lagi melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 yang mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Usaha ini merupakan inisiatif kerajaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor awam kepada golongan OKU yang berkelayakan.

Walau bagaimanapun, pencapaian dasar ini bergantung kepada permohonan yang dikemukakan dan pelantikan yang dibuat oleh pihak berkuasa melantik di peringkat Kerajaan Persekutuan dan negeri. Pelantikan OKU dibuat berdasarkan calon memenuhi syarat-syarat lantikan yang ditetapkan dalam satu skim perkhidmatan. Kesesuaian calon dengan bidang tugas jawatan serta kemudahan yang disediakan oleh agensi yang berkenaan. Berdasarkan rekod dari Jabatan Perkhidmatan Awam hingga bulan Disember 2014, seramai 3,741 orang ataupun 0.22% orang penjawat awam dalam kalangan OKU sedang berkhidmat dalam pelbagai kumpulan perkhidmatan di pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan termasuklah di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Menyedari bahawa pekerjaan merupakan aspek penting bagi membolehkan seseorang individu termasuklah OKU menjalani kehidupan yang berkualiti dan berdikari, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyeru kepada semua kementerian dan agensi untuk sama-sama memberi peluang kepada golongan OKU yang berpotensi untuk bekerja supaya dasar satu peratus peluang pekerjaan kepada OKU ini dapat kita capai.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan juga telah menimbulkan tentang penguatkuasaan kemudahan OKU. Kementerian bersama beberapa kementerian dan agensi telah menyediakan pelbagai dasar perundangan, piawaian dan garis bantuan berkaitan keperluan menyediakan kemudahan dan persekitaran mesra OKU. Antaranya termasuklah:

- (i) Dasar dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU);
- (ii) Undang-undang Kecil 34A;
- (iii) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- (iv) Piawaian MS1184:2014, *Universal Design and Accessibility in the Built Environment - Code of Practice (Second Revision)*;
- (v) MS1183:1990, *Code of Practice for Means of Escape for Disabled Persons*;
- (vi) *Guidelines on Buildings Requirements for Disabled Persons* pada tahun 1999;
- (vii) Garis Panduan Perancangan Reka bentuk Sejagat ataupun Universal Design tahun 2010; dan
- (viii) Manual Audit Akses 1Malaysia sebagai garis bantuan untuk fasilitator reka bentuk sejagat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang dalam tindakan menyemak semula Akta Orang Kurang Upaya 2008 dengan mengambil kira perkembangan dan keadaan semasa bagi memastikan keperluan OKU diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penubuhan Jabatan Hal Ehwal OKU oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan. Kementerian mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat berkenaan berhubungan penubuhan Jabatan Hak Ehwal OKU. Pada masa ini Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) telah ditubuhkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang mana ia ditubuhkan bagi menjalankan tanggungjawab berkaitan pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, perkembangan dan juga kesejahteraan OKU. Kementerian akan sentiasa meningkatkan

usaha dan memantapkan lagi fungsi JPOKU termasuk memberi perhatian kepada peranan pemantauan keperluan OKU.

JPOKU telah melaksanakan pelbagai dasar, program dan pemantauan bagi memastikan golongan OKU menikmati hak kepada peluang dan perlindungan serta juga bantuan sama rata dalam segala aspek. Namun, kerjasama dan komitmen daripada semua kementerian, agensi, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan komuniti sangat diperlukan bagi memastikan penyertaan dan perkhidmatan penuh OKU dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon berkaitan dengan taska, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memastikan setiap penubuhan taska yang ditubuhkan adalah wajib didaftarkan dengan JKM, sama ada di tempat kerja kerajaan ataupun swasta. Wajib mematuhi standard minimum yang dinyatakan di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 serta Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012.

Sehingga kini terdapat 152 taska tempat kerja telah ditubuhkan di seluruh Malaysia di mana 123 adalah taska tempat kerja awam dan 29 lagi taska di tempat kerja swasta. Bagi taska di tempat kerja awam setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan telah diperuntukkan geran penubuhan taska sebanyak RM200,000 sebagaimana yang diputuskan di dalam Bajet 2013 manakala taska di tempat kerja swasta, majikan boleh mendapatkan pengecualian cukai sebanyak 10% selama lima tahun berturut-turut.

Isu dan kekangan penubuhan di tempat kerja isu berkaitan bangunan dan ruang yang terhad. Bagi memastikan taska di tempat kerja awam dan swasta mencapai tahap kualiti yang tinggi JKM telah mewajibkan setiap pengusaha, pengurus, penyelia dan pengasuh yang bekerja di dalam industri taska ini wajib menghadiri dan lulus Kursus Asuhan PERMATA.

Syarat wajib ini perlu kerana dalam modul KAP itu menitikberatkan aspek perkembangan awal kanak-kanak termasuklah aspek pembelajaran, keselamatan, komunikasi, pertumbuhan fizikal kanak-kanak dan juga emosi mereka. Di samping itu, daripada aspek pemakanan kanak-kanak di taska adalah juga diwajibkan mendapatkan kelulusan dari Jabatan Kesihatan Malaysia.

■2100

Setiap menu dan perubahan menu juga perlu mendapat kelulusan agensi berkenaan agar pemakanan kanak-kanak itu berzat. Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui pegawai yang diberi kuasa, ditugaskan untuk membuat pemantauan berkala agar setiap taska mematuhi peraturan yang telah ditetapkan ini.

Bagi meningkatkan kualiti sesebuah taska demi menjamin keselesaan dan juga keselamatan kanak-kanak, setiap taska wajib mematuhi aspek nisbah pengasuh. Aspek nisbah pengasuh ini sangat penting mengikut kategori umur agar kanak-kanak yang berada di taska mendapat perhatian sepenuhnya daripada pengasuh. Nisbah adalah seperti berikut:

- (i) bagi umur bawah satu tahun - kanak-kanak normal, 1:3 manakala bagi kanak-kanak OKU, 2:3;
- (ii) bagi umur satu hingga dua tahun - 1:5, manakala bagi kanak-kanak OKU, 2:5; dan,
- (iii) bagi kanak-kanak berumur tiga hingga empat tahun – 1:10, manakala kanak-kanak OKU, 2:10.

JKM bersama tiga buah agensi yang lain pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan Malaysia juga membuat pemantauan ke atas taska yang berdaftar bagi memastikan tahap keselamatan dan kebersihan taska diuruskan dengan baik. Antara tindakan yang diambil ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat mengadakan *fire drill* ke atas taska sekurang-kurangnya dua kali setahun. Manakala Jabatan Kesihatan mengadakan rawatan gigi kepada kanak-kanak di taska, PBT pula memastikan tiada pengubahsuaian dilakukan ke atas bangunan sedia ada tanpa kebenaran kerana bimbang timbul ketidakselesaan kepada kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, maka setakat ini sahajalah penerangan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya berharap penjelasan ini telah dapat memberikan gambaran yang jelas pada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator...

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: [*Bangun*]

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Yang menyentuh bidang tugas dan peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ada yang hendak mencelah.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Boleh mencelah? Yang Berhormat tidak jawab soalan saya mengenai eKasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, eKasih ini akan dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri kerana ia ada kaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: *Insya-Allah*, kementerian akan mengambil perhatian teguran dan pandangan yang telah diutarakan oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya akan diterjemahkan melalui tindakan yang sewajarnya. Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat Senator akan terus memberikan sokongan dalam usaha kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi kita sama-sama memastikan rakyat mendapat faedah dan melalui impak yang maksimum. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Kementerian Kerja Raya.

9.03 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan. *Bismillahi Rahmani Rahim*, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan turut menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya pada minggu lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut ialah Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed; Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman; Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin; dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Segala cadangan, pandangan dan teguran mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, amat dihargai dan akan diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam semasa perbahasan tempoh hari telah membangkitkan status projek naik taraf dan membina jalan baru empat lorong pesisiran pantai negeri Melaka iaitu Kuala Linggi-Masjid Tanah-Sungai Udang-Klebang-Limbongan-Jalan Pantai-Jambatan Syed Abdul Aziz-Alai-Telok Mas. Kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri atas keprihatinan beliau yang sentiasa membangkitkan mengenai isu projek ini dalam setiap perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Aspirasi dan harapan Yang Berhormat Senator Tan Sri ini telah diambil perhatian oleh kementerian yang mana kajian kemungkinan projek berkenaan telah pun disiapkan pada tahun 2013 yang lalu. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri, cadangan projek jalan pesisir pantai negeri Melaka ini telah dipohon dalam senarai projek baru dengan kedudukan ataupun ranking tertinggi untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu antara 2016 hingga 2020 di negeri Melaka. Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM1.1 bilion dan berkemungkinan ia akan dilaksanakan secara berfasa tertakluk kepada kelulusan Rancangan Malaysia Kesebelas yang dijangka akan diketahui pada bulan Jun 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman iaitu Tan Sri Speaker sendiri telah membangkitkan mengenai status semasa projek menaik taraf di jalan Central Spine termasuk laluan ke Kota Bharu-Kuala Krai. Isu yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; dan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf jalan *Central Spine* melibatkan Jalan Persekutuan 8 (FT08) dari Bentong-Raub-Lipis-Gua Musang-Kuala Krai sepanjang 390 kilometer. Projek bernilai RM6.6 bilion ini telah diluluskan secara berfasa melalui Rancangan Malaysia yang Kesepuluh. Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada enam buah pakej utama.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, keutamaan kerajaan ialah untuk melaksanakan Pakej 3 terlebih dahulu iaitu melibatkan laluan Merapoh - Kampung Relong di Lipis, Pahang. Ini kerana laluan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan ataupun lebih dikenali sebagai *black spot area*, dengan izin.

Setakat ini, sepanjang 13.6 kilometer jalan baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas iaitu melibatkan laluan dari Kampung Kubang Rusa-Felda Chegar Perah 2, Kuala Lipis. Manakala laluan dari Felda Chegar Perah 2-Felda Telang sepanjang 12.4 kilometer dan laluan Felda Telang ke Seberang Jelai pula iaitu 15.6 kilometer kini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu masing-masing dijangka akan siap pada bulan Jun 2015 dan bulan Oktober 2016. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada Pakej 5 dari Raub-Bentong iaitu melibatkan laluan dari Kampung Asap-Kampung Sertik sepanjang 4.5 kilometer telah di tender pada bulan Januari 2015. Manakala pakej-pakej lain Jalan Central Spine ini akan di tender dan akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas atau 2016 hingga 2020.

Manakala untuk skop projek membina dan menaik taraf Jalan Kota Bharu-Kuala Krai pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, kerajaan telah memutuskan pelaksanaan projek tersebut dibuat secara berperingkat disebabkan ia melibatkan kos yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM2 bilion. Pada masa kini, kerajaan telah meluluskan dua fasa pembinaan untuk projek membina jalan Kota Bharu-Kuala Krai iaitu seperti berikut:

Fasa satu iaitu pakej 1B, Pasir Hor ke Kadok- projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014 dan dijangka siap pada bulan April 2017 iaitu memakan masa 36 bulan. Harga kontrak semasa adalah sebanyak RM168.4 juta.

■2110

Manakala fasa dua atau Pakej 2A dari Kadok ke Ketereh, projek ini telah dimulakan pada bulan April 2015 dan dijangka siap pada bulan April 2018 iaitu memakan masa juga dalam tempoh 36 bulan. Harga kontrak semasa adalah sebanyak RM136.6 juta.

Pakej seterusnya bagi melengkapkan jajaran dari Kota Bharu ke Machang kini sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk dan akan dimulakan pembinaan sebaik sahaja siap Pakej 1B iaitu dijangka pada bulan April 2017.

Manakala baki jajaran Kota Bharu ke Kuala Krai yang lain akan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang diterima daripada agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu status projek lebuh raya rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pula, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Pusat. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Kelantan pada bulan April 2014 yang lalu telah menawarkan tender pembinaan projek lebuh raya rakyat bagi menghubungkan Bukit Tiu, Machang dengan Dusun Damar, Kuala Krai kepada sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Difahamkan projek tersebut masih dalam peringkat awalan iaitu melibatkan kerja-kerja tanah sahaja. Sehubungan itu, penjelasan mengenai isu status kemajuan semasa projek lebuh raya rakyat bolehlah dirujuk kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman semasa perbincangan tempoh hari juga telah membangkitkan isu berkaitan dengan status pembinaan Projek Lebuh raya Pantai Timur khususnya di negeri Kelantan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Tan Sri sedia maklum, Projek Lebuh raya Pantai Timur (LPT) dilaksanakan secara berfasa iaitu melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. LPT Fasa 1 di Pahang sepanjang 169 kilometer telah siap dibina pada tahun 2004 manakala LPT Fasa 2 pula untuk negeri Terengganu iaitu sepanjang 184 kilometer baru sahaja disiapkan dan dibuka sepenuhnya kepada lalu lintas iaitu pada 31 Januari 2015 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tan Sri, cadangan Projek Lebuh raya Pantai Timur Fasa 3 di Kelantan atau LPT3 sememangnya diakui berpotensi untuk dilaksanakan menerusi kaedah penswastaan. Perkara ini kini sedang dalam pertimbangan agensi pusat. Setakat ini, kajian kemungkinan awal projek LPT3 telah pun disiapkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2009 di mana ia telah mengenal pasti cadangan jajaran laluan yang terlibat iaitu dari Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu hinggalah ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 147 kilometer. Sehubungan itu, keputusan dasar mengenai pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan diumumkan oleh kerajaan pada bulan Jun 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin pula telah membangkitkan isu-isu berkaitan operasi di Lebuh raya Pantai Timur Fasa 2 Negeri Terengganu atau LPT2. Sebagaimana yang telah dimaklumkan tadi, LPT2 sepanjang 184 kilometer ini telah dibuka secara keseluruhannya kepada pengguna pada 31 Januari 2015. Pada masa kini, jumlah trafik yang menggunakan LPT2 dianggarkan sekitar 15,000 buah kenderaan sehari. Jumlah tersebut dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa berikutan dengan LPT2 ini memberikan akses laluan yang lebih cepat dan selamat untuk ke negeri Terengganu berbanding menggunakan Jalan Persekutuan yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa kemudahan yang telah disediakan di sepanjang lebuh raya LPT2. Antara *facility* atau kemudahan yang disediakan di sepanjang lebuh raya ini ialah tiga kawasan rehat iaitu Kawasan Rehat Perasing, arah ke Kuala Terengganu, Kawasan Rehat Paka di kedua-dua arah dan Kawasan Rehat Ajil di kedua-dua arah. Terdapat juga dua hentian sebelah yang telah dibina iaitu Hentian Sebelah Kijal di kedua-dua arah dan Hentian Sebelah Bukit Besi di kedua-

dua arah. Di samping itu, stesen-stesen minyak yang baru juga akan dibina di setiap kawasan rehat dan dijangka akan beroperasi selewat-lewatnya pada akhir tahun ini.

Mengenai isu kualiti permukaan jalan yang beralun dan tidak rata di LPT2 pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kualiti turapan di lebuh raya ini secara umumnya adalah berkeadaan baik dan ia mematuhi spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan. Walaupun begitu, kementerian ini telah mengenal pasti beberapa buah lokasi yang agak beralun dan tidak rata iaitu di KM276.5, KM280.6 dan KM413. Keadaan ini Yang Berhormat disebabkan jajaran lebuh raya ini dibina di kawasan yang berpaya yang memerlukan masa untuk proses pemadatan tanah. Masalah jalan beralun ini bukanlah melibatkan aspek kegagalan struktur asas jalan tetapi ia lebih merupakan satu bentuk kecacatan atau *defect* sahaja di mana ia tidak menjejaskan operasi keseluruhan lebuh raya berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek LPT2 ini masih di bawah tanggungan kerosakan oleh pihak kontraktor yang terlibat. Sehubungan itu, pihak kontraktor telah dan sedang mengambil tindakan untuk menurap semula lokasi yang terlibat. Keseluruhan kerja pembaikan tersebut dijangka akan disiapkan dalam tempoh masa yang terdekat, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah kemalangan di LPT2 pula...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Silakan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan tempoh penyerahan rasmi itu agak lama lagi kepada pengusaha kontraktor lebuh raya LPT2, apakah tanggungan kerosakan yang begitu banyak itu tidakkah merugikan ataupun kita menganiayai pihak kontraktor yang berkenaan? Saya melihat banyak tempat yang rosak akibat daripada kemalangan dan sebagainya, apakah itu semua tanggungjawab kepada kontraktor berkenaan kerana ia belum diserahkan lagi? Mohon pencerahan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Memang benar Yang Berhormat, sepanjang tempoh iaitu masanya setahun Yang Berhormat dari tempoh siapnya projek ataupun program tersebut hinggalah satu tempoh selama 12 bulan, ia masih di bawah tanggungan pihak kontraktor, Yang Berhormat. Jadi segala kerosakan yang terlibat, kontraktor bertanggungjawab untuk memperbaikinya dan seterusnya memberikan laporan. Sekiranya ada lagi *spot* ataupun kawasan-kawasan yang tertentu yang perlu Yang Berhormat boleh sampaikan kepada pihak kementerian, mohon jasa baik Yang Berhormat untuk memaklumkan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan segera. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berhenti dalam membincangkan mengenai jumlah kemalangan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun iaitu kadar kes kemalangan yang dicatatkan di LPT2 sejak 1 Februari 2015 hingga 18 April 2015 sebanyak 213 kes kemalangan, sangat tinggi.

■2120

Daripada jumlah tersebut, 140 kes kemalangan atau pun 66% adalah disebabkan oleh faktor kecuaiannya manusia Yang Berhormat, seperti pemanduan melebihi had laju, mengantuk dan gagal mematuhi arahan keselamatan. Manakala 53 kes iaitu sebanyak 25% Tuan Yang di-Pertua berpunca daripada faktor persekitaran termasuklah pencerobohan haiwan ternakan ataupun haiwan liar dan 20 kes lagi Yang Berhormat iaitu 9% berpunca daripada faktor mekanikal kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian ini sememangnya memandang serius isu kemalangan LPT2 yang disebabkan oleh pencerobohan haiwan ternakan dan haiwan liar. Ini berikutan terdapat pagar-pagar keselamatan yang telah dirosakkan atau dipotong oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga mengakibatkan haiwan-haiwan tersebut sudah mudah lolos memasuki kawasan rizab lebuhraya.

Sehubungan itu, kementerian ini telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat termasuklah pihak polis, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk mengadakan operasi bersepadu bagi menangkap haiwan-haiwan ternakan yang terdapat berkeliaran di kawasan rizab lebuhraya. Kementerian ini turut mengadakan sesi *engagement*, dengan izin, dengan Persatuan Penduduk Tempatan dan para penternak mengenai risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya ataupun lebuhraya akibat daripada tindakan vandalisme pemotongan pagar keselamatan itu. Di samping itu, kementerian ini telah mengarahkan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk meningkatkan perkhidmatan unit rondaan di sepanjang lebuhraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman telah membangkitkan isu status projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, cadangan Projek Lebuhraya Pan Borneo telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2015 yang lalu. Lebuhraya Pan Borneo ini melibatkan cadangan membina dan menaik taraf jalan sepanjang 1,663 km iaitu 936 km di Sarawak dan 727 km di Sabah. Projek ini akan dilaksanakan menerusi inisiatif pihak swasta menerusi konsep *Private Finance Initiative* (PFI) dengan anggaran kos projek keseluruhan sebanyak RM27 bilion. Projek Lebuhraya Pan Borneo ini akan dilaksanakan secara berfasa dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, fasa pertama projek Lebuhraya Pan Borneo untuk negeri Sarawak dengan nilai projek sebanyak RM13 bilion telah dilancarkan pada 31 Mac 2015 yang lalu. Dijangkakan perjanjian konsesi Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan dimuktamadkan dalam tempoh masa yang terdekat ini. Manakala untuk negeri Sabah pula, cadangan penswastaan Lebuhraya Pan Borneo di negeri tersebut masih dalam peringkat rundingan di antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan syarikat konsesi yang berminat. Dijangkakan perbincangan lanjut mengenai konsesi Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini akan dimulakan dalam tempoh masa yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan telah memutuskan untuk tidak mengenakan tol di Lebuhraya Pan Borneo di kedua-dua negeri iaitu negeri

Sabah dan negeri Sarawak. Ini kerana tiada laluan alternatif pada Lebuhraya Pan Borneo yang merupakan laluan perhubungan utama kepada pengguna di Sabah dan juga negeri Sarawak. Apabila siap kelak, lebuhraya ini bakal menjadi pemangkin untuk merencanakan pembangunan sosioekonomi di kedua-dua negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman pula telah membangkitkan mengenai isu kos keseluruhan yang diperlukan untuk memperbaiki semula infrastruktur awam yang mengalami kerosakan seperti jalan dan jambatan akibat bencana banjir luar biasa yang berlaku pada akhir tahun lalu dan awal tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini menganggarkan keperluan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.0 bilion bagi tujuan membaik pulih kerosakan jalan, jambatan dan cerun di seluruh negara yang terlibat dengan bencana banjir besar pada akhir tahun 2014 dan pada awal tahun ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM660 juta atau 65% ialah anggaran untuk tujuan memperbaiki jalan, jambatan dan cerun di Jalan Persekutuan sahaja. Pada masa ini Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan awalan iaitu sebanyak RM150 juta daripada agensi pusat. Projek baik pulih kerosakan infrastruktur akibat banjir ini sedang dilaksanakan mengikut senarai keutamaan dan kategori kerosakan dan ia dijangka akan siap secara berperingkat-peringkat iaitu selewat-lewatnya pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembinaan rumah kekal mangsa banjir pula, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Unit Pemulihan Pasca Banjir di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaras dan mengurus selia semua program pemulihan pasca banjir oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Unit Pemulihan Pasca Banjir ini dibantu oleh dua Jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Rumah Kekal yang diterajui oleh Kementerian Kerja Raya dan Jawatankuasa Pembaikan Kerosakan Rumah yang diselaras bersama oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, kerajaan melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara telah meluluskan peruntukan sebanyak RM174 juta kepada kementerian ini untuk membina unit-unit rumah kekal dan RM40 juta kepada KKLW untuk pembaikan rumah yang mengalami kerosakan. Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek, kerajaan membenarkan Kementerian Kerja Raya untuk membuat lantikan terus di kalangan kontraktor tempatan kelas G1, G2 dan G3 yang berwibawa dan berdaftar dengan CIDB dengan menggunakan Jadual Kadar Kerja Semasa JKR.

Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Panjang lagi kah Yang Berhormat?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya ada dua isu lagi Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya diizinkan, saya boleh memberikan jawapan ini secara bertulis, sekiranya diizinkan Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Kita ada dua minit lagi. Kalau habiskan...

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya habiskan pasca banjir dan...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: ...Seterusnya isu yang melibatkan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed ya. Sekiranya diizinkan saya boleh memberikan beliau secara bertulis, sekiranya dipersetujui.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sila Yang Berhormat.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan soalan saya tadi, apakah kementerian akan memantau sebab Titah Tuanku bahawa reka bentuk rumah yang hendak dibina hendaklah seragam? Itu persoalan saya tempoh hari. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ini ada dalam jawapan saya Tuan Yang di-Pertua ya. Izinkan saya untuk teruskan dan sekiranya kita tidak lagi mempunyai ruang masa, kita akan sambung atau pun saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya katakan tadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 14 April 2015, sebanyak 2,094 unit rumah kekal telah dikenal pasti bagi maksud dibina baru, iaitu sebanyak 1,827 unit di Kelantan, 224 unit di Pahang, 17 unit di Terengganu dan 26 unit lagi di Perak. Daripada 2,094 unit ini, 1,412 atau pun 67% akan dibina menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat dan bakinya dibina oleh kerajaan negeri masing-masing. Pada masa kini, 5 unit rumah kekal telah disiapkan, 252 unit rumah sedang dibina dan 86 unit lagi dalam peringkat pra-bina dan 109 unit lagi tidak layak untuk dipertimbangkan untuk tujuan pembinaan rumah kekal.

Manakala baki rumah sebanyak 1,069 unit lagi masih belum dimulakan kerana JKR perlu menunggu maklum balas daripada kerajaan negeri mengenai status tapak tanah iaitu tanah ragu status dan ada yang tidak mempunyai tanah bagi mangsa-mangsa yang terlibat.

Untuk...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya cadangkan jawapan lain itu diberi secara bertulis.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri yang telah menjawab perkara-perkara dalam

pembahasan Titah Diraja dan juga kepada semua pegawai kerajaan yang ada di dalam Dewan ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih berada di dalam Dewan yang mulia ini, sungguhpun masa sudah 9.31 malam, saya mengucapkan terima kasih dan syabas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Selasa 21 April 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.31 malam.]